




BAB PERTAMA

- **Tawassul Dan Wasilah Dalam Pancaran
Al-Quran Dan As-Sunnah**
- **Ziarah Dan Dalil Syariatnya**
- **Menziarahi Kubur Disyariatkan Keberangkatan
Melakukan Ziarah**
- **Adab-adab Ziarah**



TAWASSUL DAN WASILAH

Dalam Pancaran Al-Quran Dan As-Sunnah

Pada hari kiamat setiap manusia akan datang beserta Rasul masing-masing. Namun tidak ada umat yang diberi keutamaannya seperti umat ini, dan tidak ada Rasul yang darjat dan nilainya seperti Rasul kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam. Rasul kita yang agung diutus oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menjadi penerang bagi agamaNya dan bagi kebenaran, untuk menjadi tunjang utama bagi tauhidNya, dan untuk menjadi pelopor bagi jihadNya dalam dakwah. Baginda menyelesaikan semua tugasnya dengan sikap amanah. Maka selawat dan salam baginya dari lubuk hati dan fikiran. Baginda membuka penglihatan dengan cahaya dakwahnya yang terang bagi mata yang melihat, mahu pun buta.

Allah s.w.t. menampilkan tanda-tanda nubuwwah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam setelah memantapkannya dengan mukjizat Al-Quran. Allah Subhanahu wa Ta'ala juga memperkaya Baginda lebih dari utusanNya yang lain dengan dalil-dalil dan bukti-bukti. Hal itu boleh menjadi tambahan penjelasan untuk memperkuat perdebatan dalam menghadapi orang-orang yang kurang kepandaiannya dan menundukkan orang-orang yang lemah *basirah*nya. Dengan demikian, Al-Quran yang mulia lagi menakjubkan ini menyedarkan manusia kerana ia boleh mengetuk hati mereka dan disertai pula dengan pemikiran dan petunjuk sebagai dalil. Juga mengkagumkan bagi orang yang sangat berhati-hati dan mengagungkan pemikirannya. Justeru, orang-orang yang bodoh akan bersedih hati kerana angan-angan dan penglihatannya dikalahkan, sedangkan orang-orang yang pintar tumpas dengan pemahaman dan penjelasannya. Jelasnya, Al-Quran boleh mendekati setiap

tingkatan manusia dari berbagai haluan, sehingga mereka dapat mencernakan dan meresapi penjelasannya. Apa yang terkandung di dalamnya mempunyai daya tarik yang tersendiri bagi setiap jenis manusia.

Kitab-kitab terdahulu telah memberi isyarat tentang terhormatnya kedudukan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, tentang jangkauan ilmunya yang sangat tinggi yang tidak mungkin dicapai oleh manusia lain, serta kemuliaan darjat di aspek itu. Baginda telah menyelesaikan tugasnya dengan mantap, yang boleh diketahui oleh sesiapa sahaja yang mengikuti sebahagian keadaannya, yang menyusuri sejarahnya, yang mempelajari kata-katanya yang singkat tetapi padat, yang mencermati keelokan peribadinya, keindahan peranannya, kebijaksanaan sabda-sabdanya dan ilmunya tentang apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, hikmah-hikmah para cerdik pandai, atau sejarah umat-umat yang sudah musnah. Baginda juga membawa pelbagai teladan, pengurusan makhluk, ketetapan syariat, penerapan adab psikologi dan akhlak yang terpuji. Ilmu yang dibawanya banyak dikutip oleh para cendekiawan melalui sabda-sabdanya. Tanda-tanda kebenarannya adalah dalilnya yang kuat tentang berbagai hal.

Semua itu termasuk mukjizat Rasulullah yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala tanpa diajarkan atau dilatih, tanpa membaca kitab umat-umat terdahulu, atau belajar dari ulama' ulama' yang mendahuluinya. Nabi yang buta huruf ini tidak mengetahui semua hal-hal tersebut hingga Allah Subhanahu wa Ta'ala melapangkan dadanya kemudian menjelaskan, mengajarkan, dan membacakan untuknya.

Sejajar dengan itu, adalah penelitian tentang keadaannya jika perlu, dan dengan bukti yang mantap berdasarkan pandangan-pandangan nubuwah yang keseluruhannya tak terhitung dan tidak dapat dihafal.

Maka dengan perhitungan kecerdasan fikirannya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam boleh memahami semua yang diajarkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala, ilmu tentang segala kejadian, juga tentang keajaiban, kekuasaan dan keagungan kerajaannya.

Allah s.w.t. berfirman:

وَعَلَّمَكَ
مَا لَمْ تَكُن تَعْلَمُ وَكَانَ فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا

'...dan Dia telah mengajarkanmu apa yang engkau tidak mengetahuinya. Dan adalah kurnia Allah yang dilimpahkanNya kepada mu amatlah besar.'

(An-Nisa' : 113)

Rasul kita Nabi yang buta huruf, yang keperibadiannya seperti ini sudah pasti kedudukannya sangat tinggi. Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam adalah manusia pilihan Ilahi. Alasan mengapa Allah memilihnya merupakan rahsia yang tidak mampu dicapai oleh akal yang bijak pandai sekalipun, dan merupakan pilihan Rabbani yang tidak akan dapat dicapai oleh hati-hati yang sadar dengan ketetapan pemilihan dari Baginda. Maka tidak hairanlah apabila Allah Subhanahu wa Ta'ala menjadikan perintah-perintahNya sebagai hal yang luar biasa, dan menyimpang dari adat kebiasaan. Meskipun manusia, Baginda bukanlah seperti manusia lain. Baginda adalah rahmat dari Allah bagi alam semesta, dan Nabi yang diutus, yang tidak sebagaimana semua Nabi dan Rasul yang lain. Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ قَبْلِي: نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ
مَسِيرَةَ شَهْرٍ جُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، فَأَيُّمَا رَجُلٍ مَن
أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ. وَأَحَلَّتْ لِي الْغَنَائِمُ وَلَمْ تُحَلِّ لِأَحَدٍ
قَبْلِي، وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ، وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً،
وَيُبْعَثُ إِلَى النَّاسِ عَامَّةً.

'Telah diberikan kepadaku beberapa perkara yang tidak diberikan kepada Nabi-nabi sebelumku. Aku diberi pertolongan dengan menimbulkan rasa ketakutan (pada musuh) dengan jarak perjalanan selama sebulan. Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid dan bersih kesemuanya,

apabila waktu sembahyang menjelma kepada seseorang dari umatku maka sembahyanglah (walau di mana ia berada). Dihalalkan bagiku harta rampasan perang dan ia tidak dihalalkan bagi seseorang pun sebelum aku. Dan aku juga diberikan syafaat (pada hari kiamat nanti). Aku diutuskan kepada manusia seluruhnya, sedangkan Nabi-Nabi sebelumku hanya diutuskan kepada kaumnya sahaja.’ (Diriwayatkan oleh Al Bukhari, Muslim dan An Nasa-i dari Jabir)

Begitulah adanya. Baginda diberi Allah kekhususan untuk menganugerahkan syafaat yang agung dan dianugerahkan kedudukan yang terpuji. Justeru, sama sekali tidak menghairankan apabila Baginda merendah diri sedemikian rupa di hadapan Allah. Sementara itu, semua orang bertawassul dengan perantaraannya, dengan memanfaatkan kedudukannya yang tinggi, tempatnya yang agung, serta darjatnya yang utama di sisi Allah; pun dengan rasa kasihnya terhadap Allah Subhanahu wa Ta’ala dan cinta Allah Subhanahu wa Ta’ala terhadapnya, juga dengan rahsia-rahsia yang terbentang di antara dirinya dengan Allah.

Bukan lagi merupakan hal yang menakjubkan bila kita bertawassul dengan perantaraannya kepada Allah s.w.t. tatkala menghadapi keadaan yang mendesak dan memerlukan pertolonganNya. Allah telah mengatur hal tersebut di dalam kitabNya, sementara Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wa sallam* sendiri telah menjelaskannya di dalam Sunnahnya.

Firman Allah s.w.t. :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا
اَتَّقُوا اللّٰهَ وَاَبْتَغُوْا اِلَيْهِ الْوَسِيْلَةَ

‘Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya.’

(Al-Maidah : 35)

Juga firman Allah s.w.t. :

أُولَئِكَ الَّذِينَ
يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ
رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُ

'Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampirkan diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekalipun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapakan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya.'

(Al-Isra' : 57)

Jadi wasilah adalah semua yang digunakan sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada sesuatu.

Ada beberapa jenis istilah yang boleh dipakai dalam hal ini, tetapi ertinya sama sahaja, seperti al wasala, al-wasail, al-tawsil, al-tawassul. Dengan demikian boleh dikatakan : Si fulan menghubungi Tuhannya dengan perantaraan penghubung (wasilah) dan mendekatkan diri kepadanya dengan perantaraan amal perbuatan tertentu. Atau dengan kata lain, wasilah adalah semua yang dijadikan sebab dikabulkan sesuatu permohonan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dan menolong untuk mendekatkan diri kepadaNya. Si penghubung dalam hal ini adalah seseorang atau sesuatu yang memiliki nilai dan kedudukan lebih tinggi dibandingkan orang yang minta perantaraan untuk memohon kepadaNya.

Manakala lafaz Al-Wasilah secara umum mencakupi dua hal. Pertama: Memohon dengan perantaraan kebaikan para Nabi dan orang-orang yang soleh, baik semasa mereka hidup mahupun setelah mereka wafat. Kedua : Memohon dengan perantaraan amal-amal baik yang diperintahkan oleh Allah, yang pernah dia lakukan. Ini seperti yang terjadi kepada tiga orang lelaki yang memasuki sebuah gua, kemudian banjir menyebabkan sebuah batu besar menggelongsor dan menutupi pintu gua sehingga ketiga-tiga mereka ini tidak boleh keluar. Kisah ini dimuatkan

di dalam hadis Bukhari dan lain-lain. Penjelasannya adalah sebagai berikut :

Salah seorang daripada mereka berkata : Tidak ada yang boleh menyelamatkan kamu semua kecuali bila kamu memohon kepada Allah dengan amal-amal soleh yang telah kamu lakukan. Maka masing-masing berdoa dengan menggunakan perantaraan amal soleh mereka seraya memohon agar hal itu boleh diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ternyata Allah mengabulkan permohonan mereka dan mereka pun bebas dari kesulitan tersebut.

Jadi jelaslah, bertawassul dengan perantaraan amal yang pernah dilakukan berbeza dengan bertawassul dengan melakukan amal itu sendiri. Ketiga-tiga orang tersebut tidak melakukan ama-amal solehnya pada waktu itu, melainkan meratap kepada Allah dengan amal-amal soleh itu. Jadi, mereka mendapatkan kebebasan bukan kerana amal itu sendiri, tetapi kerana doanya dengan amal itu. Dari kejadian tersebut juga nampak bahawa sarana yang digunakan sebagai wasilah haruslah memiliki nilai dan harga di sisi Allah. Hal ini merupakan syarat yang umum sebagaimana yang boleh kita temui di dalam hadis-hadis sahih dan athar-athar yang kuat.

Al-Thabrani r.a. di dalam **Mu'jamnya** yang agung, mengeluarkan sebuah hadis dengan sanad orang-orang yang benar, seperti Ibn Hibban r.a. dan Al-Hakim r.a. dari Anas Radiallahu'anhu, beliau berkata : *"Tatkala Fathimah binti Asad r.a., ibunda Ali bin Abu Talib r.a. wafat, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam masuk ke rumahnya...'* hingga pada akhir hadis dikisahkan:

أَنَّهُ لَمَّا فَرَّغَ عَنْ حَفْرِ لِحْدِهَا دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاصْطَجَعَ فِيهِ وَقَالَ: "اللَّهُ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ، اغْفِرْ لَأُمِّي فَاطِمَةَ بِنْتِ أَسَدٍ، وَلَقَنَّتْهَا حُجَّتْهَا وَوَسَّعَ عَلَيْهَا مَدْخَلَهَا بِحَقِّ نَبِيِّكَ وَالْأَنْبِيَاءِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِي فَإِنَّكَ، أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ"

Setelah selesai menggali kuburnya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam masuk dan bersandar seraya bersabda : 'Ya Allah Yang Menghidupkan dan Mematikan, Dia yang

Hidup dan tidak pernah mati, ampunilah ibundaku, Fatimah binti Asad, terimalah permohonannya, dan lapangkanlah baginya jalan masuknya (ke kubur), demi NabiMu dan Nabi-Nabi sebelumnya, kerana Dikau Maha Pengasih dan Maha Penyayang.'

Dalam hadis di atas kita boleh melihat betapa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bertawassul kepada Tuhannya dengan perantaraan dirinya sendiri, yang memang memiliki kedudukan yang tertinggi, dan diri saudara-saudaranya sesama Nabi, yang semuanya telah wafat.

Justeru, lihatlah dari mana anda akan bermula. Adakah dari tindakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam yang bertawassul dengan perantaraan para Nabi, baik hidup mahupun mati? Ataupun dari orang-orang yang mengada-ada secara berlebihan dengan bid'ahnya dalam melarang bertawassul, dengan perantaraan para Nabi dan orang-orang soleh yang telah wafat, yang menganggap perbuatan itu syirik dan menyimpang dari syariat?

Barangsiapa meneliti hadis-hadis dan nas-nas yang dianugerahkan kepada kita, akan mengetahui pokok masalah tentang perbezaan yang mereka katakan dan bahawa bertawassul itu memang disyariatkan dan bukan merupakan masalah lagi.

Al-Baihaqi r.a. di dalam kitabnya, **Dalail An-Nubuwwah**, kitab yang telah dijanjikan untuk tidak memuatkan satu hadis pun yang *maudhu'*, kemudian At-Thabrani r.a. di dalam **Mu'jam al-Shaghir**, serta Al-Hakim r.a. di dalam buku **Al-Mustadrak**, dengan lafaz dari At-Thabrani r.a., menentang :

Dari Umar al-Khattab r.a., katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

لَمَّا اقْتَرَفَ آدَمُ الْخَطِيئَةَ قَالَ: يَا رَبِّ، أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ أَلَّا
عَفَرْتُ لِي، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا آدَمُ، كَيْفَ عَرَفْتَ مُحَمَّدًا وَلَمْ
أَخْلُقْهُ؟ قَالَ: يَا رَبِّ، إِنَّكَ لَمَّا خَلَقْتَنِي رَفَعْتَ رَأْسِي فَرَأَيْتُ عَلَى
قَوَائِمِ الْعَرْشِ مَكْتُوبًا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، فَعَلِمْتُ أَنَّكَ

لَمْ تُضِفْ إِلَى اسْمِكَ إِلَّا أَحَبَّ الْخَلْقِ إِلَيْكَ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
 صَدَقْتَ يَا آدَمُ، أَنَّهُ لِأَحَبِّ الْخَلْقِ إِلَيَّ، وَإِذْ سَأَلْتَنِي بِحَقِّهِ فَقَدْ
 عَفَرْتُ لَكَ، وَلَوْ لَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُكَ (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ وَزَادَ فِيهِ:
 وَهُوَ آخِرُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ ذُرِّيَّتِكَ)

*'Tatkala Nabi Adam alaihissalam melakukan kesalahan, dia bertaubat dan berkata : 'Wahai Tuhanku, aku memohon dengan hak Muhammad agar Engkau mengampuniku.' Maka Allah menjawab: 'Hai Adam, bagaimana engkau mengetahui soal Muhammad sedangkan dia belum lagi diciptakan?' Adam menjawab : 'Wahai Tuhanku, setelah Engkau menciptakan aku, aku mendongak ke langit memandang tiang-tiang Arasy yang tertulis: Laa Ilaaha Illallah Muhammadur Rasulullah. Maka aku tahu bahawa Engkau tidak akan menyertakan namaMu kecuali dengan nama orang yang Kau kasihi.' Allah menjawab: 'Engkau benar wahai Adam. Dia adalah makhluk yang paling Ku kasihi. Kalau engkau memohon kepadaKu dengan haknya, kau akan Ku ampuni. Kalau tidak kerana Muhammad, tidaklah Aku menciptakanmu.' Hadis ini dikeluarkan oleh Al-Hakim dalam **Al-Mustadrak** dengan syarah Al-Bukhari dan Muslim dan dibenarkan oleh At-Thabrani, dan ditambahkan: 'Dan dia adalah penutup para Nabi dari keturunanmu.'*

Di dalam hadis tersebut jelas terlihat bagaimana Adam a.s. bertawassul dengan perantaraan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam walaupun sebelum Baginda diciptakan. Ini membuktikan kebenaran tawassul, sekaligus menghapuskan syarat bahawa yang menjadi wasilah haruslah orang yang hidup di dunia ini. Dari sini boleh juga disimpulkan betapa pendapat yang mengatakan bahawa tawassul itu tidak sah kecuali apabila seseorang itu masih hidup di dunia adalah pendapat yang mengikuti hawa nafsu sahaja tanpa petunjuk dari Allah s.w.t.

Jelas, sudah menjadi kesepakatan umat tentang diperbolehkannya bertawassul dengan perantaraan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, semua Nabi, atau hamba-hamba Allah yang soleh lainnya dan memohon pertolongan kepadaNya dengan nama mereka, berdasarkan keyakinan bahawa mereka adalah

hamba-hamba Allah yang terhormat lagi maqbul pertolongannya di sisi Allah. Itulah yang dimaksudkan oleh Al-Quran dan dibahas oleh ahli-ahli Sunnah beserta para ulama'.

Hal tersebut tidak berhenti sampai masa sahabat sahaja, melainkan diikuti oleh generasi terdahulu yang soleh setelah mereka, bahkan sehingga hari ini. Warisan ilmu dari mereka menganjurkan, menghendaki, mendorong dan menyuruh kita untuk melakukan tawassul. Kita dilarang meninggalkan tawassul, bahkan didorong untuk meminta syafaat dengan perantaraan Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam kepada Allah s.w.t.

Diperbolehkannya tawassul dengan dasar yang telah di kemukakan di atas merupakan hal yang boleh difahami oleh semua orang yang beragama. Perbuatan ini terbukti telah dilakukan oleh para Nabi, Mursalin, generasi terdahulu yang soleh, ulama' mahupun kaum Muslimin yang awam.

Contoh lain adalah khutbah Amirul Mukminin Umar al-Khattab Radiallahu'anhu di hadapan para sahabat dan tabi'in, yang menggunakan hak Al-Abbas Radiallahu'anhu, bapa saudara Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam, sebagai wasilah kepada Allah s.w.t. Ini merupakan bukti nyata bahawa pemahaman para sahabat tentang wasilah tidak hanya berupa amal perbuatan, melainkan bertawassul secara penuh dengan perantaraan para Nabi, orang-orang soleh, dan siapa sahaja yang memiliki pertalian dengan mereka.

Maha suci Allah! Tidak mungkin seorang sahabat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam menolak untuk bertawassul dengan nama Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam setelah wafatnya. Tidak mungkin pula hal seperti itu dikatakan oleh fuqaha' yang ahli dalam agamanya, atau ulama' yang memahami secara mendalam Sunnah Nabinya dan mengerti rahsia-rahsia syariat. Tidak seorang pun yang mengatakan sedemikian. Bahkan tidak seorang pun yang ahli dalam agamanya yang mengingkari hal tersebut. Tidak pada zaman itu, tidak pula pada zaman-zaman yang berikutnya. Hingga kemudian muncullah orang-orang ingkar yang mengatakan hal-hal yang bukan-bukan dengan berpegang pada dalil-dalil yang lemah, serta membuat aturan

yang belum pernah ada pada masa-masa sebelumnya. Itu sebabnya Imam Malik r.a. sempat melontarkan kata-kata tajam kepada Al-Mansur sebelum menjawab dengan benar : *'Mintalah syafaat dengan perantaraannya...'*

Cukuplah bagi anda keterangan bahawa dalil orang-orang yang menolak untuk meminta pertolongan dengan tawassul tidak didasarkan pada perkataan ulama' sebelumnya. Keterangan-keterangan yang panjang lebar tentang hal itu pun tidak dipedulikannya. Padahal keterangan-keterangan itu tidak mengandung kebohongan atau kebatilan, sebab tujuannya adalah untuk menjelaskan soal-soal agama dan membimbing kaum Muslimin agar memahami maknanya, memantapkan kemahuan mereka beserta penjelasan dan penerapan hukumnya.

Bagaimana pula orang-orang yang ingkar itu boleh mencapai kesimpulan yang sedemikian, sedangkan bertawassul dengan perantaraan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam diperbolehkan pada semua keadaannya. Maksudnya, boleh bertawassul sebelum Baginda diciptakan mahupun selepasnya, semasa hidupnya di dunia atau setelah wafatnya, di alam kubur atau setelah hari kebangkitan, di pertemuan pada hari kiamat atau di syurga, iaitu berdasarkan tiga kategori :

Pertama

Bertawassul dengannya dalam ertikata bahawa orang yang memiliki keperluan itu memohon kepada Allah dengan perantaraannya, atau dengan perantaraan kehormatannya, atau dengan perantaraan berkatnya. Jenis tawassul ini tidak dibezakan, antara bertawassul dengan perantaraan orang yang berkedudukan tinggi sebelum dia ada atau sesudahnya, selama kehidupannya di dunia atau kehidupannya di akhirat. Ini boleh dibezakan menjadi tiga hal, dan saya akan menerangkannya berdasarkan perkhabaran-perkhabaran yang benar dan mantap:

1. Keadaan pertama, bertawassul sebelum dia (wasilah itu) diciptakan. Ini sekaligus menunjukkan tanda-tanda perkhabaran kemunculan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dari para Nabi sebelumnya. Secara singkat saya boleh mengambil dalil dari apa yang diriwayatkan oleh Al-Hakim Abu Abdullah dalam kitabnya, **Al-Mustadrak**, atau **Sahihain**.

Diterima dari Abu Sa'id Amru bin Muhammad r.a. dari Umar al-Khattab Radiallahu'anhu, katanya, 'Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Tatkala Nabi Adam, melakukan kesalahan, dia bertaubat dan berkata : 'Wahai Tuhanku, aku memohon dengan hak Muhammad agar Engkau mengampuniku.'* Maka Allah menjawab: *'Hai Adam, bagaimana engkau mengetahui soal Muhammad sedangkan dia belum lagi diciptakan?'* Adam menjawab: *'Wahai Tuhanku, setelah Engkau menciptakan aku, aku mendongak ke langit memandang tiang-tiang Arasy yang tertulis: Laa Ilaaha Illallah Muhammadur Rasululllah. Maka aku tahu bahawa Engkau tidak akan menyertakan namaMu kecuali dengan nama orang yang Kau kasih.*' Allah menjawab: *'Engkau benar wahai Adam. Dia adalah makhluk yang paling Kukasih. Kalau engkau memohon kepadaKu dengan haknya, kau Ku ampuni. Kalau tidak kerana Muhammad, tidaklah Aku menciptakanmu.'*

Al-Hakim r.a. berkata bahawa hadis tersebut bersanad sahih, dan merupakan hadis pertama yang saya sebutkan kepada Abdul Rahman bin Zaid bin Aslam dalam buku ini.

Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh Al-Baihaqi r.a. dalam bukunya, **Dalail An-Nubuwwah**. Sedangkan At-Thabrani r.a. menambah : *'Dan dia adalah penutup para Nabi dari keturunanmu.'*

Selain itu, Al-Hakim r.a. dalam kitabnya, **Al-Mustadrak**. Abdul Rahman r.a. dalam **Musannafnya** serta Abu Syaibah r.a. dalam **Musnadnya** mengemukakan :

Diterima dari Qatadah r.a. dari Sa'id bin al-Musayyab r.a. dari Ibn Abbas Radiallahu'anhu katanya :

أَوْحَى اللَّهُ إِلَى عِيسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ: يَا عِيسَى، آمِنْ بِمُحَمَّدٍ، وَأَمْرَ
مَنْ أَدْرَكَهُ مِنْ أُمَّتِكَ أَنْ يُؤْمِنُوا بِهِ، فَلَوْلَا مُحَمَّدٌ مَا خَلَقْتُ آدَمَ،
وَلَوْلَا مَا خَلَقْتُ الْجَنَّةَ وَالنَّارَ، وَلَقَدْ خَلَقْتُ الْعَرْشَ عَلَى الْمَاءِ
فَاضْطَرَبَ فَكَتَبْتُ عَلَيْهِ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، فَسَكَنَ

Allah mewahyukan kepada Isa 'Alaihissalam, 'Percayalah engkau kepada Muhammad, dan perintahkan umatmu untuk beriman kepadanya. Seandainya tidak kerana Muhamad,

Aku tidak akan menciptakan syurga dan neraka. Aku menciptakan Arasy di atas air kemudian dia bergerak. Maka Ku tulis di atasnya : Laa Ilaaha Illallah, Muhammadur Rasullah sehinggalah dia tenang.'

Adapun soal bertawassulnya para Nabi seperti Nuh, Ibrahim dan lain-lain telah banyak disebutkan oleh para ahli tafsir. Sudah cukup bagi kita hadis di atas, sebab mantap, kuat lagi dibenarkan oleh Al-Hakim r.a.

Selain dari itu pengertian yang terkandung di dalamnya tidak berbeza, meskipun ada yang menggunakan istilah *tawassul*, *isti'anah*, *syafa'at* atau *tawajjuh*.

Barangsiapa memohon dengan doa tersebut bererti bertawassul dengan perantaraan Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam. Baginda menjadi wasilah bagi terkabul doanya kepada Allah. Dengan kata lain, dia meminta pertolongan kepada Allah melalui Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam agar maksudnya tercapai. Meminta pertolongan dengan perantaraannya, mengarah dengan perantaraannya, semuanya kembali kepada satu maksud.

Tidak dapat dibenarkan bila seseorang meminta pertolongan kepada orang yang dijadikannya perantaraan untuk meminta pertolongan. Hal yang seperti itu tidak boleh dikatakan : *'Meminta pertolongan dengan perantaraannya, melainkan meminta pertolongan kepadanya.'*

Apa yang dimaksudkan di sini adalah memohon kepada Allah melalui Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam, sebagaimana disebutkan di dalam hadis tentang Adam di atas, dan sebagaimana difahami oleh orang-orang. Hanya bahasa yang digunakan ada bermacam-macam.

Bukan bererti seseorang itu dilarang memohon kepada Allah secara langsung. Namun dalam hal ini maksudnya adalah bahawa kedudukan, nilai dan martabat Nabi di sisi Allah tidak diragukan lagi. Sementara kebiasaan yang berlaku, seseorang yang dikenal oleh orang itu atau pernah berjasa kepadanya memiliki kemungkinan lebih besar untuk dikabulkan. Dalam hal ini, tidak menjadi masalah apakah orang yang dijadikan sebagai perantara itu ikut hadir di situ atau tidak. Di dalam

hadis tentang Adam Alaihissalam, Nabi s.a.w. menjadi perantara pemohonan Adam jauh sebelum baginda diciptakan.

Permohonan kita tetap diajukan kepada Allah dan tidak berdoa kecuali kepadaNya. Hanya, dalam memohon tersebut kita menyebut seseorang yang dicintai dan diagungkanNya dengan maksud agar permohonan kita dikabulkan. Sebagaimana yang biasa tertera dalam doa-doa yang ma'thur, misalnya :

أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ لَكَ، وَأَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَأَسْأَلُكَ بِأَنَّكَ
أَنْتَ اللَّهُ، وَأَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سُخْطِكَ وَبِمُعَافَتِكَ مِنْ عِقُوبَتِكَ، وَبِكَ
مِنْكَ

'Aku bermohon dengan semua nama yang Kau miliki, memohon dengan namaMu yang baik, meminta kerana Engkaulah Allah, dan berlindung dengan redhaMu dari murkaMu, serta keselamatan dari seksaMu, berlindung denganMu dariMu.'

Juga hadis tentang orang-orang di dalam gua yang berdoa dengan perantaraan amal-amal soleh, yang merupakan hadis-hadis yang sahih lagi terkenal. Di antaranya adalah diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim di dalam **Sahih** mereka dari Ibn Umar r.a. (lafaz al-Bukhari), katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

'Ada tiga orang sebelum zaman kamu ini sedang berjalan, tidak berapa lama kemudian turun hujan. Mereka pun berteduh di dalam sebuah gua, lalu terjadilah tanah runtuh sehingga menyebabkan sebuah batu besar menutup pintu keluar. Setelah mereka bermesyuarat salah seorang dari mereka berkata : 'Demi Allah, kawan-kawan, tidak ada jalan untuk menyelamatkan kita kecuali kejujuran.' Maka masing-masing berdoa dan memohon kepada Allah dengan perbuatan mereka yang dianggap jujur kepada Allah.

Maka orang yang pertama berkata : *'Ya Allah, Engkau tahu bahawa aku memiliki pekerja yang bekerja kepadaku untuk menuai padi. Dia berlalu pergi tanpa mengambil upahnya. Selanjutnya dari upah tersebut aku membeli lembu, yang dengan kekuasaanMu berkembang baik menjadi banyak.*

Beberapa waktu kemudian, pekerja itu datang kembali untuk menagih upahnya.' Maka aku berkata kepadanya : 'Seluruh isi kandang itu adalah milikmu.' Dia kehairanan dan berkata: 'Aku meminta upahku sebab aku memerlukannya.' Maka aku menjelaskan : 'Sepeninggalanmu dulu, upahmu aku belikan lembu. Dengan kehendak dan kasih Allah, dia berkembang biak menjadi banyak. Maka ambillah semua yang ada di kandang. Itu adalah milik kamu.' Lalu ia mengambilnya. 'Ya Allah, kalau Engkau ketahui bahawa aku melakukan hal itu kerana takut kepadaMu, maka keluarkanlah kami dari sini.' Maka batu tersebut bergeser sedikit demi sedikit sehingga masuklah udara yang mereka perlukan untuk bernafas.

Manakala orang yang kedua berkata : 'Ya Allah, Engkau tahu bahawa aku memiliki dua orang tua yang sudah lanjut usia, yang selalu kubawakan minum setiap malam. Pada suatu malam aku terlambat pulang sehingga keduanya tertidur. Isteri dan anak-anakku menanti kelaparan, padahal biasanya aku tidak memberi mereka minum sebelum ayah bondaku, sedangkan aku tidak suka membangunkan keduanya dan merasa kasihan bila harus meninggalkan keduanya. Maka aku pun menunggu hingga fajar menyingsing. Ya Allah, kalau engkau ketahui bahawa aku melakukan semua itu kerana takut dan berbakti kepadaMu, maka keluarkanlah kami dari sini.' Maka batu itu bergeser lagi sedikit sehingga mereka boleh melihat langit.

Kemudian orang yang ketiga pula berkata : 'Ya Allah, Engkau tahu bahawa puteri bapa saudaraku sangat cantik dan ku cintai. Aku selalu merayunya untuk kunikahi tapi ia menolak dan telah menikah dengan orang lain. Pada suatu hari dia datang untuk meminjam wang untuk membeli ubat suaminya yang sedang sakit. Ku katakan aku akan memberinya wang bila dia mahu mengimbangiku. Kerana terpaksa, maka dia pun bersedia datang. Namun ketika aku menghampirinya, ku lihat dia menitiskanair mata dan tubuhnya bergementar. Aku bertanya kepadanya : 'Kenapa?' Dia menjawab : 'Aku takut kepada Allah. Janganlah kau sentuh aku kecuali dengan hakNya.' Maka aku pun tersedar dan menyuruh dia pulang dengan membawa wang yang dia perlukan sebanyak seratus dinar itu. Ya Allah, kalau aku

melakukan itu kerana takut dan takwa kepadaMu, maka selamatkanlah aku dari perangkap ini.'

Selang beberapa hari, batu itu pun terbuka dan mereka keluar dari gua dengan selamat.

Berdasarkan hadis ini, kita diperbolehkan untuk bertawassul dengan amal-amal soleh sebagaimana diakui dan dipuji oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dalam hadis tersebut.

Imam An-Nawawi r.a. berkata : 'Rakan-rakan kita menggunakan hadis ini sebagai dalil bahawa seseorang dikehendaki berdoa ketika menghadapi kesulitan, seperti doa istisqa' dan seumpamanya. Amal-amal soleh yang pernah dilakukannya boleh digunakan untuk bertawassul kepada Allah agar Dia mengabulkan doa kita. Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam juga memuji kebaikan amal mereka.

Demikianlah tawassul dengan amal-amal soleh. Adapun bertawassul dengan doa dan syafaat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam adalah berdasarkan kepada firmanNya :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
 لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'...Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' : 64)

Atau mungkin juga dengan firman Allah s.w.t. :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ
 إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

'Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.'

(At-Taubah : 103)

Ayat-ayat di atas menunjukkan agar kita berusaha mendapatkan doa dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Di samping itu juga mengandungi hasrat untuk melahirkan sikap mengeluarkan harta untuk sedekah yang telah ditetapkan (zakat) dan sebab-sebab yang diwajibkan untuk mengambil secara paksa dari orang-orang yang terlalu kikir lagi sombong.

Selain itu, di dalam hadis sahih dari Anas bin Malik Radiallahu'anhu, dikatakan : *'Pada hari Jumaat seorang lelaki masuk ke masjid dari pintu yang berhadapan dengan mimbar, sementara Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam sedang berkhotbah. Orang itu menghadap ke arah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata : 'Wahai Rasulullah, haiwan-haiwan ternak telah binasa dan jalan-jalan terputus. Oleh kerana itu, mintakanlah agar Allah Subhanahu wa Ta'ala menurunkan hujan bagi kami.' Maka Baginda mengangkat tangannya seraya berdoa :*

اللَّهُمَّ اسْقِنَا, اللَّهُمَّ اسْقِنَا

'Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami.'

Berkatalah Anas Radiallahu'anhu : *'Demi Allah, kami tidak melihat sedikit pun mendung atau awan tipis di langit, tidak pula ada sebuah rumah pun antara kami dan bukit Sala.'*

Ditambahkannya : *'Namun sebentar kemudian, kami melihat awan naik di belakang bukit laksana perisai. Awan itu terus menyebar dan kemudian hujan pun turun.'*

Kata Anas r.a. : *'Demi Allah kami tidak melihat matahari selama enam hari. Pada hari Jumaat berikutnya, , seorang lelaki masuk (ke masjid) dari pintu yang sama sementara Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam sedang berkhotbah. Orang itu*

berdiri di hadapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata: 'Wahai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, harta benda telah binasa dan jalan-jalan terputus, maka berdoalah agar Allah menghentikan hujan ini.'

Dikatakan: *Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam mengangkat tangannya seraya berdoa :*

اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ عَلَى الْآكَامِ وَالْجِبَالِ وَالْآجَامِ
وَالظَّرَابِ وَالْأَوْدِيَةِ، وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ

'Ya Allah, turunkanlah di sekitar kami dan jangan mudharatkan kami. Ya Allah, turunkanlah di atas perbukitan, di pergunungan, di belukar dan di tempat-tempat pengambilan air, di lembah-lembah dan pohon-pohon kayu.'

Dikatakan : *'Maka hujan pun berhenti sehingga kami boleh keluar dan berjalan di bawah sinar matahari.'*

Dengan ini bererti Nabi mengakui bahawa orang Badwi itu memohon dengan perantaraan Baginda, dan dalam hal ini maksudnya bukan memohon kepada Baginda. Bukan bererti doa seorang bagi dirinya itu lebih utama daripada doa orang yang lain disebabkan dia berdoa atas permintaannya. Hal tersebut di atas menunjukkan ketetapan dan terkabulnya doa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, bahawa permintaan doa kepada orang lain itu lebih utama untuk dikabulkan, apabila orang yang dipohon itu tergolong di kalangan orang yang baik dan bertakwa.

Ini contoh yang berkaitan dengan bertawassul dengan doa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Adapun bertawassul dengan doa orang selain Baginda juga disunnahkan bagi kita. Terbukti seseorang yang minta izin untuk berumrah kepada Umar bin al-Khattab r.a. diberi pesan : *'Janganlah lupakan kami dalam doamu, hai saudara.'*

Disunnahkan bagi Umar dan bagi orang yang lain untuk mengikuti teladan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Di dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Muslim di dalam **Sahihnya**, dikatakan bahawa Umar al-Khattab r.a. berkata :

Aku mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: *'Sesungguhnya yang terbaik di antara orang-orang yang mengikutiku adalah seorang lelaki yang bernama Uwais. Dia memiliki ibu. Berseri-seri wajahnya. Oleh sebab itu, mintalah agar dia memohonkan ampun bagi kalian.'*

Diriwayatkan pula : *'Dia memiliki seorang ibu yang dia sangat berbakti kepadanya. Andaikata dia bersumpah kepada Allah, nescaya akan dikabulkan. Oleh kerana itu, kalau boleh mintalah agar ia memohon ampun bagimu, lakukanlah.'*

Umar bin al-Khattab r.a. sudah meminta orang itu untuk memohonkan ampun baginya. Ini menunjukkan diperbolehkan bertawassul dengan perantaraan doa orang-orang Muslim, meskipun orang yang mendoakan lebih rendah darjatnya daripada orang yang didoakan.

Antara lain yang membuktikan hal itu juga adalah desakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam agar kita memohon baginya wasilah, fadhilah dan maqam terpuji, serta meminta kepada Allah untuk melakukan solat atas diri Baginda, dan hal-hal semacam itu. Ini adalah di antara contoh tawassul yang terbaik, yang tidak ditolak oleh seorang pun ulama'.

Beliaulah yang bertanggungjawab atas keseluruhan dakwah ini. Allah adalah tunggal dan tidak bersekutu dengan suatu apa pun. Orang yang memohon dengan perantaraannya bukan bererti syirik dan meminta kepada selain Allah.

Demikian pula permohonan kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Dalam hal ini, kita bukannya meminta kepada Nabi sendiri, melainkan memohon kepada Allah dengan perantaraan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Memohon dengan perantaraan amal-amal diperbolehkan bagi makhluk, tetapi memohon dengan perantaraan Nabi s.a.w.. adalah lebih utama. Perbezaaannya, amalan mesti ada balasannya sendiri, yang tidak terkait dengan istijabahnya doa. Kalau tidak, maka doa dapat dilakukan tanpa menyebut amalan-amalan tersebut. Cara ini sebenarnya sudah diajarkan oleh syariat-syariat terdahulu. Seandainya cara itu dianggap merosakkan tauhid nescaya tidak akan diajarkan oleh salah satu syariat, sebab keseluruhan syariat tersebut berdiri atas dasar tauhid. Jadi yang menyebabkan terhalangnya doa

dengan cara itu adalah lafaz yang mengatakan bahawa seseorang yang dipohon pertolongan sebagai perantara yang memiliki kedudukan tersendiri di sisi Allah. Adakalanya orang yang meminta tolong lebih tinggi kedudukannya daripada yang dipohon pertolongan.

Adapun Sang Pencipta berfirman : *'Barangsiapa meminta kerana Allah, maka Aku akan mengkabulkannya.'* Dalam hal ini tempat meminta adalah Allah dan Dia Maha Pemurah, memiliki kekuasaan yang paling tinggi dan kebesaran yang mulia.

Di dalam hadis yang mengisahkan si belang, si botak dan si buta diriwayatkan mereka berdoa : *'Aku memohon demi Yang Memberimu warna yang baik dan kulit yang bersih...'*

Ini adalah hadis yang terkenal.

Adapun sesetengah orang lain boleh mengambil teladan dari apa yang diucapkan oleh Aisyah r.a. kepada Fatimah r.a. :

أَسْأَلُكَ بِمَا لِي عَلَيْكَ مِنْ حَقِّ

'Aku meminta demi yang hak bagiku dari dirimu.'

Adakalanya pihak yang meminta lebih tinggi kedudukannya daripada pihak yang dimintai, seperti keadaan Allah yang meminta kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Tidak syak lagi Nabi s.a.w. memiliki nilai dan kedudukan tersendiri di sisi Allah. Barangsiapa mengingkari hal tersebut, maka dia tidak punya apa-apa dari keislamannya.

Apabila dikatakan : *'Aku memohon atas nama Nabi'*, maka itu diperbolehkan. Demikian pula apabila dikatakan : *'Dengan hak Saiyyidina Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam'*.

Yang dimaksudkan dengan 'hak' di sini adalah kedudukan dan darjat, serta hak yang diciptakan oleh Allah yang dijadikan oleh Allah atasnya, atau diberi kurnia sebagaimana tertera dalam hadis sahih : Bagaimana hak hamba kepada Allah? Hak di sini maksudnya bukan kewajiban – sebab tidak ada kewajiban bagi Allah atas segala sesuatu. Berdasarkan pengertian ini, maka sebahagian fuqaha' menolak mengucapkan lafaz ini.

2. Keadaan kedua : Bertawassul setelah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam diciptakan, atau pada masa hayatnya. Perhatikan apa yang diriwayatkan oleh Abu Isa Al-Tirmizi dalam kitabnya **Al-Da'awat** :

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حُنَيْفٍ أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرَ الْبَصَرِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَدْعُ اللَّهَ أَنْ يُعَاقِبَنِي قَالَ: إِنْ شِئْتَ دَعَوْتُ، وَإِنْ شِئْتَ صَبَرْتَ، فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ قَالَ: فَادْعُهُ قَالَ: فَأَمَرَهُ أَنْ يَتَوَضَّأَ فَيُحَسِّنُ وُضُوعَهُ وَيَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ يَا مُحَمَّدُ إِنِّي تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي لِتُقْضَى لِي اللَّهُمَّ فَشَفِّعْهُ فِيَّ.

Dari Uthman bin Hanif r.a., katanya : Seorang lelaki buta mendatangi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata: 'Pohonkan kepada Allah agar aku diberikanNya kesembuhan.' Rasulullah menjawab : 'Kalau engkau menghendaki aku berdoa, akan ku lakukan. Namun kalau engkau mahu bersabar, maka itu lebih baik.' Orang itu berkata : 'Doakanlah.' Rasulullah kemudian menyuruhnya berwudhu' dengan baik, lalu solat dua raka'at dan berdoa dengan do'a berikut : 'Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan NabiMu, Muhammad yang penyayang. Wahai Muhammad, aku menghadap kepada Tuhan dengan engkau tentang keperluanku, maka perkenankanlah. Ya Allah, jadikanlah dia penolong bagiku.'

Al-Baihaqi berkata, dan ditambah oleh Muhammad bin Yunus dalam riwayatnya : 'Orang itu pun bangkit dan pergi dengan mata yang dapat melihat.'

Kata Al-Baihaqi : Kami meriwayatkan di dalam buku **Al-Da'awat** dengan sanad sahih dari Ruh bin Ubadah r.a. dari Syu'bah r.a., katanya : 'Maka orang itu melakukan hal tersebut dan dia menjadi sembuh.'

Diriwayatkan pula oleh Humad bin Salamah r.a. dengan sanad dari Uthman bin Hunaif r.a. yang pada bahagian akhir mengatakan : *'Wahai Muhammad, aku menghadap denganmu kepada Tuhanku supaya terbuka penglihatanku. Ya Allah, berilah dia pertolongan untukku, dan tolonglah dia untuk diriku.'*

Berkatalah Uthman r.a. : *'Demi Allah, kami belum berpisah dan tidak pula memanjangkan perbincangan ketika orang itu menemui kami dan seakan-akan tidak pernah sakit sama sekali.'*

Perlu digarisbawahi bahawa dalam hadis ini ada pula soal bertawassul dengan Nabi setelah wafatnya, dari riwayat At-Thabrani dan Al-Baihaqi. Namun bagi kita cukuplah keterangan Al-Tarmizi dan Al-Baihaqi dengan pengakuannya atas hadis ini sebagai pertolongan untuk melihat kebenarannya. Ini sudah merupakan bukti bagi apa yang kita maksudkan.

Dikatakan pula hal tersebut hanya terjadi kerana Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersyafaat di dalamnya, sehingga Baginda mengajarkan supaya orang itu berdoa : *'Aku menghadap kepada-Mu dengan perantaraan NabiMu.'*

Uthman bin Affan r.a. dan lain-lain menggunakan cara ini sepeninggalan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak mengenal syariat semacam itu dan tidak ada hadis yang menerangkan bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan hal tersebut.

Selama tidak memudharatkan, kita dibolehkan bertawassul kepada Allah dengan seseorang atau sesuatu yang lain sebagaimana diajarkan oleh Nabi s.a.w.. Itu untuk memperkuat doa. Andaikata hal semacam itu tidak memiliki nilai lebih, nescaya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam tidak akan mengajarkan atau menunjukkannya dengan berdo'a: *'Aku telah memintakan syafaat bagimu.'* Namun dalam hal ini Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam menghendaki orang-orang yang mempunyai hajat itu menyerahkan hati dengan penuh kerendahan, kefakiran dan keterpaksaan untuk meminta pertolongan dengan perantaraan Nabiullah sehingga meninggalkan kesempurnaan maksudnya dalam berdoa.

Tidak syak lagi bahawa tawassul dibolehkan di hadapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, dalam keghaiban kehidupannya, dan setelah wafat dan kembalinya Baginda ke sisi Allah. Kita mengetahui betapa kasih sayang Baginda kepada umatnya, kelembutan Baginda, rahmat Baginda bagi mereka serta istighfar dan syafaat Baginda bagi seluruh Mukminin, sebagaimana diterangkan oleh Allah s.w.t. di dalam firmanNya:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ
عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

'Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat menginginkan kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.'

(At-Taubah : 128)

Apabila seseorang hamba hendak menggabungkan dirinya dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, maka dia akan mendapat petunjuk Baginda, tidak seperti orang lain, yang buta terhadapnya.

Di antara yang boleh kita ajukan penjelasan adalah yang dikeluarkan oleh kelompok Imam-Imam yang hafiz, seperti Imam Ahmad r.a. di dalam **Musnadnya**, Ibn Khuzaimah dalam **At-Tauhidnya**, At-Thabrani di dalam **Du'anya**, Ibn Majah dalam **Sunnah**, Ibn Sina dalam **'Amalil Yaumi wal Lailahnya**, Imam Anl-Nawawi di dalam **Al-Azkar** dan lain-lain lagi.

Diterima dari Abu Sa'id al-Khudri Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa keluar dari rumahnya untuk menunaikan solat lalu berkata : 'Ya Allah, kepadaMu aku memohon dengan haknya yang memohon kepadaMu dan memohon dengan hak jalanku ini, sebab*

tidaklah aku keluar untuk melakukan kejahatan, kesombongan, riya', mencari nama atau pujian. Aku keluar untuk menjauhi murkaMu dan mencari keredhaanMu. Maka aku memohon jauhkanlah aku dari api neraka dan masukkanlah aku ke dalam syurga. Ampunilah dosa-dosaku, sebab tidak ada yang mengampuni dosa kecuali Engkau.' Maka Allah akan mengabulkan doa tersebut dengan wajahNya hingga orang tersebut selesai mendirikan sembahyang. Dia didoakan dan dimintakan istighfar oleh tujuh puluh ribu malaikat.'

Hal ini merupakan dorongan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam terhadap umatnya untuk memohon kepada Allah dengan perantaraan orang-orang beriman. Demikian juga para Nabi dan wali, baik mereka hidup atau mati turut memohon untuknya.

Diriwayatkan pula oleh Ibn As-Sunni dari tindakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam yang diceritakan oleh Bilal r.a., Muazzin Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, katanya, apabila telah selesai menunaikan sembahyang, Nabi keluar dan berkata :

بِسْمِ اللَّهِ آمَنْتُ بِاللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِحَقِّ الْمَسْأَلِينَ عَلَيْكَ، وَبِحَقِّ مُخْرَجِي

'Dengan nama Allah, aku beriman kepada Allah dan bertawakkal kepada Allah. Tiada daya dan tiada upaya kecuali dengan pertolongan Allah. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon dengan hak yang memohon kepadaMu dan hak keluarku.'

Apa yang dimaksudkan dengan 'hak yang memohon kepadaMu' di dalam hadis tersebut adalah Allah tidak memberikan kehormatan dan karamah atas diri mereka kecuali kerana kurniaNya. Maha Suci Allah.

Dapat diketahui dari hadis Bilal ini bahawa di dalam doanya, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bertawassul dengan perantaraan orang-orang soleh yang masih hidup mahupun yang telah mati, yang terdahulu dan yang kemudian.

Tidakkah disadari oleh orang-orang yang menolak tawassul, apa yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dalam soal tawassul, sedangkan Baginda adalah manusia yang kedudukannya paling tinggi dan darjatnya paling mulia.

Sesungguhnya apa yang diperintahkan oleh Baginda kepada orang buta yang mengadu kepadanya untuk berdoa : *'Ya Allah, aku memohon kepadaMu dan menghadap kepadaMu dengan NabiMu...'* sebagaimana tertera di dalam hadis yang lalu merupakan perintah yang kuat pula bagi umatnya. Seakan-akan Baginda bersabda : *'Bertawassullah dengan aku dalam semua kesulitan di setiap waktu dalam hidupku mahupun setelah matiku. Sebab aku memiliki kedudukan dan wibawa tersendiri di sisi Tuhanku, sehingga tidak akan ditolak dengannya orang yang memohon sesuatu dengan bertawassul dengan aku dan memohon pertolongan dengan perantaraanku.'*

3. Keadaan ketiga : Bertawassul dengannya setelah wafatnya. Contoh yang jelas terdapat di dalam riwayat At-Thabrani di dalam **Majmu' Al-Kabirnya**.

Diterima daripada Uthman bin Hunaif bahawa seorang lelaki berulang kali mendatangi khalifah Uthman untuk mengadu keperluannya, tetapi berulang kali pula tidak dihiraukan oleh Uthman bin Affan. Lelaki tersebut mengadu kepada Uthman bin Hanif, lalu Uthman bin Hunaif berkata kepadanya : 'Pergilah ke tempat wudhu' dan berwudhu'lah kamu. Kemudian pergilah ke masjid dan sembahyanglah dua raka'at dan berdoalah :

Ya Allah, aku memohon dan menghadap kepadaMu dengan Nabi kami, Muhammad s.a.w., Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad, aku menghadap mukaku dengan engkau kepada Tuhan, agar permohonanku diterima' lalu sebutlah keperluanmu.

Lalu orang tersebut berlalu pergi dan melakukan apa yang diajarkan oleh Uthman bin Hunaif kepadanya. Setelah itu dia kembali mengetuk pintu Uthman bin Affan. Tidak berapa lama, peniaga pintu datang dan membawanya masuk menghadap Uthman bin Affan. Dia dipersilakan duduk di majlisnya dan ditanya : 'Apa keperluanmu?'

Lelaki tersebut segera mengutarakan keperluannya lalu segera dipenuhi. Selanjutnya khalifah berkata kepadanya : 'Aku tidak ingat apa keperluanmu hingga saat ini. Oleh kerana itu setiap kali engkau memiliki keperluan, utarakanlah kepadaku.'

Lelaki itu keluar dari tempat khalifah dan kembali menemui Uthman bin Hunaif. Katanya : 'Allah membalasmu dengan kebaikan. Dia tidak memerhatikan keperluanku dan tidak pula menghiraukan hingga engkau membicarakan kepadanya tentang diriku.'

Jawab Uthman bin Hunaif: 'Demi Allah, aku tidak mengajak dia berbicara tentang engkau. Namun aku pernah menyaksikan ketika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam didatangi oleh seorang buta yang mengadukan penglihatannya yang hilang.' Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda kepadanya supaya dia bersabar, tetapi dia menjawab : 'Wahai Rasulullah, aku tidak punyai petunjuk, dan itu sangat menyusahkan aku.' Maka Nabi s.a.w menjawab : 'Pergilah ke tempat wudhu' dan berwudhu'lah, lalu lakukanlah sembahyang dua raka'at dan berdo'alah dengan do'a ini..'

Uthman bin Hunaif menambah : 'Demi Allah, demi Allah kami belum berpisah dan tidak pula memanjangkan perbincangan ketika orang itu menjumpai kami dan seakan-akan tidak pernah sakit sama sekali.'

Uthman bin Affan dan sahabat-sahabat yang hadir pada waktu itu berdebat dengan athar; yang lebih tahu tentang Allah dan RasulNya.

Kedua

Bertawassul dengannya bererti meminta bantuan doa darinya. Ini dilakukan pada situasi :

1. Pertama : Di dalam kehidupan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Peristiwa ini terjadi berkali-kali, berita tentangnya pun berulang-ulang sampai tidak terkira. Betapa kaum muslimin mendatangi Baginda dan meminta pertolongan dari Baginda setiap kali ditimpa musibah sebagaimana yang telah disebutkan di dalam **Sahihain**.

Pada hari Juma'at seorang lelaki masuk (ke masjid) dari pintu yang berhadapan dengan mimbar, sementara Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam sedang berkhotbah. Orang itu berdiri menghadap ke arah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata : 'Wahai Rasulullah, haiwan ternakan binasa dan jalan-jalan terputus. Oleh kerana itu, mintakanlah agar Allah Subhanahu wa Ta'ala menurunkan hujan bagi kami.' Maka Baginda mengangkat tangan seraya berdoa : 'Ya Allah, turunkanlah hujan kepada kami.'

Anas berkata : *'Demi Allah, kami tidak melihat sedikit pun mendung atau awan tipis di langit, tidak pula ada sebuah rumah pun antara kami dan bukit Sala.'*

Ditambahnya : *'Namun sebentar kemudian, kami melihat awan naik di belakang bukit laksana perisai. Awan itu terus menyebar dan kemudian hujan pun turun.'*

Anas r.a. berkata : *'Demi Allah, kami tidak melihat matahari selama enam hari.'*

Diriwayatkan pula oleh Al-Baihaqi di dalam **Dalail An-Nubuwwah**nya, dari Yazid bin Ubaid al-Su'udi, katanya : *Tatkala Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam kembali daripada perang Tabuk, datanglah utusan Bani Fazarah, katanya : 'Wahai Rasulullah, negeri kami dilanda kekeringan. Tanah-tanah kami menjadi tandus keluarga kami menjadi tidak berpakaian, dan ternak-ternak kami menjadi binasa. Berdoalah kepada Tuhan tuan agar Dia menolong kami, bersyafaatlah bagi kami kepada Tuhan tuan, dan bersyafaatlah Tuhan tuan kepada tuan.'*

Berkata Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam : *'Maha suci Allah, celakalah engkau kalau aku bersyafaat kepada Tuhanku. Siapa yang bersyafaat kepadaNya? Tuhan kami adalah Allah. Tiada selain Dia tuhan yang agung, yang singgahsanaNya seluas langit dan bumi. Jayalah keagungan dan kebesaranNya.'*

Di dalam baki hadisnya disebutkan :

Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bangkit dan menaiki mimbar, kemudian berdoa yang antara lain berbunyi : *'Ya Allah, siramilah negeriMu dan bintang-bintangMu. Sebarkanlah rahmatMu dan hidupakanlah negeriMu yang mati.'*

Berikutnya disusuli dengan doa dan hadis yang panjang.

Adapun di dalam Sunan Abu Daud, di dalam kitab As-Sunnah, diriwayatkan dari Jubair bin Muth'im, katanya : *Telah datang kepada Rasulullah seorang Badwi yang berkata: 'Wahai Rasulullah, jiwa-jiwa telah hancur, sanak keluarga banyak yang hilang, harta menjadi berkurang, dan ternak-ternak binasa. Pohankanlah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar menurunkan hujan. Kami bersyukur kepada Allah melalui anda, dan kami bersyukur kepada anda melalui Allah.'*

Jawab Rasulullah : *'Celakalah engkau! Apakah engkau faham dengan apa yang kau katakan ? Sedarilah bahawa tidak ada makhluk yang bersyukur melalui Allah kepada makhluk ciptaannya. Keadaan Allah adalah lebih agung daripada hal itu.'*

Demikian disebutkan oleh hadis. Sesuai benar maksud kita. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam tidak menolak orang yang minta pertolongan melalui dirinya, tetapi mengingkari orang yang bersyukur dengan Allah. Barangkali alasannya kerana Allah yang memberi syafaat sehinggakan sangat patut orang yang meminta syafaatNya supaya merendahkan dirinya.

Diterima daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu, katanya: *'Telah datang seorang Badwi kepada Rasulullah, dia berkata: 'Wahai Rasulullah, kami datang kepadamu sedangkan kami tidak punya bayi yang boleh dirawat dan unta yang boleh diperah.'*

Selanjutnya dia bersyair:

Kami datang kepadamu, sedangkan isteri berdarah buah dadanya,

Kami utamakan para ibu atau bayinya,

Sedangkan anak-anak telah menadahkan tangan yang lemah,

Disebabkan lapar yang datang sedikit-sedikit tanpa keramahan,

Tiada apa yang boleh dimakan di tempat kami,

Kecuali labu yang bau dan ulush yang pahit,

Kami tiada siapa melainkan kepadamu tempat mengadu,

Ke mana lagi hendak lari kalau tidak kepada Rasulullah.

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam, langsung bangkit sambil menarik jubahnya menuju ke mimbar. Ditadah tangannya seraya berdoa : *Ya Allah, turunkanlah hujan ke atas diri kami, dan seterusnya sehingga ke akhir doa.*

Dikatakan, maka Nabi tidak menurunkan tangannya sehingga langit dipenuhi awan. Selanjutnya datanglah penduduk suatu lembah seraya berteriak : *Tolong, kami tenggelam! Kami tenggelam!*

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam berdoa :

حَوَالِنَا وَلَا عَلَيْنَا

Turunkanlah sekitar kami, jangan atas kami.

Maka awan-awan itu berpindah dengan kencangnya sehingga terlihat laksana bunga-bunga yang diikat tangkainya.

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam tertawa sampai terlihat gusinya, kemudian berkata : *Kasihlah Abu Talib. Seandainya masih hidup, dia akan puas melihat hal ini.*

Selanjutnya : *Siapa yang mahu membacakan syair-syair ini?*

Ali bin Abi Thalib menjawab : ‘Wahai Rasulullah, kelihatan anda ingin mendengar kata-katanya :

Putih menyiram awan di seluruh wajahnya,

Sisa-sisa yatim, perlindungan bagi janda,

Kehancuran melingkari Bani Hasyim,

Mereka terbuai kenikmatan dan kenyamanan di sisinya,

Kamu berdusta sedangkan Rumah Allah merestui Muhammad,

Maka begitu bebas dari sekelilingnya, kita pun bertarung,

Tidak akan kami lepaskan sehingga hembusan nafas penghabisan,

Dengan pengorbanan anak dan isteri kamu.

Rasulullah berkata : 'Benar.'

Hadis dan athar tentang kisah seumpama ini banyak sekali, lebih banyak dari yang mampu kita hitung. Kalau mahu mencari, kita akan menemukan beribu-ribu.

Allah berfirman :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
 لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'...Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' : 64)

Ayat ini jelas membicarakan tentang masalah tersebut.

Selain itu, kita juga dibolehkan bertawassul seperti ini melalui sanak keluarga Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Contohnya apa yang dilakukan oleh Umar bin al-Khattab Radiallahu'anhu yang membawa nama Abbas bin Abdul Muttalib Radiallahu'anhu saat terjadi kemarau dan kering kontang, dan berdoa :

اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا إِذَا قَحَطْنَا تَوَسَّلْنَا إِلَيْكَ بِنَبِيِّنَا فَتَسْقِينَا، وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ
 إِلَيْكَ بِعَمِّ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْقِنَا، قَالَ:
 فَيَسْقُونَ.

'Ya Allah, di dalam kemarau kami bertawassul melalui Nabi kami, lalu Engkau turunkan hujan. Sekarang kami bertawassul dengan bapa saudara Nabi kami Muhammad s.a.w., maka turunkanlah hujan.'

Dikatakan : 'Maka hujan pun turun.'

Juga diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Anas Radiallahu'anhu bahawa telah memohon dengannya pada suatu tahun yang kering. Permohonannya dikabulkan dan hujan pun turun. Demikian pula Hamzah bin al-Qasimi al-Hasyimi di Baghdad pernah solat Istisqa' dan berdo'a : *'Ya Allah, aku adalah putera orang yang melakukan solat Istisqa' dengan kedudukan Umar bin al-Khattab yang diutamakan, maka turunkanlah hujan.'* Orang itu terus bertawassul dengan wasilah tersebut sampai berhasil.

Tatkala Umar selesai dengan do'anya, yang bertawassul dengan bapa saudara Nabi, Al-Abbas r.a., maka Al-Abbas pula berdo'a : *'Ya Allah, tidak akan turun hujan siksa dari langit kecuali disebabkan dosa, dan tidak akan terhapus dosa itu kecuali dengan taubat. Kaum ini menghadapMu dengan perantaraanku kerana kedudukanku dengan NabiMu. Maka inilah tangantangan kami yang berlumuran dosa dihulur kepadaMu dan jiwa-jiwa kami dengan taubat...'* dan seterusnya. Begitu doanya selesai, langit pun sarat dipenuhi awan dan turunlah hujan dengan lebat sekali.

Bertawassul seperti ini juga dibolehkan melalui perantaraan semua orang yang soleh, dan merupakan sesuatu yang tidak ditolak oleh seorang Muslim yang beragama dengan agama yang lurus. Maka tidak perlu ditanya mengapa Umar Al-Khattab r.a. bertawassul dengan Al-Abbas r.a. dan tidak bertawassul dengan Nabi atau dengan kuburnya.

Bertawassul dengan Al-Abbas r.a. bukan bererti Umar r.a. menolak bertawassul dengan Nabi atau dengan kuburnya. Abu al-Jauza'i r.a. berkata : *'Penduduk Madinah pernah mengalami musim kering yang tandus, kemudian mereka mengadu kepada Aisyah Radiallahu'anha yang kemudian berkata : 'Tengoklah kubur Nabi s.a.w., lalu jadikanlah lubang sampai ke langit agar tidak ada penghalang antara dia dan langit.'* Nasihat ini dilakukan, kemudian hujan pun turun hingga rumput rampai tumbuh subur, unta-unta menjadi gemuk berlemak dan tahun itu disebut sebagai tahun Al-Falaq.'

Barangkali bertawassulnya Umar Al-Khattab r.a. dengan Al-Abbas r.a. disebabkan oleh dua faktor :

Pertama

Bertawassul yang diisyaratkan oleh Amirul Mukminin sebelum ini dengan wafatnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Kini dia bertawassul dengan menunjukkan kepada khalayak untuk memohon turunnya hujan dengan sembahyang dan doa. Mereka menjadi makmumnya dan mengaminkan doa yang diucapkannya, sehingga dia menganggap penting untuk mengadakan wasilah seseorang yang boleh dilihat dan didengar oleh makmum. Ini hanya mengikut kebiasaan di dalam kehidupan duniawi.

Kedua

Al-Abbas r.a. termasuk salah seorang pengikut yang turut memohon turunnya hujan dan hendak menikmati manfaatnya. Dengan kata lain, dia turut memerlukan air hujan tersebut. Lain pula dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam yang pada saat itu telah pulang. Baginda tidak lagi memerlukan hujan. Dalam keadaan ini, terkumpul pada diri Al-Abbas r.a. keperluan terhadap air lantaran hampirnya hubungan beliau dengan Nabi s.a.w. Apalagi kedudukannya lebih tua daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Seolah Allah s.w.t. berasa malu dengan kaum Muslimin dari kalangan tua-tua, lebih-lebih lagi Al-Abbas adalah bapa saudara Nabi dan Dialah yang mengabulkan doa orang yang memerlukanNya. Itu sebab Umar memanfaatkan ketuaan Al-Abbas.

Tidak boleh kita membenarkan apabila para penentang tawassul berkata bahawa mereka tidak mengingkari athar dan dalil tentang bertawassul dan bersyafaat, melainkan menolak orang yang melepaskan pengarah dan orang yang memohon pertolongan. Alasannya adalah pada dua keadaan tersebut terdapat kecelaruan, kerana orang yang mengarah dan memohon pertolongan dengan wasilah boleh jadi lebih mulia kedudukannya daripada orang yang dimintai tolong untuk mengarah kepadanya.

Pendapat seumpama ini tidak boleh dipercayai oleh kaum Muslimin dan tidak menunjukkan kepada lafaz mengarah dan

berdoa kepadaNya. Sebab proses mengarahkan diri ini berhubungan dengan ketinggian darjat dan kedudukan. Adakalanya seseorang bertawassul kepada orang yang lebih tinggi darjat dan kedudukannya.

Adapun dalam al-Istighathah atau memohon pertolongan, si penolong meminta agar orang yang ditolongnya turut membantu mengangkat permohonannya, meskipun kedudukannya lebih tinggi daripada orang yang ditolongnya. Jadi makna meminta dengan perantaraan, meminta tolong, ataupun berdoa tiada makna lain di hati kaum Muslimin kecuali yang tersebut itu dan tiada tujuan lain selain daripada itu.

Apabila makna ini benar, maka tiada lagi soal bagaimana kita menyebutnya. Apakah tawassul, syafa'at, isti'anah, tawajjuh ataupun beristighathah.

Andaikata dalam perkara istighathah ini, si penolong memerlukan bantuan dari orang yang ditolongnya, maka maksudnya orang yang ditolong itu membantu menghapuskan hal-hal yang menghalang jalan menuju Allah, seperti hawa nafsunya, diri sendiri, syaitan atau apa jua sekalipun. Manakala yang menolongnya mengarah kepada Allah itu boleh jadi para Nabi dan orang-orang soleh selainnya. Yang menolong pada hakikatnya hanya Allah, sedangkan Nabi dan para solehin hanyalah perantara antara Dia dengan si pemohon.

2. Kedua : Bertawassul dan memohon syafa'at setelah wafatnya Rasulullah s.a.w. ketika manusia kembali berjumpa dengannya pada hari kiamat. Tentang hal ini, sudah menjadi ijma' dan berita yang mutawatir. Saya akan menyebutkan di akhir buku pada perbincaraan syafa'at ini hal-hal yang telah disepakati dan hal-hal yang masih menjadi perdebatan, Insyallah.
3. Ketiga : Bertawassul pada tengah-tengah masa, iaitu pada alam kubur. Tentang hal ini telah tertera di dalam kitab **Dalail Al-Nubuwwah** tulisan Al-Baihaqi r.a. sebagai berikut :

Diterima daripada Al-A'masyi dari Abu Saleh, dari Malik, katanya : Kemarau telah melanda orang-orang pada masa khalifah Umar bin Al-Khattab Radiallahu'anhu. Seseorang

kemudian datang ke makam Nabi s.a.w. dan berdoa : 'Wahai Rasulullah, mintakanlah hujan dari Allah untuk umatmu, kerana mereka hampir binasa.' Maka datanglah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam kepadanya dalam keadaan mimpi, di mana Baginda bersabda : 'Pergilah kepada Umar dan sampaikan salamku, lalu berikanlah khabar bahawa hujan akan turun. Katakan pula kepadanya : Semoga terlimpahlah ke atas dirimu yang baik dari yang baik.' Maka orang itu datang kepada Umar untuk menyampaikan khabar itu. Umar pun menangis dan berkata : 'Tuhanku, tidaklah aku berlebihan kecuali dalam apa yang aku tak sanggup.'

Athar ini menjadi bukti tentang bertawassul untuk meminta hujan dengan perantaraan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam setelah wafatnya di alam kubur. Tidak ada orang yang menghalangi hal ini, sebab do'a Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam kepada Tuhannya dalam keadaan seperti ini tidak dilarang. Apa yang saya sebut dan ingatkan sebelumnya tentang ketetapan ilmu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dengan terkabulnya permintaan orang-orang yang meminta itu, telah tercantum dalam berbagai berita yang sampai kepada kita. Memohon pertolongan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam di alam kubur untuk meminta hujan sebagaimana memohon kepadanya sewaktu masih hidup tidak ada bezanya.

Ketiga

Bertawassul untuk meminta daripada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam tentang sesuatu yang diinginkan. Maksudnya, Baginda mampu menjadikan sebab di dalamnya dengan meminta kepada Tuhannya, dan bersyafaat kepada orang bersangkutan. Hal ini sebenarnya merujuk kepada jenis tawassul yang kedua, walaupun dalam soal yang berbeza.

Contoh tentang hal ini adalah ketika seseorang berkata kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam : *'Aku bermohon supaya boleh menyertai anda di syurga.'* Rasulullah menjawab : *'Bantulah aku dengan memperbanyakkan sujud.'*

Athar dalam soal ini banyak, dan orang-orang tiada mempunyai maksud apa-apa dengan permintaannya kecuali kerana Nabi menjadi sebab dan boleh memberi syafaat.

Contoh lain adalah jawapan Nabi sebagaimana yang tertera di dalam kitab Dalail Al-Nubuwwah, Al-Baihaqi dengan sanad kepada Uthman bin Abu al-Ash r.a. berkata :

‘Aku mengadu kepada Nabi s.a.w. tentang kelemahanku dalam menghafal Al-Quran. Maka Rasulullah bersabda : ‘Itu adalah syaitan yang dikatakan ‘Khanzab’. Hampirlah kepadaku, wahai Uthman.’ Beliau meletakkan tangannya di atas dadaku, sehingga aku merasakan dinginnya di antara kedua bahu. Kemudian Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda : ‘Keluar kau syaitan daripada Uthman.’ Dikatakan : Maka sejak itu setiap kali mendengar sesuatu dari Al-Quran, aku menjadi hafal.’

Hal Nabi s.a.w. menyuruh syaitan keluar ini, dilakukan dengan izin Allah s.w.t. Dialah Yang Maha Menciptakan dan Menghidupkan. Jadi, tidaklah Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam berkuasa atas makhluk lain dan bebas berbuat sesuatu atasnya. Bukan ini yang dimaksudkan oleh Muslim. Dengan demikian diharapkan agar tidak terjadi pemalsuan dalam agama dan kekeliruan pemahaman orang-orang awam dalam bertauhid.

Saya telah mengetengahkan kepada anda bermacam-macam permohonan dengan perantaraan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam dalam berbagai keadaan. Kesemuanya mengandungi makna yang sama walaupun istilah yang digunakan berbeza-beza. Boleh disebut tawassul, syafaat, tawajjuh, istighathah dan sebagainya.

Penggunaan istilah bersyafa’at misalnya dapat kita lihat pada hadis terdahulu tentang utusan Bani Fazarah yang berkata kepada Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam : ‘*Pohonlah syafaat kepada Tuhan Tuan untuk kami.*’ Di dalam hadis tentang orang buta terkandung makna tawassul. Adapun tawajjuh atau mengarah, dan memohon pun boleh dilihat dalam hadis tentang orang buta. Juga dalam hak Musa Alaihissalam sebagaimana yang difirmankan Allah :

وَكَانَ عِنْدَ اللَّهِ وَجِيهًا

‘...Dan adalah dia seorang yang mulia di sisi Allah.’

(Al-Ahzab : 69)

Serta hak Isa putera Maryam dan Nabi kita :

وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

'(Al-Masih, Isa Ibni Maryam) seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat

(Ali-Imran : 45)

Para mufassir berpendapat bahawa perkataan '*wajihan*' ertinya memiliki wibawa dan kedudukan tersendiri di sisi Allah.

Sedangkan istilah *istighathah* bermakna minta pertolongan, yang adakalanya minta pertolongan kepada Sang Pencipta, iaitu Allah sendiri sebagaimana difirmankanNya :

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَبَ لَكُمْ

'(Ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada tuhan kamu, lalu Ia perkenankan permohonan kamu.'

(Al-Anfal : 9)

Apabila diminta isnad yang benar supaya terkabul dari kategori *istighathah* dengan perantaraan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ini ada dua macam : '*Aku memohon pertolongan kepada Nabi*' atau '*Aku memohon pertolongan dengan perantaraan Nabi*.' Keduanya memiliki makna tunggal, iaitu meminta pertolongan kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dengan doanya dan selainnya seperti dua jenis tawassul yang terdahulu. Dan ini boleh dilakukan semasa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam masih hidup mahupun sepeninggalannya.

Boleh juga dikatakan : '*Aku memohon pertolongan kepada Allah*' atau '*Aku memohon pertolongan dari Allah*' yang maksudnya minta ciptaan bantuan dariNya.

Maka jika Allah menolong, pertolongan dariNya adalah ciptaan dan pengadaan. Sedangkan jika Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menolongnya, pertolongan darinyalah sebagai pencetus, selaku orang yang menyebabkan diperolehnya pertolongan.

Maka Allah adalah tempat meminta pertolongan dan pertolongan itu hanya daripadanya kepada makhluknya dan Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam tempat meminta pertolongan dan pertolongan darinya sebagai sebab dan berhasilnya, dan kadang-kadang meminta pertolongan pada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dalam bentuk lain, iaitu hendaklah mengatakan :

اسْتَعْتُ اللَّهَ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

'Saya meminta tolong pada Allah atas nama Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.'

Sama juga dengan mengatakan :

سَأَلْتُ اللَّهَ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

'Saya meminta kepada Allah atas nama Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam.'

Kita kembali kepada bentuk pertama tawassul. Bentuk pertama dan kedua itu sama-sama benar, yang mana lafaz istighathah pada Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam mempunyai dua erti.

Yang pertama, menjadi tempat ia meminta, manakala yang kedua menjadikan dia sebagai tempat meminta dengan izin Allah. Sehingga ini jelas menunjukkan kebolehan mengucapkan lafaz istighathah dan tawassul. Masalah ini tidak diragukan lagi.

Ini kerana menurut istilah bahasa istighathah itu meminta pertolongan. Ini dibenarkan menurut bahasa dan syariat, bagi sesiapa sahaja yang melakukannya dengan lafaz apa sekalipun.

Secara umum sesungguhnya mengucapkan lafaz istighathah itu adalah bagi sesiapa sahaja yang boleh memberikan pertolongan baginya. Ini adalah masalah yang umum dan tidak diragukan lagi menurut bahasa dan syariat. Tiada perbezaan antara istighathah dan meminta pertolongan, kerana telah dijelaskan dari tafsir hadis yang disebutkan di atas.

Dalam hadis Bukhari yang membicarakan syafa'at dari hari kiamat yang berbunyi :

قَبِينَا هُمْ كَذَلِكَ اسْتَغَاثُوا بِآدَمَ ثُمَّ بِمُوسَى ثُمَّ بِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

'Ketika itu mereka meminta tolong kepada Adam Alahissalam kemudian kepada Musa Alahissalam, kemudian kepada Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam.'

Ini merupakan bukti terhadap pengucapan lafaz istighathah. Ini disebabkan lafaz istighathah dan meminta tolong itu memiliki pengertian yang sama, samada dinisbahkan kepada Rasul atau pun kepada selainnya.

Perbezaan hanya terletak pada keutamaan sahaja, dan keharusannya menurut syariat sedia dimaklumi. Justeru, kekhususan lafaz ini tentang perbahasan tadi tidak begitu penting dan tidak wujudnya keutamaan.

Mengingkari meminta pertolongan kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam itu bertentangan dengan nas-nas dan bukti-bukti jelas yang telah kami sebutkan tadi.

Ringkasnya dapat dikatakan bahawa yang dimaksudkan dengan istaghathah dan bertawassul dengan para Nabi dan orang-orang soleh itu ialah menjadikan mereka sebagai penyebab dan cara demi keberhasilan sesuatu maksud. Sementara itu Allah bertindak sebagai pelaku karamah bagi mereka. Ertinya, bukanlah mereka itu sendiri yang berbuat melainkan Allah jua. Ibarat pisau, tidaklah sebilah pisau itu memotong sesuatu dengan sendirinya, melainkan harus digerakkan oleh seseorang. Di sini, Allahlah 'Sang Pemotong' itu, dengan menggunakan pisau sebagai penyebab, iaitu para Nabi dan orang-orang soleh yang dipohon wasilah mereka.

As-Subki di dalam **Syifa' As-Saqam, Al-Qastallani** di dalam **Mawahib Al-Ladunniyyah**, As-Samhudi di dalam **Tarikh Al-Madinah**, dan Ibn Hajar Radiallahu'anhu berkata bahawa istighathah dengan perantaraan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa

sallam, para Nabi selainnya, para Mursalin, beserta orang-orang yang soleh itu memiliki makna tawassul dengan 'tuah atau kehebatan' kedudukan mereka. Si pemohon meminta agar orang-orang yang dijadikannya sebagai wasilah itu memintakan pertolongan kepada yang lebih tinggi daripadanya.

Jelasnya, dalam hal ini yang diharapkan pertolongannya adalah Allah. Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam adalah sebagai orang tengah dan perantara antara si pemohon dengan Sang Penolong, iaitu Allah. Allahlah yang menciptakan atau mengadakan pertolongan, sedangkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam adalah penyebab dan yang menjayakan pertolongan tersebut.

Para ulama' membolehkan istighathah dan tawassul dengan perantaraan Nabi, baik semasa hidupnya mahupun setelah wafatnya.

Majoriti umat Islam juga menganut fahaman yang membolehkan tawassul dengan perantaraan Nabi s.a.w., para sahabat, dan orang-orang yang soleh, sebagaimana juga telah banyak dilakukan oleh para sahabat dan ulama'-ulama' yang terdahulu dan yang terkemudian, dan bersatunya pendapat mereka menunjukkan keharusannya. Apabila hal itu haram dan syirik, tentulah tidak dibolehkan sama sekali, sebab Rasulullah bersabda di dalam hadis sahih yang mutawatir :

لَا تَجْتَمِعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ

'Tidak berkumpul umatku di dalam kesesatan.'

Dan juga firman Allah :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ

'Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia.'

(Ali Imran : 110)

Jadi, bagaimana mungkin mereka semua atau kebanyakan dari kalangan mereka berkumpul dalam melakukan kesesatan (kalau bertawassul ini dianggap sesat)

Di antara dalil tentang dibolehkan meminta pertolongan (istighathah) adalah berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari di dalam **Sahihnya**, dari Ibn Abbas, bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menyebut di dalam kisah Hajar ibunda Ismail 'alaihissalam: *'Ketika kekalutan kerana anaknya kehausan, Hajar berlari ke sana sini untuk mencari air. Kemudian dia mendengar suatu suara tetapi tidak melihat orangnya,' maka dia berkata : 'Tolonglah kalau anda boleh memberi pertolongan.'*

Seandainya menyeru kepada selain Allah itu tidak dibolehkan pada saat meminta pertolongan, tentulah Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan hal itu kepada sahabat-sahabatnya tatkala bercerita tentang Hajar, dan membidas cara Hajar ketika meminta pertolongan. Selanjutnya, para sahabat utama tentunya tidak akan mengutip kisah tersebut, dan para ahli hadis tidak pula menyebutkannya.

Seandainya para ahli fiqih tidak berhasil menemukan dalil-dalil yang membenarkan tawassul dan istighathah dengan perantaraan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam setelah Baginda wafat, kiasan tentang tawassul dan istighathah selama hayat Rasul sudah cukup untuk dijadikan dalil. Ini kerana selama di dunia mahu pun di akhirat, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam selalu memerhati dan melindungi umatnya. Dengan izin Allah s.w.t., Baginda boleh bertindak serta mengetahui keadaan dan apa sahaja yang diperbuat oleh umatnya. Bahkan sekadar selawat seseorang kepadanya pun boleh terus diterima oleh Baginda di saat orang itu mengucapkannya, meskipun dari tempat yang berbeza-beza di negeri-negeri yang jauh. Hadis Abu Darda' menjelaskan bahawa seseorang yang bersalawat kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam akan disampaikan selawatnya di saat dia belum lagi menyelesaikan ucapannya. Sabda Baginda :

وَأَنَّ أَحَدًا لَنْ يُصَلِّيَ عَلَيَّ إِلَّا غَرَضْتُ عَلَيَّ صَلَاتَهُ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهَا، قَالَ: قُلْتُ وَبَعْدَ الْمَوْتِ؟ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَيَّ الْأَرْضَ أَنْ تَأْكُلَ أَجْسَادَ الْأَنْبِيَاءِ

'Setiap orang yang berselawat kepadaku akan disampaikan kepadaku selawatnya sehingga ia selesai mengucapkannya. Dikatakan : Aku bertanya : Meskipun setelah anda wafat ? Baginda menjawab : Sesungguhnya Allah mengharamkan tanah memakan jasad para Nabi.' (Hadis riwayat Ibn Majah dengan sanad yang baik)

Barangsiapa memperluaskan ilmunya tentang urusan roh dan kekhususan-kekhususan yang diberikan Allah kepada para Nabi nescaya akan lapanglah hatinya dengan iman.

Di dalam al-Azkar oleh Imam An-Nawawi Radiallahu'anhu dijelaskan bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh umatnya agar setelah sembahyang fajar dua raka'at berkata tiga kali :

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ وَعِزْرَائِيلَ، وَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَجْرِنِي مِنَ النَّارِ

'Ya Allah Tuhan Jibril, Mikail, Israfil, Izrail dan Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, jauhkanlah aku dari api neraka.'

Di dalam syarah Al-Azkar disebutkan agar kita mengkhususkan diri untuk menyebut nama mereka sebagai wasilah demi terkabulnya doa. Jika tidak, maka, Dialah Allah Tuhan bagi seluruh makhluk, dan fahamilah bahawa hal yang tersebut di atas merupakan tawassul yang disyariatkan.

Imam Syafi'i Radiallahu'anhu ketika beliau di kota Baghdad, pernah bertawassul dengan perantaraan Imam Abu Hanifah Radiallahu'anhu. Beliau berziarah ke kuburnya, mengucapkan

salam, kemudian bertawassul kepada Allah dengan perantaraannya tentang keperluan beliau yang penting.

Tawassul dilakukan pula oleh Imam Ahmad bin Hanbal dengan perantaraan Imam Syafi'i, hinggakannya puteranya Abdullah bin Ahmad bin Hanbal kehairanan. *Lantas Imam Ahmad berkata : 'Asy-Syafi'ie adalah laksana matahari bagi manusia dan ibarat kesihatan bagi badan.'*

Sebaik sahaja sampai kepada Imam Syafi'i r.a. berita tentang penduduk Maghribi bertawassul kepada Allah dengan perantaraan Imam Malik r.a., beliau tidak menyanggah perbuatan tersebut.

Ringkasnya, mazhab Ahli Sunnah wal Jama'ah membenarkan dan mengharuskan tawassul dengan perantaraan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, baik selama hidupnya mahupun sepeninggalannya. Termasuk juga bertawassul kepada para Nabi, mursalin dan wali soleh yang selainnya, sebagaimana dijelaskan oleh ahli-ahli hadis yang lalu.

Majoriti Ahli Sunnah tidak mempercayai adanya penciptaan, pengadaan, ataupun penghapusan pertolongan kecuali dilakukan oleh Allah sahaja, yang tiada sekutu baginya. Justeru, tidak ada bezanya bertawassul dengan perantaraan Nabi atau para nabi dan mursalin selainnya. Selawat dan salam buat mereka semua. Begitu juga dengan para wali dan orang-orang yang soleh. Tidak ada bezanya apa mereka itu masih hidup atau sudah wafat, sebab mereka tidak mencipta pertolongan apa-apa. Manusia hanya mencari berkat dengan kehadiran mereka, sebab mereka sentiasa hidup di sisi Allah. Manakala penciptaan dan perwujudan pertolongan adalah hak Allah semata-mata, tiada sekutu baginya. Selanjutnya Allah berfirman :

وَلَوْلَا دَفَعُ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَفُتِنَتِ
صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ

'Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya

runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam).'

(Al-Hajj: 40)

Ibn Abbas r.a. berkata : 'Allah membela orang yang baik dari orang yang jahat, orang yang melakukan solat dari yang tidak melakukan solat, orang yang bersedekah dari orang yang tidak bersedekah, dan orang yang melaksanakan haji dari orang yang tidak melaksanakan haji.'

Dari Ibn Umar r.a., katanya, Nabi s.a.w. bersabda : '*Allah membela seorang Muslim yang soleh, seratus orang dari keluarga dan tetangganya.*' Lalu beliau membaca ayat ini.

Kandungan

ZIARAH DAN DALIL SYARIATNYA

Manusia adalah makhluk yang paling mulia. Mereka adalah makhluk yang istilah pemilikannya terpilih dan paling tinggi, yang didapatkan dari Al-Mala' Al-A'la. (Allah *Subhanahu wa Ta'ala*)

Antara riwayat pendakwah untuk mewujudkan keserasian dengan makhluk lain, berakhlak dermawan, tidak melakukan tipudaya yang berlebihan; lebih baik manusia tetap melakukan sunnah secara sadar, yang bermoral baik dalam ibadahnya, menegakkan keadilan secara mantap dalam bergaul dengan orang lain, menyebarkan manfaat yang boleh dinikmati umum dan tidak mengganggu sesiapa pun.

Manusia cenderung untuk mempercayai alam ghaib. Dia seperti merasakan kesan kata-kata ghaib di dalam dirinya dan memandang seakan-akan didukung oleh kekuatan ghaib yang terbuka baginya, tetapi tidak terbuka bagi orang yang lain, walaupun dari dekat, atau ketenangan.

Manusia berbeza-beza keadaannya, bergantung kepada kelebihan dan kekurangan yang dimiliki. Orang yang lebih banyak bergelut dengan ilmu-ilmu kebenaran dan memelihara dirinya dengan ibadah adalah manusia yang sempurna.

Orang yang lebih banyak bergelut dengan akhlak yang mulia, ilmu-ilmu pengetahuan dan memelihara kelangsungan tempat tinggalnya adalah manusia yang bijaksana.

Orang yang lebih banyak mendapat pengajaran pengurusan, lalu memadukannya untuk menegakkan keadilan di antara manusia dan menumpas kejahatan di antara mereka dinamakan pemimpin.

Orang yang lebih banyak memenuhi lidah dan hatinya dengan cahaya, kemudian menjalin persahabatan dengan orang lain dan menebarkan teladan nasihat yang baik di antara mereka, sesudah itu sahabat-sahabatnya menjadi pengikutnya, lalu mencapai jalan menuju puncak kesempurnaan dan sangat cermat dalam memberi petunjuk disebut pemberi hidayat dan penyuci. Orang yang lebih banyak tahu tentang kaedah-kaedah agama dan kebaikannya serta amat cermat dalam memberikan hidayah disebut imam.

Orang yang hatinya berbisik untuk memberi tahu orang lain tentang adanya musibah yang ditakdirkan atas diri mereka di dunia, atau mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana takut, lalu memberitahu orang lain tentang perkara tersebut, atau berlepas diri darinya pada sebahagian waktunya, juga mengetahui apa yang terjadi di dalam kubur dan hari perhitungan, lalu memberitahukan hal itu disebut pemberi ancaman.

Manakala kalau ada kebijaksanaan Allah untuk mengutus salah satu dari makhlukNya agar melakukan pemulihan dan pembaikan supaya manusia boleh keluar dari kegelapan menuju cahaya; kemudian Allah memfardhukan kepada hamba-hambaNya supaya mempasrahkan wajah dan hati mereka hanya kepadaNya; dan selanjutnya redha terhadap siapa sahaja yang mahu bergabung dengan utusanNya dan mengikuti petunjukNya, serta mengutuk dan mengusir siapa sahaja yang menentang dan mengabaikanNya, lalu memberitahu kepada manusia tentang hal itu sekaligus mengharuskan ketaatan terhadapNya, maka orang itu adalah Nabi.

Adapun Nabi dan Rasul yang paling agung, Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*, memiliki kedudukan yang berbeza. Pengutusannya membawa rahmat bagi alam semesta, dan melalui dirinya Allah berkehendak untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan menuju cahaya.

Kaumnya menjadi umat terbaik yang pernah ada, pengutusannya menjadi rahmat, dan risalahnya berlaku umum dan abadi. Al-Quran yang mulia telah memberikan isyarat tentang hal ini dalam firman Allah :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو
عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا
مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

'Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.'

(Al-Jumu'ah : 2)

Dan firmanNya yang lain:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

'Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).'

(Ali Imran : 110)

Maka Nabi kita, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dikurniakan semua seni Al-Musthalihin dan merupakan utusan yang paling sempurna. Sementara, para Nabi sebelumnya hanya menguasai satu dua kesenian.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam ditugaskan untuk melaksanakan kebijaksanaan Ilahi untuk menyucikan dan

memulihkan bangsa Arab pada masa itu, kemudian menyucikan seluruh wilayah lainnya dengan bangsa Arab yang sudah disucikan itu. Untuk ini mereka diharuskan memakai syariat Baginda sebagai dasar untuk berpijak dan adat kebiasaan.

Apabila kita melihat kepada kumpulan syariat Allah yang lurus, kemudian meneliti gambaran dan adat kebiasaan mereka, dan menilik peringkat-peringkat pengaturan dan persamaan yang diterapkan oleh Baginda, nyatalah bahawa setiap penetapan sesuatu hukum memiliki alasan, dan setiap perintah atau larangan mengandungi dasar kebaikan.

Nabi kita Muhammad Rasulullah adalah hamba dan utusan Allah. Bagindalah pilihanNya di antara semua makhlukNya, orang kepercayaanNya untuk diserahkan wahyu, dan utusanNya antara Dia dan hamba-hambaNya. Beliau diutus sebagai pembawa rahmat untuk seluruh alam semesta, suri teladan bagi seluruh alam, dalil bagi sesiapa yang mengikuti jejaknya, dan juga dalil bagi semua hambaNya.

Baginda diutus pada saat dunia mengalami kekosongan dan kehadiran Nabi, lalu diserunya manusia untuk mengikuti jalan yang paling lurus dan arah yang jelas, difardhukannya hamba-hamba Allah untuk mentaati, mencintai, memuliakan, menghargai serta melaksanakan hak-hakNya. Baginda menutup semua pintu syurga, dan tidak akan terbuka jalannya bagi sesiapa pun kecuali orang yang mahu melapangkan dadanya, meninggikan namanya, dan memaafkan kesalahannya, serta menghinakan dan merendahkan sesiapa yang menentang perintahnya.

Baginda memberi petunjuk kepada orang yang berada di dalam kesesatan, memberi pengajaran kepada orang-orang yang bodoh, meningkatkan kesejahteraan orang-orang yang miskin, memuliakan orang-orang yang hina, melapangkan orang-orang yang dalam kesempitan, membolehkan orang buta untuk melihat, dengan risalahnya, membuka mata yang buta, telinga yang tuli, dan hati yang alpa. Kemudian Baginda menyampaikan risalah dan amanah, menasihati umatnya, berjuang di jalan Allah dengan penuh kejujuran, menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah sehingga tibanya ajal.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam tidak pernah berdoa kecuali doa yang baik-baik. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam tidak pernah menyeru kecuali untuk memberi petunjuk kepada umat. Tidak pernah ada kejahatan melainkan Baginda akan mencegahnya dan melarang manusia menempuhi jalan yang menuju ke arahnya. Baginda membuka hati-hati dengan iman dan Al-Quran, dan menghadapi musuh Allah dengan tangan, hati dan lisan.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam berdoa kepada Allah dengan penglihatan mata batin, hidup di tengah umat dengan keadilan dan kebajikan, sehingga memancarlah risalahnya menerangi bumi yang diliputi kegelapan, bersatulah hati-hati dengannya setelah mereka bercerai-berai sebelumnya. Seruannya berjalan terus menerus laksana perjalanan matahari yang menerangi segenap pelusuk, sehinggalah agama ini sampai sebagaimana siang dan malam mencapai bumi.

Semua hati telah menyambut seruannya dengan perasaan taat dan tunduk, serta memenuhi panggilanannya dengan perasaan aman dan penuh keimanan, setelah mereka berada di dalam ketakutan dan kekufuran sebelumnya.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam telah menanamkan kejujuran dakwah dan rasa kecintaan, pemahaman dan tauhid kepada Allah di dalam hati-hati yang telah dipilih oleh Allah untuk menjaganya dan mengkhususkan seluruh makhluk dengan nikmat dan kurniaNya, hingga akhirnya Allah menjadi muara cinta, ma'rifat dan tauhid mereka. Laksana pohon yang baik yang keluar buahnya pada setiap saat dengan izin Tuhannya. Mereka juga membuahkan tutur bicara yang baik dan amal perbuatan yang soleh, yang menyenangkan mata pemeliharanya, mata sanak keluarganya, mata sahabat-sahabatnya serta orang-orang yang dekat dengannya. Barangsiapa yang matanya menyukai Allah maka Allah akan menggembirakan semua mata melihatnya. Semua yang risau menjadi senang, semua yang jahat menjadi baik, semua yang berduka menjadi gembira, semua yang takut menjadi beriman, dan semua yang ghaib kembali datang. Penglihatannya selalu ingatkan Allah, sehingga apabila ia melihat ia teringat Allah, hatinya terasa mantap kepada Allah,

jiwanya menjadi tenang kepada Allah, ikhlas cintanya kepada Allah, terbatas rasa takutnya kepada Allah, dan menggantung seluruh harapan kepada Allah.

Dengan itu dia sentiasa mendengar dengan Allah, melihat dengan Allah, bertindak kerana Allah dan berjalan kerana Allah. Jadi, dengan Allah dia mendengar, dengan Allah dia melihat dan dengan Allah dia pergi. Dia mencintai seseorang kerana Allah, membenci seseorang kerana Allah, memberi kerana Allah dan menolak kerana Allah.

Dia menjadikan Allah Subhanahu wa Ta'ala jua sebagai sembah, harapan, rasa takut, puncak tujuan, dan batas harapannya. Dia menjadikan utusannya sebagai petunjuk, imam dan pemimpinnya. Dia mengesakan Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan ibadah, rasa cinta, takut dan harapannya. Dia mengistimewakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dengan mengikutinya, meniru, berakhlak sesuai dengan akhlaknya dan beradab sebagaimana adabnya.

Apabila demikian halnya, maka dia telah menyelesaikan dua macam hijrah:

Pertama : Hijrah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan memohon, mencintai, menghambakan diri, bertawakkal, berserah diri, pasrah, takut, berharap, mengarahkan tujuan, semuanya hanya kepadaNya.

Kedua : Hijrah kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pada tindakan dan diam, zahir mahupun batin, sehingga sesuai dengan syariatnya yang merupakan bahagian dari kecintaan dan kerelaan kepada Allah. Sesungguhnya Allah tidak menerima agama seseorang kecuali sebagaimana yang diajarkan dan diteladani oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh kerana itu, tertutuplah semua jalan kecuali yang mengikuti dan mengambil ajaran dari Rasulullah. Di dalam hadis qudsi yang dikeluarkan oleh Ibn Hamid r.a. dan Ibn Awanah r.a., Allah berfirman :

وَعِزَّتِي وَجَلَالِي، لَوْ أَتَوْنِي مِنْ كُلِّ طَرِيقٍ وَأَسْتَفْتَحُوا مِنْ كُلِّ بَابٍ
مَا فَتَحْتُ لَهُمْ حَتَّى يَدْخُلُوا خَلْفَكَ

'Demi kemuliaan dan kejayaanKu, andaikata mereka membawa semua jalan dan berusaha membuka semua pintu, nescaya tidak akan Ku bukakan sampai mereka masuk di belakangku.'

Kerana kebahagiaannya dengan ketetapan yang datang dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, maka layaklah bila dia menggunakan usianya untuk berusaha mengenalNya, dan membatasi kehendaknya sendiri dengan rasa cinta terhadapNya. Ini merupakan semangat tertinggi yang orang dulu berebut dan bersaing untuk mendapatkannya.

Tidak mungkin kita dapat mengenal Allah dan mendapatkan cintaNya kecuali dengan mengikuti utusanNya, kemudian tetap dalam ketaatan terhadap perintahNya dan mengutamakan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam setingkat di bawah kecintaan kepada Allah. Allah berfirman :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ
فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ

'Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu.'

(Ali Imran : 31)

Meniru dan meneladani Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dalam hal ini hanya boleh diwujudkan dengan menempatkan penghargaan yang penuh terhadapnya, mengagungkan kedudukannya, dan mengikat hati dengan perilakunya, sebagaimana adab yang diajarkan oleh Allah.

Untuk ini, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam mensyariatkan kepada kita agar berziarah ke kuburnya dan berdoa di sisinya, sebab hal itu dibolehkan sekaligus menambah kemungkinan terkabulnya doa. Para ulama' dan orang-orang soleh terdahulu, para fuqaha' di desa-desa dan di kota-kota, ramai di kalangan mereka yang mengatakan bahawa berziarah ke maqam Rasulullah merupakan pengorbanan terbaik dan cara yang paling baik untuk meraih syafaatnya di negeri akhirat.

Bahkan mereka sepakat bahawa berziarah ke kubur Rasulullah termasuk sunnah yang diwariskan oleh Baginda, baik oleh mereka yang dekat mahupun yang jauh, setelah melaksanakan haji atau pun sebelumnya, bahkan tanpa berhaji, dari kaum Muslimin, meskipun dari mazhab yang berbeza.

Khalifah yang berkesedaran tinggi, Umar bin Abdul Aziz Radiallahu'anhu pernah mengirim surat dari Syam ke Madinah hanya untuk menitip salam kepada Nabi yang mulia. Hanya sekadar itu.

Khalifah ini melakukan banyak kebaikan dalam agama yang boleh diteladani oleh kaum Muslimin. Hinggakan kerana tidak berupaya untuk berziarah sendiri, dia mengirim salam melalui orang yang berziarah ke maqam Rasulullah. Ini kerana hak tersebut merupakan satu-satunya wasilah kepada kemuliaan untuk menghadap ke hadhratnya dan merupakan penyelamat dari bencana, baik yang cepat mahupun yang lambat.

Telah ditetapkan oleh kalangan ulama' bahawa hadis-hadis yang lemah tetapi serupa boleh diterima oleh umat dan menjadi argumen yang benar. Apalagi setelah itu disusuli oleh hadis yang mutawatir. Jadi bagaimana mungkin hal yang telah ditunjukkan oleh Al-Quran, yang didukung oleh sunnah yang benar, yang ditegakkan ilmu dan amalannya oleh para tokoh ijma' dan disaksikan oleh qiyas yang benar masih lagi dipertikaikan?

Semua dalil syar'i dari Al-Kitab, Sunnah, Ijma' dan Qiyas telah disepakati tentang saranannya berziarah menuju Sayyidil Mursalin dari dekat mahupun jauh, dan bahawa ziarah ke sana merupakan cara yang paling baik supaya berhasil mendapatkan syafa'atnya.

Adapun dalil dari Al-Quran yang paling jelas bagi orang-orang yang lurus dan menatap dengan mata batin adalah firman Allah :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' : 64)

Maksudnya : Tatkala manusia menzalimi diri mereka lalu memohon dengan perantaraanmu, maka terimalah; dan mereka pun akan Kuampuni. Rahmat Allah kepada mereka dan diterimanya, taubat mereka wujud ketika mereka datang kepadamu dengan menyatakan taubat mereka dan beristighfar. Jikalau mereka datang kepadamu dengan beristighfar, sambutlah dengan keampunan bagi mereka, nescaya mereka akan menemukan apa yang mereka harapkan dariKu. Dengan demikian, apa yang mereka tuju dengan bertawassul telah terkabul.

Allah menetapkan dalam firman-Nya :

لَوْجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'...tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' : 64)

Ini disebabkan kedatangan mereka kepada Rasulullah di samping juga kerana istighfar mereka dan istighfar Rasulullah bagi mereka. Kalau hanya istighfar mereka belum lagi memadai. Ini semua untuk memperlihatkan kesempurnaan kurnia ziarah, mendatangi dan bertawassul dengan Rasulullah s.a.w.

Allah s.w.t. juga telah menunjukkan kesempurnaan keutamaan ziarah kepada Rasulullah s.a.w. tanpa membezakan jauh dekat rumahnya, dan bukan antara ziarah dan salam kepada Rasulullah s.a.w. ketika hayat dan setelah wafatnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Berziarah kepada Rasulullah s.a.w. sepeninggalannya dianggap sama dengan berziarah kepada Rasulullah s.a.w. semasa hidupnya.

Ayat suci di atas merupakan dorongan paling sempurna untuk berziarah kepada Rasulullah, untuk mendatanginya, dan

berlabuh kepadanya serta bepergian untuk mengunjunginya. Walaupun menjadi nazilah kerana sebab yang khusus, tetapi ibrah yang terkandung di dalamnya adalah berdasarkan kepada keumuman lafaz, bukan dengan kekhususan sebab. Maka keberhasilan semua penziarah kubur Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah ketika Allah memberi keampunan dan rahmat kepada manusia secara umum, bila sahaja dia melaksanakan ziarah dan beristighfar, dari mana sekalipun asalnya dan pada waktu bila sekalipun.

Firman Allah :

'...Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah.'

(An-Nisa' : 100)

Meskipun ayat tersebut tidak dianggap nas bagi ziarah, maka tidak ragu lagi berziarah menuju Rasulullah, apatah lagi dari tempat yang jauh termasuk apa yang dimaksudkan dengan hijrah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya. Ziarah kepada Rasul s.a.w. termaktub di dalam ayat ini dan ayat yang selanjutnya. Kalau tidak demikian, maka maksudnya jelas dan tidak tersembunyi bagi sesiapa pun yang adil.

Apa yang dikisahkan oleh jama'ah perawi dari al-'Utbah, yang memperkuat bahawa firman Allah :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa': 64)

Menetapkan disyariatkannya ziarah kepada Rasulullah s.a.w. Nas riwayatnya adalah sebagai berikut :

Daripada Muhammad bin Harb al-Hilali r.a., katanya : *'Aku datang ke kubur Rasulullah untuk berziarah, lalu datang seorang Badwi untuk berziarah.'* Dia berkata : *'Wahai Rasul yang baik, Allah menurunkan kepada Tuan kitab yang benar, yang antara lain berisi firman :*

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
 لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa': 64)

Kini aku datang kepada Tuan untuk memohon ampun atas dosa-dosaku. Mintalah syafa'at kepada TuhanKu.'

Selanjutnya dia bersyair :

'Wahai si Baik yang terkubur tulang belulanginya di perut bumi,

Hingga wanginya mengharumkan semua tanah,

Aku membela kubur yang Tuan huni,

Yang di dalamnya terkandung kesucian, kebijaksanaan dan kedermawanan.'

(Dari Ibn Asakir dan Ibn Al-Jauzi dalam buku **Mutsir Al-Azm** dan Ibn Najjar dalam **At-Tarikh**)

Kemudian ia beristighfar dan berlalu pergi, sedangkan aku sendiri terus pulang dan tidur. Kemudian aku bermimpi melihat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

((الْحَقِّ الرَّجُلَ وَبَشَّرَهُ بِأَنَّ اللَّهَ قَدْ غَفَرَ لَهُ بِشَفَاعَتِي)) فَاسْتَيْقَظْتُ
فَخَرَجْتُ أَطْلُبُهُ فَلَمْ أَجِدْهُ

'Susullah orang itu tadi dan beritakanlah khabar gembira kepadanya bahawa Allah telah memberi keampunan dengan syafaatku. Maka aku pun bangun dan keluar mencari orang itu, tetapi aku tidak berhasil menemuinya.'

Di antara dalil Sunnah yang kuat dan jelas tentang disyariatkannya ziarah adalah yang diterima daripada Nafi' dari Ibn Umar, katanya : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

مَنْ زَارَ قَبْرِي وَجَبَتْ لَهُ شَفَاعَتِي، وَفِي رِوَايَةٍ "حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي"

'Barangsiapa yang menziarahi kuburku, wajib baginya syafaat dariku.' Atau di dalam riwayat lain : *'Akan mendapat syafaatku.'*

Hadis ini terdapat di dalam banyak buku yang boleh dipercayai dari **Sunan Ad-Daruquthni**, di antaranya adalah yang ditulis oleh Ahmad bin Muhammad bin Al-Haris Al-Asfahani. Diriwayatkan pula oleh Al-Baihaqi dan Ad-Daruquthni di dalam Sunan yang lain, dan riwayatnya tentang hal itu bertemu di dalam Sunan.

Di antara riwayat lain tentang hadis di atas ialah Al-Hafiz Abu Qasim bin Al-Asakir di dalam **Tarikhnya** pada bab : *'Berziarah ke kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam setelah wafatnya sama dengan mereka yang hadir pada masa hidup Baginda.'*

Hadis tersebut diriwayatkan lebih dari satu cara, dan cukuplah kita ringkaskan masalah yang berkaitan dengan sanadnya. Manakala soal matan kata '*wajabat*' di situ diertikan diwajibkan, ditetapkan atau dipastikan. Ia juga harus diperolehi kerana janji Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam adalah kurnia untuknya.

Erti yang merujuk kepada hadis ini adalah sabda Baginda: '*Wajib baginya.*'

Kalau yang menjadi maksud baginya dengan khusus dalam ertikata berziarah yang dikhususkan syafaatnya maka tidak terdapat perbualan bagi yang selainnya, umum atau pun khusus.

Keuntungannya adalah adanya berita gembira bahawa mereka mati sebagai Muslim. Penghargaan bagi keadaan ini ialah lafaz bersifat umum. Kalau kita rahsiakan maknanya, apabila cuma supaya disebut Islam ketika mati, maka ziarahnya tidak ada manfaatnya, sebab keislaman itu sendiri sudah cukup untuk menjadikan seseorang itu mendapat syafaat. Berdasarkan dua nilai di atas sebentar tadi benarlah pernyataan ini.

Maka natijah dari kesan-kesan ziarah tersebut, iaitu wafat dalam keadaan Islam, merupakan kenikmatan yang sudah mencukupi baginya. Penziarah mendapatkan syafaat yang khusus (lebih) daripada orang yang tidak berziarah. Kalau dikatakan dia mendapatkan syafaat, maka itu hanya sifat tambahan sahaja sebagai penghargaan. Maksudnya orang yang berziarah mendapat keutamaan tersendiri.

Syafaat itu semakin besar mengikut keagungan si pemberi syafaat. Kerana Nabi adalah insan paling mulia, bererti syafaatnya pun paling besar berbanding syafaat dari orang lain.

Masalah lain yang perlu juga kita sebutkan di sini ialah syafaat akhirat. Namun saya selang-selikan perbahasan tentang hal itu sebelum huraian tentang tujuan ziarah ini selesai, agar tidak membosankan pembaca.

Di dalam hadis lain, dari Ubaidillah Al-Amri r.a., katanya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

مَنْ جَاءَنِي زَائِرًا لَا يَعْمَلُهُ حَاجَةً إِلَّا زِيَارَتِي، كَانَ حَقًّا عَلَيَّ أَنْ
أَكُونَ لَهُ شَفِيعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

'Barangsiapa datang kepadaku untuk berziarah, tidak menyibukkan diri untuk tujuan lain kecuali semata-mata untuk berziarah kepadaku sahaja, maka aku pasti menjadi penolongnya pada hari kiamat.'

(Diriwayatkan oleh Al-Thabrani dalam **Mu'jam Al-Kabir**, Ad-Daruquthni dalam **Amalnya**, dan Abu Bakar ibn Al-Mukri di dalam **Mu'jamnya**, dan dibenarkan oleh Sa'id bin Sakan, dan ia berasal dari riwayat Maslamah Al-Juhni)

Selainnya ialah riwayat Nafi' dari Salim, dari ayahnya, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: *'Barangsiapa datang kepadaku untuk berziarah, tiada kesibukan lainnya melainkan hanya untuk ziarah, maka haknya untuk menjadikan aku sebagai penolongnya di hari kiamat.'*

Berikut ini adalah hadis-hadis yang saya himpulkan dari sunnah-sunnah yang ma'thurah yang dikutip oleh imam-imam terkemuka, yang tidak diragukan kejujurannya tentang apa yang disampaikannya.

Hadis yang mengarah kepada penyariatian ziarah ada juga diriwayatkan oleh Imam Malik Radiallahu'anhu, dari Nafi' dari Ibn Umar Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

مَنْ حَجَّ الْبَيْتَ وَلَمْ يَزُرْنِي فَقَدْ جَفَانِي

'Barangsiapa menunaikan haji dan tidak menziarahiku bermakna ia membenciku.'

Dari Umar al-Khattab r.a., katanya : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

((مَنْ زَارَ قَبْرِي كُنْتُ لَهُ شَفِيعًا - أَوْ شَهِيدًا -، وَمَنْ مَاتَ فِي أَحَدِ
الْحَرَمَيْنِ بَعَثَهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فِي الْأَمْنِينِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))

'Barangsiapa berziarah ke kuburku, maka aku akan menjadi penolong atau saksi baginya, dan barangsiapa meninggal dunia di salah satu Haramain (Tanah Larangan, kota Mekah dan Madinah) akan dibangkitkan oleh Allah dalam keadaan aman pada hari kiamat.'

Al-Baihaqi menyebut, hadis tersebut (di Sunan Al-Kubra) dari arah At-Tayalisi Rahimahullah, dan disebutkan pula oleh Al-Hafiz ibn Asakir, dari arah yang sama.

Berikutnya adalah hadis yang berasal dari Suran bin Maimun, dari Abdullah bin Umar Radiallahu'anhu, katanya : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: *'Barangsiapa menziarahiku dengan sengaja, maka dia berada dalam perlindunganku di hari kiamat.'*

(Abu Ja'far Al-Aqili dan lain-lain pula meriwayatkan dari Suran bin Maimun dengan nas yang berbeza.)

Berikut adalah riwayat dari Harun bin Quza'ah dari seseorang, dari Al-Khattab, dari Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, katanya : *'Barangsiapa yang menziarahiku dengan sengaja, maka dia berada dalam lindunganku pada hari kiamat. Barangsiapa tinggal di Madinah dan bersabar terhadap bencananya, maka aku akan menjadi saksi dan penolongnya pada hari kiamat. Dan barang siapa meninggal di salah satu Haramain, maka dia akan dibangkitkan oleh Allah ke dalam golongan yang aman pada hari kiamat.'*

Nama Harun bin Quza'ah ini disebutkan oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya, **Ath-Thiqat**.

Masih dari Harun bin Quza'ah, dari Hathib, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda :

Barangsiapa menziarahiku setelah wafatku, dia seperti menziarahiku pada masa hayatku, dan barangsiapa meninggal dunia di salah satu Haramain, maka dia akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam golongan yang aman.

Di antara yang diolah dan dikeluarkan oleh Sa'id bin Muhammad bin Ismail Al-Ya'qubi, dengan sanadnya, bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa*

menziarahiku setelah wafatku, seakan ia menziarahiku ketika aku masih hidup.'

Hadis di atas berasal dari riwayat yang diucapkan oleh Ismail bin Abdullah bin Abu Al-Muhsin Al-Ansari Al-Maliki yang terkenal dengan panggilan Ibn Al-Anmati.

Dari Mujahid r.a., dari Ibn Umar r.a., katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa melaksanakan haji kemudian menziarahi kuburku, setelah wafatku, maka dia seolah-olah menziarahi semasa hayatku.'*

Hadis ini diriwayatkan oleh Ad-Daruquthni di dalam **Sunan**nya dan lain-lain, yang diriwayatkan pula oleh yang lain, misalnya Hafs bin Abu Daud dari Laith, dari Mujahid.

Dari Laith, dari Mujahid, dari Ibn Umar Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa menunaikan haji kemudian menziarahi kuburku setelah aku wafat, maka dia seperti menziarahiku semasa hidupku dan seakan menjadi kawanku pada hari kiamat.'*

Dari Abdullah bin Umar Al-Umari, dengan sanad dari Abu Hurairah Radiallahu'anhu yang berkata : Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa menziarahiku setelah wafatku seakan-akan ia menziarahiku ketika aku hidup, dan barangsiapa menziarahiku maka aku akan menjadi saksi dan penolongnya pada hari kiamat.'*

Hadis di atas dikeluarkan oleh Ibn Ad-Dakan, Ibn Hamid dan Ibn Awanah, yang dikuatkan oleh Abdullah bin Umar Al-Umari bin Mu'in.

Dari Anas bin Malik Radiallahu'anhu, dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, katanya : *'Barangsiapa berziarah ke Madinah dengan rela hati, maka aku akan menjadi penolong dan saksi baginya.'*

Hadis ini dikeluarkan oleh Ibn Abi Fadik, dari Sulaiman bin Yazid Al-Ka'bi, dari Anas bin Malik, dan diriwayatkan pula oleh Abu Ubadah bin Shamit Radiallahu'anhu.

Di dalam riwayat lain Ibn Umar berkata, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barang siapa berziarah*

dengan sukarela ke Madinah, maka dia akan berada di bawah naunganku pada hari kiamat.'

Sanad ketiga hadis di atas berasal dari Muhammad bin Ismail bin Abu Fadik, yang merupakan orang yang boleh dipercayai. Manakala Sulaiman bin Yazid disebut-sebut oleh Ibn Hibban dalam **Ath-Thiqat**.

Daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa menziarahi sepeninggalanku, adalah sama dengan menziarahiku ketika hayatku. Barangsiapa menziarahi kuburku, wajib baginya syafaatku pada hari kiamat. Setiap orang dari umatku yang memiliki kelapangan tetapi tidak menziarahiku, maka tiada alasan baginya.'*

Hadis tersebut dikeluarkan oleh Sam'an bin Mahdi, dari Anas Radiallahu'anhu. Kata Sam'an bin Mahdi : Hadis itu juga disebut oleh Ibn Hibban dalam **Ath-Thiqat** : Sementara An-Nasa'i berkata : *'Tiada apa- apa.'*

Daripada Abu Bakar bin Abdullah, dari Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, katanya : *'Barangsiapa datang ke Madinah untuh menziarahiku, wajib baginya syafa'atku pada hari kiamat.'*

Hadis ini dikeluarkan oleh Ibn Hamid di dalam **Musnadnya** dan dari Ibn Awanah bin Muhammad bin Ya'kub dari Abdullah bin Wahab.

Selanjutnya dari Ali bin Abu Thalib Radiallahu'anhu, katanya : *'Barangsiapa memohon darjat wasilah dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam, nescaya dia akan mendapat syafaatnya pada hari kiamat. Dan barangsiapa menziarahi kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam maka dia berada di bawah lindungan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam.'*

Hadis-hadis lain yang banyak juga turut menguatkan kesahihan berziarah, saranan agar berziarah, keutamaan ziarah, serta ancaman dan peringatan bagi mereka yang mengabaikan ziarah.

Dikisahkan oleh Muhammad bin Yahya, dari ibn Juraij, dari Atha', dari Ibn Abbas Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah

Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda : *'Barangsiapa yang menziarahiku ketika kewafatanku adalah sama seumpama dia menziarahiku ketika hayatku. Dan barangsiapa yang menziarahiku sehingga naik ke kuburku, maka aku akan menjadi saksi baginya pada hari kiamat.'*

Manakala Qadhi 'Iyadh, pengarang **Asy-Syifa'** menyetujui, seseorang yang menyintai kebenaran dan keadilan, yang berkata dengan mantap : *'Menziarahi kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah termasuk sunnah Muslimin yang telah disepakati dan merupakan keutamaan yang disukai.

Daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa menziarahi Madinah dengan rela hati, dia berada di dalam jaminanku dan aku akan bersyafaat untuknya pada hari kiamat.'*

Seorang fuqaha' bernama Ishaq bin Ibrahim menguatkan hal tersebut dan mendorong agar dilakukan ziarah. Dia berkata: *'Masih menjadi kesibukan para jemaah haji untuk melalui Madinah dan melakukan sembahyang di Masjid Nabawi, mencari berkat dengan melihat raudhah, mimbar, kubur, tempat duduk Nabi, demikian juga tempat-tempat yang pernah disentuh oleh Baginda, tempat-tempat yang pernah dipijak oleh Baginda, tiang tempat Baginda bersandar, dan tempat di mana Jibril menurunkan wahyunya, dan yang memakmurkan serta mendatangi para sahabat dan imam-imam Muslimin dengan penuh dengan kesan-kesan dan penghormatan ke atas semuanya.'*

Manakala Ibn Abi Fadik berkata : Aku mendengar sebahagian orang yang aku jumpai berkata : *'Telah sampai keterangan kepada kami bahawa barangsiapa berdiri di hadapan kubur Nabi lalu membaca :*

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ

'Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w)'

(Al-Ahzab : 56)

‘Selawat Allah ke atas dirimu, wahai Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam, sebanyak 70 kali.’ Maka para malaikat akan memanggilnya : ‘Wahai si fulan, selawat Allah ke atas dirimu dan terkabullah segala keperluannya.’

Yazid bin Al-Ka’bi berkata : ‘Aku pernah melihat Anas bin Malik Radiallahu’anhu datang ke kubur Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam. Dia berdiri dan mengangkat tangannya sehingga aku sangkakan ia ingin mendirikan sembahyang. Ternyata beliau memberi salam kepada Nabi dan terus berlalu pergi.’

Di dalam Sunan Abu Daud As-Sajastani, daripada Abu Hurairah Radiallahu’anhu, dikatakan Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda :

‘Tiada seorang pun yang memberi salam kepadaku kecuali Allah Subhanahu wa Ta’ala akan mengembalikan rohku untuk menjawab salamnya.’

Para imam bersandar dengan hadis ini pada masalah ziarah (kubur) Daripada Abu Bakar Al-Baihaqi misalnya, muncul sebuah kitab : *‘Berkenaan menziarahi kubur Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam.*’ Ia merupakan sandaran yang benar dan petunjuk yang lurus. Seorang Muslim yang berziarah dan memberi salam kepada Nabi akan mendapatkan kurnia jawapan salam daripada Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam.* Ini merupakan satu kedudukan yang mulia lagi agung yang harus dijaga dan dipelihara untuk mendapatkan berkat Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam.*

Tidaklah dikatakan : Tiada di dalam hadis bab yang khusus tentang para penziarah. Justeru hal ini menghasilkan natijah bagi setiap Muslim, baik yang dekat mahupun yang jauh, yang pada saat itu mendapat fadhilat dengan salam dari ziarah yang lain. Hadis ini bersifat umum, sehingga kembali kepada yang dinyatakan oleh Ibn-Qudamah dari riwayat Imam Ahmad dengan lafaz : *‘Setiap Muslim yang memberi salam kepadaku di atas kuburku...’*

Tambahan ini layak dikhususkan dan tidak syak lagi bahawa orang yang dekat dengan kubur Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* akan mendapat habuannya. Ini lantaran dirinya seorang Muslim yang wajib menjawab apabila diberi salam,

sebagaimana yang berlaku ketika hidup. Justeru orang yang berdiri di hadapan kuburnya, dan memberi salam pasti akan mendapat jawapan daripada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, berdasarkan penjelasan hadis Baginda. Ini merupakan salah satu kelebihan yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Baginda.

Memberi salam kepada Nabi itu terdapat dua cara :

1. Salam yang dimaksudkan dengan doa, sebagaimana biasa kita ucapkan "*Sallallahu 'alaihi wasallam*" ini merupakan doa dari kita. Yang dimaksudkan ialah : '*Semoga Allah sentiasa melimpahkan rahmat dan keselamatan kepadanya.*'

Dikatakan, sebagai hamba yang Muslim, doa untuk Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah boleh dengan salam seumpama itu. Manakala untuk doa yang dilakukan dengan selawat, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

'Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.'

(Al-Ahzab : 56)

Di dalam Sahih Bukhari dan Muslim dan lain-lain, dijelaskan bahawa para sahabat bertanya kepada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* : '*Kami sudah tahu bagaimana mengucapkan selawat kepadamu. Kemudian bagaimana soal berselawat kepadamu?*' Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menjawab.

Katakanlah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَّجِيدٌ

'Ya Allah, limpahkanlah rahmat kepada Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dan keluarga Baginda, sebagaimana Engkau telah melimpahkan rahmat kepada Nabi Ibrahim dan keluarga Baginda. Dan limpahkanlah berkat kepada Muhammad dan keluarganya sebagaimana Engkau telah melimpahkan berkat kepada Ibrahim dan keluarganya. Di seluruh alam, sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Terpuji dan Yang Maha Agung.'

dan salam sebagaimana yang telah kalian ketahui.'

Para ulama' berkata : Maknanya adalah seperti yang telah kamu semua ketahui di dalam tasyahhud, iaitu: *'Semoga keselamatan, rahmat serta berkat Allah Subhanahu wa Ta'ala terlimpah ke atasmu, wahai Nabi.'*

Adakalanya bahagian selawat ini diucapkan secara sama di dalam doa, seperti yang diriwayatkan oleh Sayyidah Fatimah Radiallahu'anhu, puteri Nabi s.a.w., katanya :

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berkata kepadaku : *'Apabila engkau hendak masuk ke masjid ucapkanlah : 'Dengan nama Allah dan kesejahteraan ke atas Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Ya Allah, limpahkanlah rahmat ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad. Ampunilah kami dan mudahkanlah bagiku pintu-pintu rahmatMu.'* Apabila telah selesai (keluar) maka ucapkanlah seperti itu.'

Diriwayatkan pula oleh Al-Qadhi Ismail dengan lafaz di atas, sedangkan Ibn Majah meriwayatkan di dalam **Sunannya**, dari Fatimah Radiallahu'anha, katanya :

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam apabila memasuki masjid, Baginda mengucapkan :

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَىٰ رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ
لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

'Dengan nama Allah dan kesejahteraan ke atas Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku dan bukakanlah untukku pintu-pintu rahmatMu.'

Tatkala keluar daripada masjid, Baginda s.a.w. berkata :

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ
لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ

'Dengan nama Allah dan kesejahteraan ke atas Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu kemuliaanMu.'

2. Salam yang dimaksudkan sebagai penghormatan, iaitu seperti salam yang diucapkan oleh orang-orang yang berziarah kepadanya ketika telah sampai di hadapan Rasul yang suci, baik ketika hidup mahupun setelah kewafatan Baginda. Justeru, keadaan ini bersifat khusus, tetapi berlaku secara umum bagi semua kaum Muslimin, seperti yang dilakukan oleh Abdullah bin Umar r.a. tatkala datang ke perkuburan, dia mengucapkan :

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا بَكْرٍ، وَالسَّلَامُ
عَلَيْكَ يَا أَبَتَاهُ

'Kesejahteraan terlimpah ke atasmu wahai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, dan kesejahteraan ke atas kamu wahai Abu Bakar. Kesejahteraan ke atas kamu wahai bapa.'

Selawat tersebut tertulis dengan lafaz yang jelas mahu pun samar-samar.

Setelah kita ketahui ada dua jenis selawat sepertimana yang dijelaskan di atas, dapat kita fahami bahawa selawat jenis yang kedua perlu dijawab secara mutlak. Nabi s.a.w. pun menjawab salam kaum Muslimin sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam hadisnya, sama ada orang itu datang sendiri datang ke makam Baginda mahupun hanya berkirim salam seperti Umar bin Abdul Aziz yang mengirim surat dari Syam ke Madinah sekadar menitip salam kepada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Untuk salam dari jenis demikian Nabi akan menjawabnya, sebagaimana kebiasaan orang-orang memberi salam.

Untuk salam jenis pertama, telah ditetapkan agar kita juga dilimpahi berkat setiap kali mengucapkan salam. Justeru, tidak syak lagi kehadiran seseorang di kubur Nabi mengandung keistimewaan, iaitu kedekatan jarak dan berbicara secara langsung. Walaupun orang yang memberi salam jenis kedua ini memperoleh balasan yang khusus, masih ada sahaja orang-orang yang mengharamkan keutamaan ini. Padahal tiada kebaikan yang diharamkan oleh Allah bagi orang-orang yang beriman.

Qadhi Ismail meriwayatkan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda : *'Telah datang seorang Malaikat yang berkata : 'Wahai Muhammad, Tuhanmu berfirman : 'Tidakkah engkau rela apabila orang yang berselawat kepadamu ku sahut sepuluh kali ganda. Demikian juga jika mengucapkan salam.'*

Kandungan

Menziarahi Kubur**DISYARIATKAN
KEBERANGKATAN
MELAKUKAN ZIARAH**

Saya boleh sebutkan dalil-dalil Al-Quran yang suci, Sunnah Nabawiyah yang mulia, dan kata-kata umat terdahulu yang sudah pernah saya sebutkan, yang menunjukkan tentang sahnya penyariatian ziarah (kubur) beserta penjelasan hukum dari segi : disunnahkannya, dibolehkan, dianjurkan dan perlu melakukan ziarah. Sekarang hanya tinggal huraian hukum yang mensyariatkan keberangkatan seseorang untuk melakukan ziarah, seperti soal wasilah serta teknik pelaksanaan dan ketetapannya.

Secara khusus kita ketahui bahawa menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dituntut di dalam ayat-ayat suci dan hadis-hadis Nabawiyah yang telah saya utarakan, sebagaimana juga diminta untuk melakukannya oleh umat-umat terdahulu mahupun umat yang kemudian. Hadis-hadis sahih yang termasyhur mendukung agar dilakukan ziarah kubur secara umum, yang termasuk juga di dalamnya makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang bersifat khusus di segi keutamaannya.

Ternyata perbahasan mengenai ziarah kubur ini boleh dilakukan melalui beberapa pendekatan, iaitu :

Pertama

Kitab Al-Quran yang suci, sebagaimana yang tertera di dalam firman Allah :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ

'...Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad)...'

(An-Nisa' : 64)

'Datang' di sini maksudnya adalah datang dengan jujur dan penuh kesungguhan, baik dari tempat yang dekat mahupun dari tempat yang jauh, atau dengan pergi ke kubur secara fizik atau pun tidak. Justeru, barangsiapa yang termasuk di kalangan orang-orang yang dimaksudkan di dalam ayat-ayat tersebut akan bertemu Allah Yang Maha Pengampun dan Penuh Rahmat.

Kedua

Sunnah dari sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam : *'Barangsiapa menziarahi kubur ...'* Kalimat ini meliputi orang yang dekat mahupun jauh, berziarah dengan berkunjung atau tanpa berkunjung, semuanya tergolong dalam keumuman ini. Tidak lupa juga hadis yang dibenarkan oleh Ibn Sakan : *'Barangsiapa datang kepadaku untuk berziarah, tidak menyibukkan diri untuk yang lain kecuali berziarah kepadaku sahaja...'* Hadis ini jelas sekali, bahkan menyebutkan ziarah sebagai satu-satunya tujuan, selepas selainnya. Justeru, pensyariatan ziarah ini telah cukup kuat, baik ia dilakukan sambil melakukan perjalanan yang lain, mahupun sememangnya untuk tujuan ziarah tersebut.

Ketiga

Juga daripada Sunnah yang nasnya menyebut tentang ziarah dengan lafaz yang menyebutkan perpindahan dari si penziarah ke tempat yang diziarahi, seperti lafaz 'datang' yang digunakan oleh Al-Quran yang suci.

Jadi, ziarah pada hakikatnya ialah perpindahan itu sendiri dari tempat asal ke tempat tujuan, dan kehadiran seseorang dari tempat lain di sisi yang diziarahi.

Walaupun begitu mesti ditetapkan pula asal perpindahannya, sehingga jelas kelihatan makna ziarahnya, dan untuk itu kita boleh katakan : *'Aku berziarah kepada si fulan*

dari tempat ini...' atau *'Kami berziarah kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dari Mesir atau Syam.'* Bererti anda memulakan ziarah dari tempat tersebut. Perjalanan dari tempat tersebut sampai ke tujuan boleh disebut ziarah.

Apabila setiap ziarah itu bermakna taqarrub, maka semua perjalanan yang dilakukan dalam rangka ziarah juga bermakna taqarrub, sebagaimana Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam keluar dari Madinah Al-Munawwarah untuk menziarahi kubur. Kalau keluar dari tempat yang dekat diperbolehkan bermakna keluar ke tempat yang jauh juga diperbolehkan juga. Dalam konteks Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tersebut Baginda keluar ke Baqi' seperti yang tertera di dalam **Sahih**.

Demikian juga keluarnya Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ke kubur para syuhada' sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Daud dalam **Sunannya**, dari Talhah bin Ubaidah, katanya : *'Kami keluar bersama Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menuju kubur para syuhada' sampai di Al-Hurrah dan Aqam. Ketika kami turun, kelihatan kubur tersebut seumpama liang-liang.'* Dikatakan : *'Kami pun bertanya : 'Wahai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, inikah kubur saudara-saudara kita?' Atau dikatakan : 'Kubur sahabat kita?' Sesampainya di kubur syuhada', beliau berkata : 'Inilah kubur saudara-saudara kita.'*

Apabila ada ketetapan yang membolehkan kita melakukan ziarah ke kubur orang lain, maka kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tentulah terlebih utama.

Keempat

Ijma'. Ini bertujuan wujud keselarasan apa yang dilakukan oleh generasi terdahulu dengan generasi selanjutnya. Sebab apa yang dilakukan oleh orang-orang itu adalah tetap dari tahun ke tahun, iaitu berziarah ke kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam setelah selesai menunaikan ibadat haji dan ada juga yang melakukannya sebelum menunaikan ibadat haji. Demikianlah keadaan yang kita dapat saksikan dan orang-orang sebelum kita juga menyaksikannya. Para ulama' mengisahkan tentang adanya taufan yang lama, mahupun yang baru dari tempat yang berbeza-beza, dan ini merupakan hal yang tidak diragukan. Semuanya

menuju ke makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam meskipun terpaksa menempuhi perjalanan yang panjang dan sulit serta memerlukan belanja dan biaya yang sangat besar. Walaupun demikian, mereka melakukannya dengan penuh keyakinan bahawa semua itu adalah dalam rangka taqarrub dan taat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Barangkali orang yang merasakan hal ini dapat mengetahui. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak menyekat kita untuk melakukan ziarah sama sekali.

Para penziarah tersebut terdiri dari kelompok-kelompok yang besar, datang dari timur mahupun barat setiap tahun. Di dalamnya terdapat ulama', orang-orang yang soleh, dan lain-lain. Jadi mustahil kalau semua mereka terkeliru, sedangkan mereka melakukannya dengan tujuan untuk mendekati diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Manakala Muslimin yang tidak melakukan perjalanan kerana tidak tercapai atau tiada kemampuan biasanya menyesali keadaannya dan mengharapkan kasih dan kemudahan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk mereka. Barangsiapa menuduh kelompok-kelompok besar ini berkumpul untuk melakukan kesalahan, maka sesungguhnya dia sendirilah yang salah, sebab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Tidak akan berkumpul umat dalam melakukan kesesatan.'*

Kelima

Wasilah taqarrub adalah dianggap sebahagian dari taqarrub itu sendiri. Kaedah-kaedah syariat semuanya menjadi saksi, sebab cara-cara yang dilakukan untuk mencapai tujuan menjadi sebahagian dari tujuan tersebut.

Secara lebih jelas anda boleh melihat sendiri hadis berikut :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى مَا يَمْحُو
 اللَّهُ بِهِ الْخَطَايَا وَتَرْفَعُ بِهِ الدَّرَجَاتِ؟ قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ،
 قَالَ: إِسْبَاحُ الْوُضُوءِ عَلَى الْمَكَارِهِ، وَكَثْرَةُ الْخُطَى إِلَى الْمَسَاجِدِ،
 وَاتِّظَارُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ، فَذَلِكُمْ الرِّبَاطُ، فَذَلِكُمْ الرِّبَاطُ

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : 'Mahukah aku tunjukkan kepada kaum apa yang menyebabkan Allah menghapuskan dosa-dosa dan mengangkat darjat?' Para sahabat menjawab : 'Tentulah, ya Rasulullah.' Jawab Baginda : 'Merapikan wudhu' dari kotoran-kotoran, memperbanyakkan langkah ke masjid dan menunggu sembahyang (yang berikutnya) setelah menunaikan sembahyang. Itu semua disebut penghubung.' (Hadis Riwayat Muslim)

Justeru, langkah seseorang menuju ke masjid-masjid dianggap berharga kerana ia merupakan wasilah menuju ibadah.

إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ، لَا تَخْرُجُهُ إِلَّا
 الصَّلَاةُ، لَمْ يَخْطُ خُطْوَةً إِلَّا رَفَعَتْ لَهُ بِهَا دَرَجَةً، وَحُطَّ عَنْهُ بِهَا
 خَطِيئَةٌ

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : 'Apabila seseorang berwudhu' lalu ia memperindahkan wudhu'nya dan pergi ke masjid, dan ia tidak keluar dari masjid kecuali setelah mendirikan sembahyang, maka tidaklah ia melangkah satu langkah pun kecuali akan ditinggikan darjatnya dan dihapuskan kesalahannya.' (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Manusia yang paling besar pahala di dalam solatnya adalah yang paling jauh langkahnya.'* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Seseorang berkata : *'Aku tidak suka rumahku dekat dengan masjid sebab aku ingin agar tertulis langkah-langkahku ke masjid dan kepulanganku kepada keluargaku.'* Maka Rasulullah s.a.w. bersabda : *'Allah telah mengumpulkan semua itu bagimu.'* (Hadis Riwayat Muslim)

Jabir Radiallahu'anhu berkata : *'Rumah kami jauh dari masjid sehingga kami ingin menjual rumah-rumah kami itu dan kami ingin hampir dengan masjid.'*

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melarang hal itu dan bersabda : *'Sesungguhnya bagi setiap langkah dari kamu ada darjatnya.'* (Hadis Riwayat Muslim)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa menyucikan diri di rumahnya kemudian ia pergi ke salah satu rumah Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk melaksanakan salah satu fardhu Allah, maka langkahnya yang satu menghapuskan dosa dan yang lain mengangkat darjat.'* (Hadis Riwayat Muslim)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa datang ke masjid atau pulang (dari masjid) maka Allah akan menyiapkan baginya tempat setiap ia datang atau pulang.'* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa keluar daripada rumahnya dalam keadaan suci untuk melaksanakan solat lima waktu, maka pahalanya adalah seperti pahala orang yang melaksanakan haji. Barangsiapa keluar untuk melakukan tasbih pada waktu dhuha dan tidak melakukan hal yang lain maka pahalanya laksana pahala orang yang pergi melakukan umrah.'* (Hadis Riwayat Abu Daud)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Berikanlah khabar gembira kepada orang yang berjalan kaki dalam kegelapan ke masjid-masjid bahawa dia akan mendapat cahaya yang terang pada hari kiamat.'* (Hadis Riwayat Abu Daud, At-Tirmizi dan Ibn Majah)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa mandi dan menyucikan diri kemudian berangkat (ke masjid) awal-awal pagi dan menghampiri tempat imam dengan tidak bersenda gurau, maka bagi setiap langkah kakinya sama dengan amalan puasa dan ibadah selama setahun.'* (Hadis Riwayat Abu Daud)

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa menjenguk kawannya yang sedang sakit, maka bagi setiap langkahnya dipersiapkan kamar di syurga sehinggalah ia duduk dan ketika duduk dia diliputi rahmat.'*

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Barangsiapa menziarahi orang sakit atau mengunjungi saudaranya kerana Allah semata-mata maka dia dipanggil dari langit : Beruntunglah engkau, dan beruntunglah setiap*

langkahmu, Engkau akan mendapatkan rumah di syurga.'
(Hadis Riwayat At-Tirmizi dan Ibn Majah, dan At-Tirmizi berkata hadis ini hasan gharib)

Hadis-hadis ini semua menunjukkan bahawa cara-cara taqarrub itu dianggap sebagai sebahagian dari taqarrub itu sendiri. Maka bagaimana mungkin hal tersebut boleh diperdebatkan, sedangkan semua syariat penuh dengannya?

Al-Quran pula mengatakan hal yang serupa, sepertimana yang difirmankan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala :

وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ
فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ

'...Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah.'

(An-Nisa' : 100)

Ayat ini merupakan dalil yang baik tentang hal yang dimaksudkan di atas, sebab berangkat menziarahi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sama ertinya dengan keluar dari rumah untuk berhijrah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ
وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطْئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ
الْكُفْرَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوِّ نَيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ
بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٥﴾
وَلَا يُنْفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا يَقْطَعُونَ

'...Yang demikian kerana sesungguhnya (tiap-tiap kali) mereka merasai dahaga, dan merasai penat lelah, dan juga merasai lapar (dalam perjuangan) pada jalan Allah; dan (tiap-tiap kali) mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir; dan juga (tiap-tiap kali) mereka menderita sesuatu yang mencederakan dari pihak musuh - melainkan semuanya itu ditulis bagi mereka: (pahala) amal yang soleh. Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. Dan tidak pula mereka membelanjakan sesuatu perbelanjaan yang kecil, atau yang besar; dan tidak mereka melintas sesuatu lembah, melainkan ditulis pahala bagi mereka, supaya Allah membalas dengan balasan yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.'

(At-Taubah : 120-121)

وَادِيًّا إِلَّا لَكُتِبَ لَهُمُ لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

tulis untuk mereka, dan merupakan wasilah kepada lah itu sendiri merupakan untuk mengagungkan

Kalimatullah dan semua yang dikehendaki oleh syariat. Justeru ia merupakan wasilah bagi pengertian itu, yang disebabkan oleh permintaannya.

Para ahli usul telah mengutip hal tersebut dengan ijma' bahawa orang yang melakukan perjalanan jauh untuk melaksanakan ibadah haji lebih utama berbanding orang yang mengerjakan haji dari Mekah sahaja.

Di dalam hadis qudsi yang sahih, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

بِعَيْنِي مَا يَتَحَمَّلُ الْمُتَحَمِّلُونَ مِنْ أَجْلِي

'Aku akan membantu apa yang dipikul oleh seseorang yang memikul kerana Aku.'

Tidak syak lagi orang yang bertawassul untuk bertaqarrub dan mengalami kesulitan dalam perjalanannya dan seumpamannya, layak bersabar di atas kesulitan tersebut kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah selalu memerhatikannya dan akan memberinya pahala di atas jerih payahnya.

Malahan ada juga bertawassul untuk mendekatkan diri kepada Allah yang tidak perlu bersusah payah kita lakukan bahkan menyenangkan hati. Malahan kita juga mendapat pahala seperti tidur untuk menguatkan tubuh badan supaya berupaya melakukan sembahyang malam, atau makan untuk menguatkan tubuh supaya boleh mentaati perintah-perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Para ulama' berbeza pendapat. Dalam hal ini adakah pahala diberikan lantaran tujuannya yang khusus atau kerana perbuatannya. Yang lebih hampir adalah yang kedua sebab di dalam hadis sahih, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda : *'Ketika memberi nafkah sekiranya engkau hanya mengharapkan 'wajah' Allah (Allah semata-mata) maka suapan yang kau masukkan ke dalam mulut isterimu akan meninggikan dan mengangkat darjatmu.'*

Hadis ini membuktikan bahawa seseorang akan mendapatkan pahala atas hal-hal yang harus, apabila ia melakukannya dengan niat.

Ada juga hadis sahih lain yang menyatakan sebagai berikut:

أَنَّهُ يَضَعُ شَهْوَتَهُ فِي الْحَلَالِ وَ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ

'Seseorang yang menghalakan syahwatnya ke tempat yang halal maka baginya pahala.'

Kesimpulannya ibadat itu mengandungi empat bahagian:

Pertama

Ibadah yang telah ditetapkan oleh syariat, baik berupa ibadah harian mahupun hasil yang dicapai dengan ibadah tersebut, seperti : Sembahyang, puasa, sedekah dan haji, kalau ini dilakukan benar-benar untuk bertaqarrub kepada Allah

Subhanahu wa Ta'ala. Hal tersebut tidak boleh diwujudkan secara syariat kalau tidak dimaksudkan untuk taqarrub kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Kedua

Kemuliaan akhlak yang dituntut oleh syariat, seperti : Menyebarkan salam dan lain-lain kerana di dalamnya terkandung kebaikan. Inilah maksud si Pencipta Syariat. Apabila ada contoh-contoh yang disebutkan, maka itu termasuk bahagian taqarrub. Apabila tidak, bererti termasuk hal yang harus.

Ketiga

Hal-hal yang menghasilkan kebaikan, yang tidak dilakukan kecuali sebagai wasilah untuk tujuan lain, misalnya berjalan dan sebagainya. Hal-hal seperti ini kebanyakan tidak dilakukan kecuali sebagai wasilah, sehingga penilaiannya adalah sesuai dengan tujuan yang ingin dicapainya. Apabila yang dituju itu haram, maka seluruhnya dianggap haram. Kalau yang dituju itu harus maka seluruhnya dianggap harus. Kalau yang dituju adalah taqarrub, maka seluruhnya dianggap taqarrub. Apabila ternyata apa yang dilakukan tidak sesuai dengan niat, maka menjadi sia-sialah semuanya dan menjadi makruh. Tidak ada perbezaan pendapat dalam hal ini. Kalau yang dituju adalah taqarrub, maka seluruhnya dianggap sebagai taqarrub, dan pemasalahan inilah yang sedang kita bahaskan.

Keempat

Ketetapan yang harus dimaksudkan untuk menghasilkan kebaikan duniawi, seperti makan, minum dan tidur untuk kebaikan tubuh. Hal ini dapat dilakukan tanpa niat atau dengan niat duniawi, sehingga tercapai keseimbangan di kedua belah pihak.

Kalau dilakukan dengan niat duniawi, maka dia akan mendapat imbalannya, kalau hanya berupa niat, maka seperti yang disebutkan oleh sebahagian ulama'. Jika dilakukan dengan niat dan perbuatan, maka itulah yang sebenarnya.

Bahagian yang keempat adalah kedudukan wasilah yang paling ringan dan paling rendah. Dengan ini maka wasilah untuk

mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah termasuk pendekatan itu sendiri. Berangkat untuk berziarah sebagai wasilah taqarrub itu dianggap sebagai bahagian taqarrub itu sendiri.

Berdasarkan penjelasan di atas maka perjalanan untuk melakukan ziarah menuju Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak perlu lagi diperselisihkan. Di antaranya yang meriwayatkan hal itu adalah sahabat Bilal bin Rabah r.a., Muazzin Nabi ketika belayar dari Syam ke Madinah Al-Munawwarah.

Antara lain lagi yang menyebut hal itu adalah Al-Hafiz Abu Al-Qasim bin Asy-Syakir dengan sanad jayyid. Disebutkan pula oleh Al-Hafiz Abu Muhammad Abdul Ghani Al-Maqdisi di dalam Tarjamah Bilal, katanya : *'Bilal tidak pernah lagi melaungkan azan bagi sesiapaupun sepeninggalan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam berdasarkan riwayat, kecuali sekali ketika beliau datang ke Madinah dalam rangka menziarahi makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam untuk menghiburkan hati. Kemudian dia melaungkan azan tetapi tidak menamatkannya.'* (Disebut oleh Al-Hafiz Abu Al-Hajaj Al-Mazi bahawa Bilal melaungkan azan untuk Abu Bakar As-Siddiq pada waktu pemerintahannya).

Berdasarkan catatan, kejadiannya adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Al-Hafiz Al-Maqdisi Radiallahu'anhu : *'Sesungguhnya Bilal melihat di dalam mimpinya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berkata kepadanya : 'Mengapa engkau menjauhkan diri dariku, Bilal? Tidak adakah waktu untuk menziarahiku, Bilal?' Lantas ia terbangun dengan penuh kesedihan dan rasa takut, lalu berangkat menuju ke Madinah. Dia masuk ke makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan menangis. Beliau menaburi mukanya dengan tanah. Tidak lama kemudian datang Al-Hasan dan Al-Husin Radiallahu'anhuma. Dia memeluk dan mencium keduanya, kemudian keduanya berkata : 'Kami ingin engkau perengarkan azanmu sebagaimana biasa engkau lakukan ketika Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam di masjid.' Maka Bilal memenuhi permintaan tersebut dan berkumandanglah suaranya dari atas masjid seperti yang biasa ia lakukan dahulu.*

Ketika ia melaungkan Allahu Akbar, Allahu Akbar, kota Madinah menjadi gempar. Ketika sampai ke kalimat Asyhadu Allaa Ilaaha Illallah, orang ramai semakin kecoh. Sehingga ke kalimat Muhammadur Rasulullah, kaum wanita keluar dari rumah-rumah mereka dan bertanya : 'Adakah Rasulullah bangkit kembali?'

Lantas tiada lagi tangisan di kota Madinah setelah wafatnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sepertimana tangisan pada hari itu. (Demikian juga dinyatakan oleh Ibn Asakir dalam **Tarjamah Bilal**, juga di dalam **As'ad Al-Ghabah**)

Berita ini adalah dalil dakwaan kita. Bukan hanya berdasarkan penglihatan di dalam mimpi Bilal r.a., bahkan berdasarkan apa yang dilakukannya. Beliau adalah seorang sahabat utama, apalagi ini terjadi pada masa pemerintahan Umar bin al-Khattab r.a. Sahabat-sahabat masih ramai jumlahnya, dan kisah ini bukan rahsia bagi mereka. Sedangkan tidur dan penglihatan Bilal r.a. terhadap Nabi s.a.w. - yang tidak diserupai syaitan – bukanlah suatu yang diluar kelaziman, yang melanggar suatu yang dipercayai boleh dilakukan oleh seorang sahabat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

Keberangkatan Bilal ketika generasi pertama sahabat, dan utusan-utusan Umar bin Abdul Aziz pada generasi pertama tabi'in dari Syam ke Madinah tiada tujuan lain kecuali untuk berziarah dan mengucapkan salam kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Tiada tujuan yang lain dari itu. Bukan urusan dunia atau masalah agama, demikian juga bukan keperluan masjid atau yang lain. Adapun orang yang berangkat ke Madinah untuk suatu keperluan, kemudian ia menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ketika sampai ke sana atau menggabungkan tujuan keberangkatannya kesana iaitu untuk tujuan ziarah dan urusan yang lain, maka ini biasa dilakukan.

Diterima daripada Yazid bin Abi Said Maula Al-Mahri, katanya : *'Aku datang kepada Umar bin Abdul Aziz. Ketika aku memohon mengundur diri, dia berkata kepadaku : 'Aku ada hajat denganmu. Kalau tiba di Madinah, engkau akan melihat makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, maka sampaikanlah salamku.'*

Dinyatakan oleh Abu Laith As-Samarqandi Al-Hanafi di dalam **Al-Fatawa**, pada bab 'Hajj': Abu al-Qasim berkata: *'Tatkala aku ingin keluar menuju Mekah, berkata Abu Qasim bin Ghassan : 'Aku ada kepentingan denganmu. Kalau engkau keluar mengunjungi makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, sampaikan salamku kepada Baginda.'* Dengan itu ketika aku melangkah masuk ke Masjid Nabawi aku teringat pesannya.'

Seterusnya seorang faqeh berkata : *'Ada sebuah dalil yang mengatakan bahawa barangsiapa yang tidak berupaya pergi sendiri lalu ia menyuruh orang lain menyampaikan salamnya (kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam), maka ia sudah memperolehi pahala salam.'*

Ketika penaklukan Syam, tatkala memasuki Baitul Maqdis, Abu Ubaidah berkirim surat kepada Amirul Mukminin Umar Radiallahu'anhu, melalui utusan Maisarah bin Masruq Radiallahu'anhu. Ketika Maisarah sampai ke Madinah, hari telah menjelang malam. Lantas beliau terus masuk ke dalam masjid dan mengucapkan salam kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan Abu Bakar Radiallahu'anhu.

Di dalam kitab tersebut juga tertera kisah bahawa tatkala Umar Radiallahu'anhu menghulurkan perdamaian kepada penduduk Baitul Maqdis, datang kepadanya Ka'ab al-Akhbar untuk menyatakan keislamannya. Umar Radiallahu'anhu sangat gembira dengan kejadian ini dan berkata kepadanya : *'Mahukah engkau ikut ke Madinah bersamaku dan terus menziarahi makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan Baginda menikmati ziarahmu?'*

Dia menjawab : *'Wahai Amirul Mukminin, aku akan melakukan hal itu.'*

Dengan itu ketika Umar memasuki kota Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh Umar Radiallahu'anhu ialah masuk ke Masjid Nabawi dan memberi salam kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.

Orang-orang terdahulu berbeza pendapat tentang sesuatu hal; mana yang lebih utama, memasuki Madinah sebelum ke Mekah atau memasuki Mekah sebelum ke Madinah?

Di antara orang yang mengajukan masalah ini dan menyatakan tentang perbezaan di dalamnya ialah Al-Imam Ahmad di dalam kitab **Manasikul Kabir**. Didalamnya termuat tentang tatacaranya. Ketika ditanya pendapatnya tentang orang yang memasuki Madinah sebelum ke Mekah, dia menyebutkan dengan sanad dari Abdul Rahman bin Yazid. 'Atha' dan Mujahid, katanya : *'Apabila engkau telah menyelesaikan ibadah hajimu, maka singgahlah ke Madinah.'*

Disebut dengan sanadnya juga dari Al-Aswad, katanya : *'Aku mahu persiapan dan keberangkatanku bermula dari Mekah, kemudian baru ke Madinah untuk menziarahi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.'*

Dinyatakan dengan sanadnya dari Adi bin Thabit untuk meneladani sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Mereka memulakan perjalanan dari Madinah apabila melakukan haji, dan dikatakan : *'Apakah ini kerana Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berihram dari sana?'*

Dinyatakan juga dengan jelas oleh Ibn Syaibah, tentang keutamaan masalah ini dan menyebutkan sanad dari Al-Qam'ah Al-Aswad dan Umar bin Maimun bahawa mereka memulakan perjalanannya dari Madinah sebelum Mekah.

Justeru, perhatikanlah kata-kata orang terdahulu dan terkemudian tentang kunjungan ke Madinah al-Munawwarah, baik sebelum ke Mekah mahupun sesudahnya.

Ramai orang datang ke Madinah untuk berziarah. Anda boleh lihat betapa Baitul Maqdis hanya dikunjungi oleh segelintir manusia meskipun kelebihanannya sangat masyhur, dan sembahyang di dalamnya berlipat kali ganda pahalanya.

Justeru, boleh dikatakan semangat mengunjungi Madinah untuk berziarah sangat besar, baik dari dahulu sehingga sekarang, walaupun memang ada tujuan ibadah yang lain boleh dikatakan kota ini termasuk tujuan utama untuk didatangi.

Di antara mereka yang mengutamakan datang ke Mekah terlebih dahulu sebelum ke Madinah atau menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ialah Imam Abu Hanifah Radiallahu'anhu.

Abu Bakar Muhammad Abu Husain al-Ajiri di dalam kitab **Asy-Syariah** pada bab : *'Permakaman Abu Bakar Radiallahu'anhu bersama Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam'* menulis : *'Tiada seorang pun ulama yang dahulu mahupun yang sekarang ini menggambarkan bagi dirinya sendiri kitab yang dinisbahkan kepada fuqaha' Muslimin. Kitab-kitab ibadat hanya memerintahkan agar memasuki Madinah bagi semua orang yang mahu atau tidak melakukan haji atau umrah dan ingin berziarah ke makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam serta tinggal di Madinah lantaran keutamaannya. Para ulama' telah memerintahkan hal tersebut, menulis di dalam kitab-kitab mereka, serta mengajarkan cara memberi salam kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, Abu Bakar mahu pun Umar.'*

Mereka yang melakukan ini antaranya ialah ulama' Hijaz, ulama' Iraq, ulama' Syam, ulama' Khurasan, ulama' Yaman dan ulama' Mesir, baik dahulu mahupun sekarang.

Abu Abdullah bin Bathathah Al-Akbari Al-Hambali di dalam kitab Al-Ibanah pada bab : 'Pemakaman Abu Bakar dan Umar bersama Nabi' berkata : 'Sudah cukup bagi anda dalil-dalil dari ijma' dan kesepakatan kaum Muslimin tentang pemakaman Abu Bakar dan Umar bersama Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, bahawa semua ulama' dan fuqaha' menulis kitab tentang ibadat haji. Kitab itu dibahagi fasal demi fasal dan dipecahkan dalam beberapa bab. Pada setiap bab fiqehnya dan bagi semua fasal ilmunya diterangkan tentang tujuan asal haji beserta amalan-amalannya, baik yang berupa perkataan mahupun perbuatan seperti : ihram, thawaf, sa'i, wuquf, berkorban, tahallul, melempar jamrah dan semua yang perlu diketahui oleh orang yang melakukan ibadah haji, sampai akhirnya mereka ingat akan ziarah makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, lalu menyebut hal itu dan berkata: 'Datanglah ke makam, menghadaplah kearahnya, jadikanlah kiblat di belakangmu dan katakan : 'Assalamualaika ayyuhan Nabi wa rahmatullahi wa barakatuh.' Kemudian memperbanyakkan salam dan berdo'a. Lalu dikatakan: 'Majulah sedikit ke kanan dan katakan : 'Assalamualaika ya Aba Bakr, Assalamualaika ya Umar.'

Orang-orang yang melaksanakan haji ke Baitullah dari segala penjuru, dari dalam negeri dan dari negara-negara yang jauh, apabila datang ke Baitullah tidak ragu lagi Baitullah itulah tempat dia melakukan haji beserta amalan-amalan ibadat haji, faridhah, dan fadhilah haji. Antara satu sama lain saling menyapa sehingga mereka mengunjungi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam lalu mengucapkan salam kepada Baginda dan kepada kedua sahabatnya, Abu Bakar dan Umar Radiallahu'anhuma.

Saya telah menyaksikan manusia dan telah sampai pula berita yang tidak pernah saya saksikan sendiri bahawa keluarga dan teman-teman orang yang hendak melaksanakan haji akan memberi salam dan berpesan : *'Sampaikan salam kami kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, Abu Bakar dan Umar.'* Hal ini tidak diingkari oleh sesiapa pun, dan tidak juga ditentang oleh Ibn Bathathah Al-Akbari Al-Hambali Radiallahu'anhu.

Maksud Ibn Hambali dan Al-Ajiri dalam hal ini ialah memberi jawapan kepada orang-orang yang menolak pemakaman Abu Bakar dan Umar bersama Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Sedangkan soal ziarah ke kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam tidak ada yang mengingkarinya. Namun perkataan kedua-dua ulama' ini hanyalah berdasarkan kebiasaan, kerana ada di kalangan mereka yang menganggap tidak akan terjadi perselisihan kemudian hari soal keberangkatan menziarahi makam ini.

Saya merumuskan kata-kata mereka ini bahawa perjalanan menuju haji ke sana dilakukan oleh manusia semenjak dahulu sehingga sekarang dan keduanya mengikut proses manasik haji yang berlaku.

Abu Bakar Al-Ajiri termasuk ulama' generasi lama, wafat pada bulan Muharram 360H. Beliau adalah orang yang dipercayai dan jujur dalam beragama, serta memiliki koleksi kitab-kitab yang banyak. Sebelum tahun 330H, dia menjadi guru hadis di Baghdad, kemudian berpindah ke Mekah dan tinggal di sana sehingga beliau wafat.

Sedangkan Ibn Bathathah Al-Hambali meninggal pada bulan Muharram 387H di Akbari. Beliau merupakan ahli fiqeh mazhab

Hambali, merupakan imam yang terhormat, menguasai hadis-hadis (fiqehnya lebih banyak daripada hadisnya) dan menyusun kitab-kitab yang berguna.

Al-Qadhi Abu Thayyib berkata : *'Saya ingin menziarahi Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam setelah melaksanakan haji dan umrah.'*

Al-Mahamali pula berkata di dalam **At-Tajrid** : *'Dianjurkan kepada kaum Muslimin untuk melaksanakan haji. Apabila selesai dari pergi ke Mekah, hendaklah menziarahi kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.'*

Manakala Abu Abdullah Al-Husain di dalam kitabnya, **Al-Minhaj Fi Sya'bil Iman Fi Ta'zim An-Nabi s.a.w**, berkata : *'Hal ini berlaku bagi mereka yang bertuah boleh melihat dan bersahabat dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Adapun buat masa sekarang, termasuk dalam mengagungkan Baginda ialah menziarahinya.'*

Al-Mawardi berkata di dalam kitab Al-Hawi : *'Menziarahi kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam merupakan hal yang diperintahkan dan perlu dipenuhi.'*

Berkata sahabat di dalam kitab Al-Muhazzab : *'Dianjurkan agar kita menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.'*

Al-Qadhi Husain pula berkata : *'Sebaik sahaja seseorang itu selesai menunaikan ibadat haji disunatkan ia menuju ke Multazam untuk berdoa lalu ia meminum air zam-zam. Setelah itu ia menuju ke Madinah, dan menziarahi makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam.'*

Kita tidak perlu meneliti seluruh ungkapan para ulama' memandangkan terlalu banyak, selain kita mengetahui ijma' mereka dan ijma' seluruh ulama' tentang hal tersebut.

Al-Hanafiyah berkata : *'Menziarahi kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam termasuk perbuatan yang mulia dan sangat dianjurkan, bahkan termasuk dalam taqarrub pada tingkatan wajib.'*

Sedangkan di dalam Al-Fatawa karangan Abu Laith As-Samarqandi pada bab: *'Menunaikan Haji'*, ada tertulis : *'Dari Abu Hasan bin Ziyad, dari Abu Hanifah Radiallahu'anhua, katanya : 'Ibadah haji paling utama kalau bermula dari Mekah. Selesai ibadat haji, seterusnya ia menuju ke Madinah. Meskipun demikian bermula dari sini (Madinah) juga dibolehkan.'*

Selanjutnya hampirilah makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Berdirilah antara makam dan kiblat dan menghadap ke arah kiblat, kemudian berselawatlah kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, Abu Bakar dan Umar Radiallahu'anhuma. Pohonlah rahmat bagi keduanya, dan yang lebih utama ialah menghadap makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

Manakala Abu Al-Abbas As-Saruji dalam **Al-Ghayah** berkata : *'Apabila mereka yang melaksanakan ibadat haji itu pulang dari Mekah, hendaklah ia mengarah ke Tibah Madinatur Rasul, dan menziarahi makamnya yang mulia, sebab itu merupakan perkerjaan yang mulia.'* Demikian juga nas Al-Hanabilah.

Abu Al-Khattab Al-Hanbali di dalam kitabnya, **Al-Hidayah**, pada akhir bab tentang *'Sifat-sifat haji'* telah berkata : *'Apabila seseorang telah menyelesaikan ibadat haji, dia dianjurkan menziarahi makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan makam kedua sahabat Baginda.'*

Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah As-Samiri di dalam kitab **Al-Mustau'ib** pada bab *'Menziarahi Makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam'* telah berkata : *'Apabila seseorang datang ke Madinah Ar-Rasul, dianjurkan mandi sewaktu memasuki kota tersebut kemudian ia pergi ke Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Pada ketika masuk, langkahkanlah kaki kanan terlebih dahulu, lalu menghampiri dinding makamnya. Seterusnya ia berdiri sejenak dengan wajahnya menghadap ke dinding makam, kiblat di belakangnya dan mimbar di sisi bahagian kiri badannya, lalu berkata : 'Ya Allah, Engkau telah berfirman di dalam kitabMu tentang NabiMu Sallallahu 'alaihi wasallam : 'Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) (An-Nisa' : 64) dan seterusnya. Aku telah datang*

kepada NabiMu, untuk beristighfar, maka aku pohon kepadaMu untuk mewajibkan ampunan bagiku, sebagaimana Engkau wajibkan bagi yang datang kepada Baginda semasa hayatnya. Ya Allah, aku mengarahkan diriku kepadaMu dengan perantaraan NabiMu.' Kemudian disambung dengan doa-doa yang panjang. Selanjutnya, apabila ingin keluar dari kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam hendaklah meminta izin.'

Seterusnya mari kita lihat tulisan-tulisan dari mazhab Hambali mengenai nas-nas tentang pengarah diri dengan perantaraan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Al-Mansur al-Karmani dari mazhab Hanafiah berkata : Apabila ada seseorang yang mewasiatkan untuk menyampaikan salamnya, anda harus berkata : Assalamualaika ya Rasulullah *min fulan bin fulan*. Dia bersyafaat denganmu kepada Tuhanmu dengan rahmat dan ampunan, maka berikanlah syafaat kepadanya.

Kemudian Najmudin bin Hamdan Al-Hambali berkata di dalam kitabnya : **Ar-Ri'ayatul Kubra** : *'Disunatkan bagi seseorang yang telah selesai ibadahnya, untuk menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan kedua sahabat Baginda. Ini semua dilakukan setelah selesai menunaikan haji, atau sekiranya ia mahu sebelum ia selesai mengerjakan haji.'*

Sedangkan Ibn Jauzi telah menetapkan di dalam kitabnya : **'Mutsir Al-Azm As-Sakin Ila Asyraf Al-Amakin'**, pada bab *'Ziarah kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam'* dan menyebut hadis Ibn Umar dan hadis Anas Radiallahu'anhuma.

Ibn-Qudamah Al-Maqdisi berkata di dalam kitab **Al-Mughni** yang merupakan kitab rujukan utama mazhab Al-Hanabilah yang paling agung, fasal tentang dianjurkan menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, dan menyebut hadis Ibn Umar melalui Ad-Daruquthni.

Di dalam kitab **Tahzib Al-Mathalib** tulisan Abdul Haq As-Saqli, dari Syaikh Ibn Imran Al-Maliki, dikatakan bahawa ziarah kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam adalah wajib. Abdul Haq berkata : *'Termasuk di dalam sunnah wajibah.'*

Di dalam kitab ini, Abdul Haq berkata lagi : *'Aku melihat sebahagian masalah, puteriku bertanya kepada Asy-Syeikh Abu*

Muhammad bin Yazid : 'Bagaimana andainya seseorang membelanja orang lain dengan hartanya supaya orang itu mengerjakan haji baginya dengan syarat melakukan ziarah kubur, dan ternyata tahun tersebut tidak boleh melakukan ziarah kerana ada aral melintang?' Jawabnya : 'Dia harus mengembalikan biaya untuk ziarah.'

Kata Ibn Habib : 'Apabila memasuki Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ucapkan :

بِسْمِ اللَّهِ وَسَلَامٍ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْنَا مِنْ رَبِّنَا، وَصَلَّى اللَّهُ
وَمَلَائِكَتُهُ عَلَى مُحَمَّدٍ، اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي، وَافْتَحْ لِي اَبْوَابَ
رَحْمَتِكَ وَجَنَّتِكَ وَاحْفَظْنِي مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

'Dengan nama Allah, semoga diri Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dilimpahi kesejahteraan dan juga semoga terlimpah ke atas diri kami dari Tuhan kami, dan semoga selawat Allah Subhanahu wa Ta'ala dan malaikat-malaikatNya terlimpah ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam. Ya Allah, berikanlah keampunan atas dosa-dosaku, bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmatMu dan surgamu, dan lindungilah aku dari syaitan yang terkutuk.'

Seterusnya berjalanlah menuju *Raudhah*, iaitu tempat antara maqam dan mimbar. Lakukanlah solat dua rakaat sebelum berdiri di maqam, kemudian berdirilah berhampiran maqam dengan penuh khusyuk dan ketekunan. Seterusnya ucapkanlah selawat ke atas diri Baginda s.a.w. dan memujinya dengan puji-pujian yang termampu kamu lakukan. Ucapkan juga salam untuk Abu Bakar dan Umar Radiallahu'anhuma dan berdoalah untuk kedua mereka. selain itu, janganlah kamu tidak mengunjungi Masjid Quba' dan maqam para syuhada'.

Malik Radiallahu'anhu pernah berkata : *'Berikanlah salam kepada Nabi ketika masuk dan keluar (maksudnya di Madinah dan sekitarnya).'*

Ibn Qasim pula berkata : *'Aku melihat penduduk Madinah apabila keluar dari Madinah atau masuk ke Madinah, mereka mengunjungi maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan*

memberi salam kepada Baginda. 'Dikatakan : *'Itulah yang aku lihat.'*

Pernah ada satu kisah, Abu Ayyub As-Sakhtayani telah datang. Dia mengheret kami dari maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, kemudian membelakangi kiblat dan menghadapkan wajahnya ke maqam. Lalu dia menangis dengan tangisan yang bukan diada-adakan. (Dikeluarkan oleh Abi Talhah bin Muhammad, di dalam **Musnad** Imam Abu Hanifah)

Di dalam kitab **Manasik**nya, Ibrahim Al-Harbi berkata : *'Arahkanlah punggungmu ke kiblat dan menghadaplah ke arahnya iaitu ke maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, lalu ucapkanlah : 'Assalamualaika ya ayyuhan Nabi, wa rahmatullahi wa barakatuh.'*

Ibn Bathathah di dalam syarah Al-Bukhari mengutip sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam : 'Apa yang terdapat antara rumah dan mimbarku adalah raudhah (taman) dari taman-taman syurga.'

Dengan kata lain, ini merupakan dorongan untuk berziarah ke maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan mendirikan solat di dalam Masjidnya.

Diriwayatkan pula oleh Ibn 'Aun, katanya : Seseorang bertanya kepada Nafi': *'Apakah Ibn Umar memberi salam kepada kubur?' Jawabnya : 'Benar. Aku melihatnya berdiri di sisi kubur dan mengucapkan : Assalamu 'alan Nabi, Assalamu 'ala Abi Bakr, Assalamu 'ala abi* (Dikeluarkan oleh Imam Abdullah bin Dinar, dari Ibn Umar)

Di dalam kitab **Al-Muwattha'**, diterima dari riwayat Yahya bin Yahya Al-Laithi, dari Ibn Umar Radiallahu'anhu, katanya : *'Dia berdiri di hadapan maqam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, kemudian dia mengucapkan selawat ke atas Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, ke atas Abu Bakar dan ke atas Umar Radiallahu'anhuma.'*

Di dalam riwayat Ibn Wahab, berkata seorang Muslim : *'Assalamu'alaika ayyuhan Nabi wa rahmatullahi wa barakatuh.'*

Dikatakan juga di dalam kitab **Al-Mabsuth** : *'Dan memberi salam kepada Abu Bakar dan Umar.'*

Al-Qadhi Abu Al-Walid Al-Baji berkata : *'Menurut hemat saya, dia berdoa untuk Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dengan lafaz selawat, dan bagi Abu Bakar dan Umar sebagaimana tertera di dalam hadis Ibn Umar.'*

Sedangkan Abdul Razzaq, di dalam **Musannaf**, pada bab : *'Salam ke atas makam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam'*, meriwayatkan bahawa masih ada jejak-jejak petunjuk di sana dengan sanad yang sahih. Dia berkata : *'Sesungguhnya Ibn Umar apabila pulang dari bepergian, selalu datang ke Maqam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan berkata : 'Assalamu alaika ya Rasulullah, Assalamu alaika ya Aba Bakr, Assalamu alaika ya abatah.'*

Banyak terdapat nas para ulama' tentang saranan agar menziarahi maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan berangkat ke sana, serta penjelasan-penjelasan bahawa hal tersebut banyak dilakukan oleh kaum Muslimin. Lebih-lebih lagi dari para fuqaha' dari pelbagai mazhab, dan setelah mengerjakan haji lalu mereka menziarahi maqam Nabi s.a.w. sebagai sebahagian dari keperluan perjalanan.

Seandainya kita mengikuti jejak dan kata-kata para ulama' dalam soal tersebut, nescaya kita tidak akan membahaskannya secara berpanjangan.

Dari mazhab Maliki, kita temui penjelasan bahawa ziarah itu merupakan taqarrub kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sedangkan tiga mazhab lainnya menekankan tentang disukai ziarah dan memperbanyakkan ziarah, sebab memperbanyakkan ziarah bererti memperbanyakkan kebaikan. Pokoknya, semua mazhab sepakat pada disukai amalan ziarah tersebut.

Di dalam kitab An-Nawadir, dikatakan: : *'Dia mengunjungi maqam para syuhada' di Uhud dan memberi salam kepada mereka sebagaimana mereka memberi salam kepada maqam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam serta kedua sahabat Baginda.'*

Abu Muhammad Abdul Karim bin Atha Illah Al-Maliki di dalam kitab **Manasik**nya yang masyhur di kalangan mazhab

Maliki mengharuskan ziarah. Katanya : *'Jikalau sudah sempurna haji dan umrahmu seperti yang telah disyariatkan, maka tiada lagi perkara yang perlu dilakukan setelah itu kecuali mengunjungi Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam untuk memberi salam kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam serta berdoa dan memberi salam kepada kedua sahabatnya. Demikian juga pergi ke Baqi' untuk menziarahi para sahabat dan para tabi'in yang dimakamkan di situ, kemudian mendirikan sembahyang di dalam Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Orang yang berkemampuan seharusnya tidak mengabaikan perkara ini.'*

Selanjutnya, meskipun Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam telah wafat, Baginda beristighfar dan berdoa untuk seluruh kaum Muslimin yang menziarahinya. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam beristighfar untuk umatnya semenjak masa hidup Baginda sehingga wafat. Bagaimana mungkin kita ingkari istighfar Baginda, sedang kita sedia maklum kesempurnaan rahmat dan kasih Baginda kepada umatnya. Seterusnya dianjurkan supaya sesiapa sahaja yang datang mengunjungi Baginda tidak lupa agar memohon istighfar dan keampunan Tuhannya. Adalah merupakan satu penghargaan bahawa ayat ini membawa keberhasilan bagi orang-orang yang mengunjunginya untuk memohon istighfar, baik pada masa hidup Baginda mahupun setelah wafat.

حَيَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ، وَمَمَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ، تُعْرَضُ عَلَيَّ أَعْمَالُكُمْ، فَإِنْ
وَجَدْتُ خَيْرًا حَمِدْتُ اللَّهَ لَكُمْ، وَإِنْ وَجَدْتُ غَيْرَ ذَلِكَ اسْتَغْفَرْتُ
اللَّهُ لَكُمْ

'Hidupku merupakan kebaikan bagi kamu, dan matiku juga merupakan kebaikan bagi kamu. Amal-amal kamu dibentangkan kepadaku. Sekiranya aku mendapati ada kebaikan aku bertahmid kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala bagi kamu, sekiranya aku menemui selain dari itu aku beristighfar kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk kamu.'

Sebenarnya, hal-hal seperti itu tidak boleh dilakukan kecuali oleh orang yang dapat melihat, dapat merasakan, dapat mendengar dan dapat menyaksikan serta boleh melaksanakan hukum-hakam. Ini termasuk satu keistimewaan bagi orang yang hidup, bukan orang yang mati.

Meskipun ayat tersebut membahaskan kehidupan bagi kaum tertentu, ia boleh bersifat umum sesuai dengan keumuman penyebab yang terkandung di dalamnya, di mana Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dapat mengetahui segala sesuatu yang terjadi pada umatnya, ketika Baginda masih hidup mahupun setelah wafat. Oleh kerana itu, para ulama' menyukai orang yang mengunjungi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, kemudian membaca ayat ini dan beristighfar kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Hikayat peringatan tentang perkara ini sudah sedia maklum dan telah diceritakan oleh ahli ibadat dan ahli sejarah dari semua mazhab. Semuanya mengambil peduli tentang hal ini dan menganggapnya sebagai adab ziarah serta adab yang harus dilakukan oleh penziarah.

Bagi orang yang mahu beristirahat, mencari kebahagiaan dan memburu syafaat, maka ia perlu terbang ke Raudhah yang mulia, yang menyebarkan ucapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang abadi dan menyebarkan kesegaran aroma.

Dari Abu Hurairah Radiallahu'anhu, katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمِئْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ، وَمِئْبَرِي عَلَى حَوْضِي

'Apa yang ada antara rumah dan mimbarku adalah Raudhah (taman) dari taman-taman syurga, dan mimbarku berada di atas telagaku.'

Hadis tersebut menyebutkan bahawa di antara rumah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan mimbarnya terdapat salah satu dari taman syurga, sedangkan mimbarnya ada di atas telaganya. Perbahasan terhadap hadis ini boleh dimulai dengan beberapa persoalan, antaranya : Apakah maksudnya 'Raudhah'

itu benar-benar dipindahkan dari syurga? Atau ertinya amalan-amalan yang dilakukan di dalam raudhah itulah yang membuat seseorang wajib mendapatkan taman dari syurga?

Tanggapan ulama' terhadap hak ini terbahagi kepada dua. Ada yang mengikuti fahaman yang pertama dan ada yang mengikuti fahaman yang kedua.

Yang paling baik ialah menerima kedua-dua fahaman tersebut sekaligus, kerana setiap pandangan didasari dalil dan dikuatkan dengan penglihatan mahupun makna kiasan.

Manakala dalil bahawa amalan yang dilakukan di Raudhah itu menyebabkan pelakunya wajib mendapatkan taman di syurga boleh dijelaskan sebagai berikut : Solat di Masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam akan diganjar dengan pahala seribu kali ganda berbanding sembahyang di masjid-masjid yang lain. Oleh yang demikian, Masjid ini lebih utama dari masjid-masjid yang lain, sebagaimana masjid lebih utama dari tempat selainnya.

Manakala dalil bahawa Raudhah itu sendiri di syurga dan mimbarinya di atas telaga, juga tiang-tiangnya di syurga – sedangkan tiang-tiang itu berada di tempatnya masing-masing – sebagaimana yang diberitakan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, alasannya adalah sebab-sebab yang mewajibkan seseorang di syurga dan di situ adalah sama.

Maka wajarlah kita menyempurnakan pemahaman kita dalam hal ini, sebab kaedah syariat sudah menetapkan tempat-tempat yang penuh berkat. Apa faedah berkat dan pemberitaan tentang hal itu bagi kita? Tidak lain kerana adanya perintah untuk melaksanakan ketaatan, agar terhimpunnya pahala yang banyak. Masalah pada hal ini adalah serupa dengan hari-hari yang penuh berkat.

Boleh juga diterima fahaman yang ketiga, iaitu menjadikan Raudhah itu sendiri sebagai salah satu taman di syurga, sebagaimana batu hitam (Hajarul Aswad) dari syurga, sungai Nil dan Furat yang dikatakan mengalir dari syurga, dan buah-buah Hindi dari dedaunan yang dibawa oleh Adam 'Alaihihissalam dari syurga. Adalah merupakan kebijaksanaan Al-Hakim Yang

Maha Megah (Allah Subhanahu wa Ta'ala) untuk menciptakan dunia ini dari syurga, tanah syurga, batu syurga dan buah-buah syurga. Tentang hal ini, ibn Abi Jumrah berkata di dalam kitabnya yang penting, **Bahjatun Nufus**, syarah **Mukhtasar Al-Bukhari** : 'Yang diciptakan pertama sekali dari alam insani adalah tanah Sayyidina Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam. Jibril turun dengan sebilangan ramai para malaikat, lalu mengambil tanah Sayyidina Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dari tempat kuburnya. Tanah itu dibawa naik dan diadun dengan air telaga salsabila, lalu dicelupkan dengan semua sungai syurga hingga muncullah cahaya yang terang darinya. Bayangannya dibawa mengelilingi alam semesta sampai ia dikenali. Kemudian Allah Subhanahu wa Ta'ala meletakkannya di sisi 'kanan' arasy sampailah Dia menciptakan Adam 'alaihissalam.

Lalu tanah kubur yang diambil oleh Jibril itulah yang menjadi Raudhah sekarang. Sebagai salah satu taman syurga maknanya kembali kepada Raudhah sebagaimana awal tempatnya. Barangsiapa beramal di dalamnya, maka dia kembali seperti berada di Raudhah (taman) syurga itu. Ini adalah pengertian yang paling jelas bagi dua konsep di atas.

Yang pertamanya kerana ketinggian kedudukan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan yang selain dari dalil-dalil yang saya ajukan. Ada kemiripan antara Baginda dengan bapanya, Ibrahim alaihissalam. Allah Subhanahu wa Ta'ala mengkhususkan Ibrahim sebagai KhalilNya dengan menganugerahkan batu dari syurga (Hajar al-Aswad) dan mengkhususkan Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam sebagai kekasihNya dengan pemberian taman dari syurga (Raudhah).

Di sini perlu perbincangan yang cermat, mengapa kiranya tempat ini dijadikan sebagai salah satu taman dari taman-taman syurga?

Satu keadaan yang telah jelas, hal ini mengandungi hikmah tersendiri dan merupakan ilmu Rabbani. Hal-hal yang terlihat ini membuktikan betapa Allah Subhanahu wa Ta'ala mengutamakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam berbanding kesemua makhlukNya.

Di samping itu, Baginda sendiri sentiasa membawa keutamaan bagi orang dan makhluk-makhluk lain, sebagaimana yang boleh kita lihat dalam semua urusan, sejak lahirnya sehingga wafat.

Dimulakan dengan ibundanya yang memiliki kelebihan berkat (iaitu mengandungkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam) meskipun hidup di zaman jahiliyyah, sebagaimana yang kita ketahui. Hal itu sedia dimaklumi. Demikian juga Halimah As-Sa'diyyah yang mendapat berkat kerana menyusukan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Bahkan seekor keldai pun, apabila Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam meletakkan tangannya ke tanah, menjadi jinak dan akur. Masih banyak lagi hal-hal lain yang seumpama itu.

Jalan mana sahaja yang dilalui oleh Rasul akan mencetuskan berkat, dan di mana sahaja Baginda meletakkan tangannya yang penuh berkat, baik perasaan mahu pun maknanya yang *mankul* dan *ma'ruf*.

Kerana yang Maha Bijaksana menghendaki Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mundar mandir antara rumah dan mimbarinya kerana satu keperluan lantas tempat tersebut menjadi penuh dengan kemuliaan. Sentuhan Baginda sekali sahaja secara langsung atau dengan perantaraan sesuatu sudah mendatangkan berkat dan kebaikan bagi sesuatu tempat. Jadi kita boleh membayangkan bagaimana bila Baginda mundar-mandir di satu tempat, berulang kali pada satu hari, selama hidupnya semenjak hijrah sehingga Baginda wafat pastilah kemuliaan yang dimiliki oleh tempat ini luar biasa, jauh lebih tinggi dari tempat yang kita sebutkan iaitu ia dianggap sebagai sebahagian dari syurga, termasuk mereka yang melakukan amal-amal di dalamnya.

Seandainya ada darjat yang lebih tinggi dari rumah ini, nescaya akan disebutkan di sini.

Selayaknya hal yang sama juga berlaku di seluruh Madinah, sebab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menapakkan kakinya berulang-ulang kali di semua sudut kota ini. Dengan demikian, Madinah juga mendapat kelebihan yang tidak diperolehi oleh kota-kota yang lain.

Justeru, tanahnya boleh dijadikan penangkal sesuatu, sebagaimana Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam memberitahu kepada para pengikutnya tentang kewujudan tanah tersebut sebagai tempat terhormat yang mampu menolak Dajjal dan fitnah-fitnah yang besar. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam orang pertama yang memberi syafaat kepada umatnya pada hari kiamat.

Wabak dan demam yang berlaku di Madinah terhindar dan kota ini diberkati dengan makanan dan minuman serta hal-hal yang melimpah ruah. Jadi, baginya kemuliaan dengan nisbah yang telah saya tunjukkan kepadanya pertama kali. Selawat dan salam yang diucapkan di Masjid Nabi lebih banyak berkatnya daripada yang diucapkan selain Madinah. Demikian juga selawat dan salam yang dibaca antara mimbar dan rumah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam lebih banyak berkatnya daripada yang dibaca di bahagian lain dari masjid tersebut.

Jadi, selayaknyalah apabila tempat tersebut penuh berkat dan *taqarrub* kerana langkah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang berulang-ulang menyebabkan tempat itu ditinggikan darjatnya.

Justeru, kota Madinah adalah kota yang paling mulia, sementara Masjidnya menjadi masjid yang paling mulia. Keduanya menjadi tempat yang paling mulia secara nisbi mahu pun maknawi. Hujjah jelas ada wujudnya berdasarkan sabda Nabi : *'..dan mimbarku berada di atas telagaku.'*

Kenyataan ini menimbulkan perbezaan. Salah seorang ulama' mengatakan bahawa ini bermakna lahiriyah, maksudnya merupakan kebenaran yang nyata bahawa mimbarnya berada di atas telaganya. Di dalam kitab fiqeh, keimanan terhadap telaga Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam adalah satu kebenaran, sebab kewujudan mimbar di atasnya adalah kebenaran pula. Tiada kemungkinan yang melemahkan, sebab ini merupakan hadis yang benar. Apabila kita mempercayainya, bererti keimanan kita terjamin.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ

'...Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib...'

(Al-Baqarah : 3)

Kerana semua masalah ghaib itu diberitakan oleh insan yang dipercayai, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, maka keimanan terhadapnya adalah wajib.

Dengan kenyataan berikut terkandung isyarat halus : kalau benda-benda mati sahaja dihormati oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, jadi bagaimana halnya dengan para pengikutnya. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً
بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

'Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan.'

(As-Sajdah : 17)

Pernah seseorang yang tidak dikenali duduk di samping Khalifah Radiallahu'anhu di Masjid, kemudian bertanya kepadanya tentang rahsia yang dimiliki oleh Al-Quran. Barangkali ia telah melihat keadaan bangsa Arab sebelumnya, kemudian Al-Quran diturunkan dengan kedudukan yang sedemikian. Saat itu mereka boleh katakan mereka tidak memiliki kemuliaan sama sekali, kecuali setelah Allah menganugerahkan Al-Quran. Sebab Al-Quran memang mengandungi kemuliaan dan membuatkan seseorang itu dekat dengan Tuhannya.

Oleh sebab itu, ketika Umar mencatat dan membentuk suatu *diwan* dengan mengajukan dan mengutamakan orang-orang berdasarkan hampirnya nasab mereka dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam serta keutamaan Islam dan hijrahnya, maka terpilih orang yang mengandungi pengalaman mereka dengan Al-Quran, sehingga datang puteranya, Abdullah

dan berkata kepadanya : *'Mengapa ayah lebih mengutamakan Abdul Rahman bin Abu Bakar daripadaku ?' Umar menjawab : 'Kerana ayahnya lebih utama daripada ayahmu di dalam Islam.'*

Kedudukan yang lebih rendah yang boleh kita sebutkan adalah kecintaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, sebab ketika menjawab orang yang bertanya tentang hari kiamat, *Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bertanya semula : 'Apa yang engkau telah persiapkan untuknya ?' Dia menjawab : 'Demi Allah, aku tidak mempersiapkan baginya amalan-amalan yang besar, hanya aku menyintai Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya.'* *Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepadanya : 'Duduklah, engkau bersama orang yang kau cintai.'*

Di dalam hadis ini terdapat dalil terhadap keperluan manusia, yang bukan berupa sesuatu di dunia ini, melainkan berupa pahala dan amalan.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menyebut-nyebut tentang : *'... rumahku dan mimbarku'*. Rumah adalah keperluan manusia, kerana boleh menghadang penglihatan orang lain, boleh melindunginya dari gangguan hujan dan panahan matahari, serta boleh digunakan untuk menyendiri. Di dalamnya, seseorang boleh melakukan sesuatu untuk mendapatkan pahala, mencari kesenangan dunia, dan semua yang berkaitan dengan keperluan-keperluannya. Apa yang harus diingat, itu semua hendaklah digunakan oleh manusia untuk membantu kehidupan akhiratnya. Ia akan mendapatkan pahala, tetapi dengan syarat, ia digunakan pada had keperluanannya. Kalau tidak, maka ia berubah menjadi nafsu, lalu keluarlah manusia itu ke bahagian lain. Justeru, ketika Uthman bin Affan r.a. memasukkan rumah isteri-isteri Nabi ke dalam projek peluasan Masjid Nabawi yang mulia, sebahagian para sahabat Radiallahu'anhum berkata : *'Aku ingin melihat andaikata boleh, membiarkan rumah-rumah itu (sedemikian rupa) sehingga ke akhir umat ini, agar mereka boleh melihat rumah-rumah Ummahatul Mukminin, isteri-isteri Nabi mereka, sebagaimana dulunya, di mana tingginya satu meter dan luasnya satu meter.'*

Demikian juga dengan sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam '*... dan mimbarku.*' Letak mimbar biasanya lebih tinggi dari lantai dan tidak dimanfaatkan kecuali untuk kepentingan Agama. Dari situlah semua kaum Muslimin yang hadir memperdengarkan huraian tentang undang-undang Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atas diri mereka, sehinggalah menyebarkan pahala kepada semua orang lain. Daripadanya juga dijelaskan semua urusan Agama yang diperlukan oleh manusia untuk kebaikan mereka, walaupun berupa kesenangan dunia. Oleh sebab inilah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak memakai cincin yang bercap kecuali ketika Baginda diberitahukan bahawa kaisar-kaisar Romawi tidak mahu membaca surat tanpa cap. Hal ini boleh diterima sebagai sebab.

Ini adalah penjelasan yang perlu diketahui oleh orang-orang yang datang untuk berziarah kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

Ada pun soal ziarah kubur para wali, ia boleh didasarkan kepada hadis-hadis yang telah saya sebutkan tentang ziarah kubur yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam secara khusus sebagaimana di dalam Sunnah sahih yang telah disepakati. Hadis-hadis sahih itu juga menguatkan masalah ziarah kubur para wali dan orang-orang mati.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

زُورُوا الْقُبُورَ فَإِنَّهَا تُذَكِّرُكُمْ الْآخِرَةَ

'Ziarahilah kubur, kerana ia mengingatkan kamu kepada akhirat.'

Al-Hafiz Abu Musa Al-Asbahani di dalam kitabnya : **Adab Ziaratul Qubr**, telah berkata : *'Perintah menziarahi kubur diperolehi dari hadis Buraidah, Anas, Ali, Ibn Abbas, Ibn Mas'ud, Abu Hurairah, Aisyah, Ubai bin Ka'ab dan Abu Zar. Maka maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sebagai makam yang paling mulia termasuk dalam keumuman maqam yang diperintahkan untuk diziarahi.'*

Kalau berdasarkan ijma', maka Al-Qadhi 'Iyadh berkata : *'Perlu diketahui bahawa para ulama' bersepakat atas ijma' tentang dianjurkan kaum lelaki untuk menziarahi kubur. Bahkan sebahagian golongan Az-Zahiriyyah mengatakan wajibnya hal itu kerana berdasarkan hadis-hadis yang telah disebutkan. Di antara yang melaporkan bahawa ijma' kaum Muslimin tentang istihbab(disunatkan) perkara ini adalah Abu Zakariyya An-Nawawi Radiallahu'anhu.'*

Saya telah memutuskan dan meneliti syariat tentang diperbolehkannya menziarahi kubur bagi kaum lelaki, di mana kubur Nabi termasuk dalam keumuman perintah ini. Maksud saya ialah menetapkan anjuran tersebut dengan dalil-dalil yang khusus. Lain dengan orang yang tidak menganjurkan ziarah kubur kerana kekhususannya, melainkan ziarah kubur secara umum. Di antara yang memerhatikan hal di atas, ziarah maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dianjurkan dengan cara umum dan khusus.

Seandainya ditetapkan ada perbezaan dalam hal berziarah ke kubur selain Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, maka penetapan perbezaannya bukan dalam hal ziarah. Sebab, ziarah kubur merupakan pengagungan, sementara pengagungan terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam adalah wajib, sedangkan yang lain tidak. Oleh kerana itu, tiada bezanya antara penziarah lelaki mahupun penziarah wanita, sebab mereka tidak dilarang untuk menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Manakala kubur-kubur yang lain, ijma' sepakat menganjurkan ziarah bagi kaum lelaki.

Manakala wanita yang menziarahi kubur perlu memerhatikan empat hal.

Pertama

Yang terkenal ialah hal ini termasuk perkara yang makruh. Ini diputuskan oleh As-Syeikh Abu Hamid, Al-Mahamali, Ibn As-Sabbagh, Al-Jurjani, Nasir Al-Maqdisi dan lain-lain.

Ar-Rafi' berkata kebanyakan ulama tidak menyebut yang lain dari itu.

Kedua

Wanita dilarang menziarahi kubur. Ini antara lain disebutkan oleh pengarang kitab **Al-Muhazzab** dan **Al-Bayan**.

Ketiga

Tidak dianjurkan dan tidak pula dibenci. Jelasnya, diperbolehkan. Ini dikatakan oleh Ar-Rubani.

Keempat

Apabila ziarah kubur itu menyebabkan si wanita kembali berduka, kemudian menangis dan berteriak-teriak histeria seperti yang biasa mereka kerjakan, maka ziarah kubur diharamkan. Larangan untuk berziarah ini dikecualikan bagi wanita tua yang sudah tidak memiliki daya tarikan, sebagaimana mereka diperbolehkan hadir ke masjid-masjid.

Perbezaan antara lelaki dan wanita dalam soal ini ialah kaum lelaki mampu menahan diri dan mempunyai kekuatan lebih besar untuk tidak menangis dan kerasukan, berlainan pula dengan wanita.

Golongan yang menolak kaum wanita menziarahi kubur biasanya berhujjah dengan sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam :

لَعِنَ اللَّهُ زُورَاتِ الْقُبُورِ

'Allah Subhanahu wa Ta'ala mengutuk wanita yang menziarahi kubur.' (Diriwayatkan oleh At-Tirmizi, dari hadis Abu Hurairah Radiallahu'anhu yang dikatakan sebagai hasan sahih, juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dari Hasan bin Thabit)

Manakala mereka yang memperbolehkan wanita menziarahi kubur biasanya berpegang dengan hadis yang disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam :

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

'Kami pernah melarang kamu untuk menziarahi kubur, maka sekarang ziarahilah.'

Golongan yang menolak wanita menziarahi kubur mengatakan bahawa perintah di dalam hadis di atas ditujukan kepada kaum lelaki. Pada hal Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam pernah bersabda kepada seorang wanita yang dilihatnya sedang menangis di kubur : *‘Bertakwalah kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala dan bersabarlah.’*

Sabda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam tersebut bukan larangan untuk berziarah, dan inilah antara dalil-dalil yang benar tentang kaum wanita menziarahi kubur. Seperti juga jawapan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam di saat ‘Aisyah Radiallahu‘anha bertanya : ‘Apa yang harus aku ucapkan (kepada ahli kubur) wahai Rasulullah?’ Baginda menjawab :

قَوْلِي السَّلَامَ عَلَى أَهْلِ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

‘Katakanlah, semoga kesejahteraan terlimpah ke atas para penghuni kubur dari kaum Mukminin.’

Akan saya sebutkan pula tentang Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam keluar ke Baqi’, yang juga merupakan dalil yang sahih.

Di antara dalil yang menunjukkan diperbolehkan ziarah ke maqam para wali dan orang-orang yang soleh bagi kaum Muslimin secara umum adalah Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam berziarah ke Baqi’ dan maqam para syuhada’ Uhud. Saya boleh menjelaskan bahawa ziarah tersebut tidak dikhususkan kepada Baginda semata-mata, melainkan dianjurkan juga kepada kaum Muslimin yang selainnya. Apabila menziarahi kubur orang lain itu dianjurkan, maka dalam hal ini maqam Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam itu lebih utama untuk diziarahi, sebab Baginda mempunyai hak untuk itu, dan sebaliknya kita mempunyai kewajiban untuk mengagungkannya.

Kaum ulama’ mempunyai tugas untuk menjelaskan kepada umat Muslimin, adab-adab, pelajaran, mahupun penghargaan yang wajib dilakukan pada batas-batas dalil-dalil syariat. Apa yang dilarang di sini adalah beribadat kepada selain Allah Subhanahu wa Ta’ala, dan barangsiapa yang Allah Subhanahu wa Ta’ala kehendaki kesesatan ke atasnya maka tiada siapa yang

mampu untuk memberikannya hidayah. Jadi, barangsiapa menolak mengagungkan kedudukan nubuwwah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana yang disyariatkan, kerana menganggap hal itu sama dengan mempertuhankan Baginda, bererti dia mendustakan Allah dan mengabaikan perintah untuk memenuhi salah satu hak RasulNya dari umatnya. Sebaliknya, barangsiapa melakukan pengagungan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam secara berlebihan dan melampaui batas sehingga cenderung untuk mempertuhankan Baginda, bererti dia mendustakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan mengabaikan perintah untuk memenuhi hak Allah. Dengan demikian, keadilan dalam menjaga apa yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala tentang RasulNya harus berlangsung secara seimbang dari dua arah.

Tujuan ziarah kubur biasanya boleh dijelaskan sebagai berikut :

1. Ziarah untuk mengingatkan manusia tentang kematian dan akhirat.

Tujuan ini boleh dicapai hanya dengan melihat kubur orang lain, meskipun tidak mengetahui kubur siapa, pun tidak bermaksud istighfar untuknya, atau mencari berkat darinya, atau melaksanakan hak-haknya sebagai penghuni kubur. Ini cukup untuk memenuhi anjuran Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dalam sabdanya : *'Ziarahilah kubur-kubur kerana ini semua mengingatkan kamu kepada hari akhirat.'*

Tatkala melihat kubur, manusia akan ingat kematian dan kelanjutannya. Ini merupakan peringatan dan pengajaran bagi mereka. Semua perkuburan melakarkan kesan yang serupa, dan apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam di dalam hadis di atas adalah kubur sesiapa sahaja, tiada bezanya. Sama halnya dengan masjid. Selain tiga buah masjid yang ditentukan oleh syariat, seluruh masjid di dunia ini sama sahaja kedudukannya.

2. Ziarah untuk mendoakan ahli kubur.

Ini adalah maksud yang terkandung dalam ziarah ke kubur Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan penghuni kubur Al-Baqi'. Doa ini disukai dan merupakan hak setiap jenazah Muslimin.

3. Ziarah untuk mencari berkat dari ahli kubur.

Hal ini boleh dilakukan apabila ahli kubur adalah orang yang baik dan suka menyebarkan kebaikan.

4. Ziarah untuk melaksanakan hak-hak si ahli kubur.

Setiap orang memiliki hak-hak tertentu ke atas orang lain. Apabila seseorang memiliki kewajiban untuk berbakti kepada orang-orang tertentu semasa hidupnya, maka seharusnya dia melanjutkan baktinya, meskipun orang itu telah wafat. Ziarah kubur adalah salah satu bentuk bakti terhadap si mati, kerana terkandung makna penghargaan. Serupa juga dengan perintah untuk menziarahi makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Dalam hal ini Baginda juga berziarah ke kubur ibunya, sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam :

زَارَ قَبْرَ أُمِّهِ فَبَكَى وَأَبَكَى مِنْ حَوْلِهِ فَقَالَ: اسْتَأذِنْتُ رَبِّي فِي أَنْ
 اسْتَغْفِرَ لَهَا فَلَمْ يُؤْذَنْ لِي، وَاسْتَأذِنْتُهُ فِي أَنْ أَزُورَ قَبْرَهَا فَأَذِنَ لِي
 فَزُورُوا الْقُبُورَ فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْمَوْتَ

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menziarahi kubur ibundanya lalu menangis, sehingga menangis pula orang-orang yang berada di sekelilingnya. Baginda bersabda : 'Aku meminta izin dari Tuhanku untuk beristighfar baginya, tetapi tidak diizinkan. Kemudian aku meminta izin untuk berziarah ke kuburnya dan diizinkan. Ziarahilah kubur kerana ia boleh mengingatkan kematian.' (Hadis riwayat Muslim)

Termasuk dalam pengertian ziarah di sini rahmat, kelembutan dan ketenangan bagi ahli kubur. Telah diriwayatkan dari Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bahawa Baginda bersabda:

أَنْسَ مَنْ يَكُونُ الْمَيِّتُ فِي قَبْرِهِ، إِذَا زَارَهُ مَنْ كَانَ يُحِبُّهُ فِي دَارِ
 الدُّنْيَا

'Menjadi tenang si mati di dalam kuburnya apabila dikunjungi oleh orang yang dicintai semasa hayatnya di dunia.'

Demikian juga dari Ibn Abbas r.a., katanya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

مَا أَحَدٌ يَمُرُّ بِقَبْرِ أَخِيهِ الْمُؤْمِنِ يَعْرِفُهُ فِي الدُّنْيَا فَيَسَلُّمُ عَلَيْهِ إِلَّا عَرَفَهُ وَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ.

“Tiada seorang pun yang berjalan di sisi kubur saudaranya yang beriman, yang dikenalnya ketika di dunia kemudian memberi salam, kecuali dia mengenalinya dan menjawab salamnya.” (Hadis riwayat Jama'ah)

Al-Qurtubi di dalam kitabnya, **At-Tazkirah** mengatakan: *‘Abdul Haq membenarkan hal itu, dan kami meriwayatkannya dari hadis Abu Hurairah Radiallahu‘anhu.’*

Banyak athar tentang pengambilan manfaat dari si mati dengan menziarahi kuburnya dan apa-apa yang sampai kepada mereka dari yang hidup. Pengetahuan mereka tentang hal itu tidak terbilang.

Kalau kita mengetahui hal ini, maka boleh dikatakan bahawa berziarah kepada Nabi s.a.w. telah ditetapkan kerana mengandungi empat pengertian iaitu :

Pertama

Kerana hal itu ternyata merupakan peringatan tentang maut dan akhirat.

Kedua

Kita memang diperintahkan untuk mendoakannya meskipun Baginda telah diberi kurniaan yang melimpah ruah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, lebih daripada apa yang kita doakan.

Ketiga dan Keempat

Tiada satu makhluk pun yang lebih besar berkatnya daripada Baginda dan tiada suatu apa pun yang diwajibkan atas kita darinya.

Dengan itu, makna yang terkandung di dalam ziarah kubur Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam tidak sama dengan kubur-

kubur yang lain. Tiada seorang pun yang menyamai maqamnya. Sama halnya dengan Masjidil Haram, tiada masjid lain yang menyamai maqamnya. Itu sebabnya disyariatkan secara khusus bagi kita untuk mengunjunginya, berbeza dengan kubur-kubur yang lain.

Seandainya ziarah ke maqam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ini tidak disandarkan kepada dalil yang khusus, tidak mungkin hadis-hadis terdahulu menunjukkan kekhususan ziarah tersebut. Padahal tiada yang menolak kekhususannya kecuali dalil-dalil yang umum.

Oleh sebab itu, ziarah ke maqam Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam merupakan suatu anjuran yang kuat, lantaran adanya ketetapan dari dalil-dalil yang kuat, juga kerana di dalamnya terdapat pengertian-pengertian yang umum, yang tidak bercampur dengan yang lain.

Adapun ziarah kubur yang lain, dianjurkan secara mutlak. Telah saya tunjukkan nas-nas yang menerangkan tentang disukainya ziarah kubur-kubur beserta kisah tentang ijma' atas hal itu. Bahkan ada pula orang-orang yang berkata tentang wajibnya ziarah kubur.

Di dalam kitab **An-Nawadir**, karangan Ibn Abi Zaid dari kitab Ibn Habib tertulis : *'Tidak mengapa apabila seseorang menziarahi kubur, merenung sejenak ke situ, dan memberi salam kepada ahli kubur ketika melaluinya. Hal seperti ini dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Ia juga dilakukan ketika Umar pulang dari perjalanan sedangkan adiknya Asim meninggal dunia, maka beliau pergi ke pusaranya, berdoa dan beristighfar untuknya.'*

Hal yang serupa dilakukan oleh 'Aisyah Radiallahu'anha tatkala saudaranya, Abdul Rahman r.a. wafat sedangkan 'Aisyah tidak berada di tempat itu. 'Aisyah pergi ke kubur Abdul Rahman, berdoa dan beristighfar untuknya. Sementara itu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam juga pernah pergi ke Baqi' untuk beristighfar bagi para penghuni kubur. Ketika memberi salam kepada penghuni kubur al-Baqi' Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ. يَرْحَمُ اللَّهُ
 الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَأْخِرِينَ. وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ،
 اللَّهُمَّ ارزُقْنَا أَجْرَهُمْ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُمْ

'Semoga kesejahteraan terlimpah ke atas kamu wahai penghuni kubur kaum Mukminin dan Muslimin. Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan rahmat kepada orang-orang yang terdahulu dan yang bakal menyusul. Kami insya Allah akan menyusuli kamu. Ya Allah, berilah kami rezeki pahala mereka dan janganlah Engkau fitnahkan kami selepas peninggalan mereka.'

Perkataan seperti itu adalah umum dan dalil-dalil atas kesahihannya banyak yang mutawatir.

Salam ke atas ahli kubur yang diajarkan oleh sunnah adalah sepertimana yang diajarkan oleh Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, Abu Bakar dan Umar Radiallahu'anhuma. Nabi juga telah mengunjungi kubur para syuhada' Uhud, memberi salam dan berdoa kepada mereka.

Imam Malik Radiallahu'anhu pernah ditanya tentang ziarah kubur, lalu dia mengatakan : *'Nabi pernah melarang kemudian mengizinkannya. Maka kalau hal ini dilakukan oleh seseorang dan dia tidak berkata-kata kecuali yang baik, aku menganggapnya tiada apa-apa.'*

Sementara itu Ibn Qurtubi pernah berkata : *'Sebenarnya hal itu dizinkan agar menjadi pengajaran bagi seseorang. Dikecualikan bagi yang datang dari perjalanan yang jauh dan walinya di dalam perjalanan itu telah meninggal. Maka ia berdoa untuknya, memohon rahmat baginya, kemudian mengunjungi kubur syuhada' Uhud dan memberi salam kepada mereka sebagaimana memberi salam kepada makam Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan kedua pendampingnya.'*

Antara yang dikatakan oleh Ibn Habib : *'Tidak mengapa',* menggambarkan bahawa hal itu diperkenankan, dan tidak menolak bahawa hal itu suatu sunnah. Barangkali ziarah kubur

menurutnya adalah seperti mengunjungi orang sakit atau seumpamanya dari *taqarrub*, yang tidak terlerai dari asal ibadat.

Kalau pengertian ini yang dikehendaki, maka ini tidak merungkai kesepakatan keatasnya, kerana menziarahi orang mati adalah serupa dengan menziarahi orang hidup. Menziarahi orang hidup tidak dianggap ziarah melainkan jika dilakukan dengan tujuan *taqarrub*, dan dari situlah pahala kita diperhitungkan. Jika bukan tujuan *taqarrub* maka tiada pahala baginya.

Demikian juga dengan ziarah kubur, *taqarrub* di dalamnya mengandungi beberapa makna, antaranya sebagai pengajaran dan ini dianjurkan bagi sesiapa sahaja. Demikian juga untuk memohon rahmat, doa dan ketetapan bagi si mati dari keluarganya atau dengan orang-orang yang dekat dengannya ketika pemergiannya.

Hal ini seperti yang dilakukan oleh Ibn Umar Radiallahu'anhu ketika pulang setelah adiknya, Asim meninggal. Ibn Umar Radiallahu'anhu apabila pulang dari perjalanan dan salah seorang anaknya meninggal beliau berkata : '*Tunjukkanlah kepadaku kuburnya.*' Setelah ditunjukkan, dia datang, berdiri dan berdoa kepada rohnya.

Kandungan

ADAB-ADAB ZIARAH

Orang yang datang berziarah seharusnya mengikhlaskan niatnya, berkonsentrasi penuh, bersikap tekun semampunya, penuh ketundukan dan khusyuk.

Para ulama' bersepakat tentang wajib mengikuti adab dan penghormatan yang sempurna kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ketika berdiri di hadapan kuburnya yang mulia, sebagaimana semasa hayat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Dari Abu Bakar As-Siddiq Radiallahu'anhu, beliau berkata : *'Janganlah mengeraskan suara mengatasi suara Nabi dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, baik ketika hidup mahupun setelah wafat Baginda.'*

Imam Al-Bukhari mengeluarkan sebuah hadis daripada Umar Radiallahu'anhu, katanya : *'Sesungguhnya ia berkata kepada dua orang penduduk Thaif : 'Seandainya kamu adalah penduduk kota ini, maka aku akan menghukum dan menyakiti kamu dengan pukulan. (Ini kerana) kamu mengeraskan suara di masjid Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.'*

Dari 'Aisyah Radiallahu'anha : *'Dia mendengar suara orang yang mengukuhkan ikatan dan palu yang dipukul di salah sebuah tembok rumah di sebelah masjid, lalu mengirimkan pesan kepada mereka, janganlah kamu mengganggu Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.'*

Justeru, orang-orang yang berziarah hendaklah bersopan santun dan merendahkan suara ketika mengucapkan salam, iaitu antara lantang dan perlahan.

Antara yang dinyatakan oleh para ulama' kita tentang adab-adab berziarah ialah: Setiap penziarah dianjurkan memperbaharui taubatnya di makam yang mulia itu, dan memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* supaya menjadikannya sebagai taubat *nasuha*, kemudian bersyafaat kepada Tuhannya dengan perantaraan RasulNya supaya ia diterima. Juga memperbanyakkan istighfar dan merendahkan diri setelah membaca firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ
 جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
 لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

'Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.'

(An-Nisa' 64)

Dan mengatakan: *'Kami adalah tetamumu dan penziarahmu, wahai Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Kami datang kepadamu untuk memenuhi hakmu dan mencari berkat serta syafaat denganmu (dari perkara) yang membuat kami menjadi malas dan hati kami menjadi gelap. Tiada lagi bagi kami, wahai Rasulullah, penolong selain engkau, yang kami harapkan hanyalah pintumu yang menyampaikan, maka beristighfarlah untuk kami dan bersyafaatlah bagi kami di sisi Tuhanmu, dan pohonkanlah agar Dia mengumpulkan kami ke dalam golongan hamba-hambaNya yang soleh dan para ulama' yang 'amilin.'*

Antara salam yang sempurna dan paling agung ketika berhadapan dengannya adalah: *'Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan wahai penutup segala Nabi. Semoga kesejahteraan terlimpah ke atasmu, wahai penolong orang-orang yang berdoa. Semoga keselamatan dilimpahkan ke atasmu, wahai pemimpin*

orang-orang yang bertaqwa. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan, wahai Rasul alam semesta. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan, wahai pemimpin pejuang yang perkasa. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan, wahai kurnia Allah bagi Mukminin. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan, wahai Thaha. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan, wahai Yaasin. Semoga keselamatan tercurah atasmu dan atas keluargamu yang baik dan suci. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan dan juga ke atas isteri-isterimu yang suci dan ibunda kaum Mukminin yang berbakti. Semoga kamu dilimpahi kesejahteraan dan juga ke atas para sahabatmu. Ya Allah, berikanlah kepadanya apa yang diperlukan oleh orang yang memerlukan, dan khususkanlah baginya maqam yang mulia, wasilah, fadhilah, darjat yang tinggi, dan tempat tertinggi yang harus ditempati oleh orang-orang yang mengharap.

Apabila waktu untuk membaca atau untuk menghafalkan salam di atas terlalu suntuk, maka bolehlah lakukan semampunya sahaja. Adapun soal menghadap ke arah kubur yang suci sudah pun disentuh oleh para ulama' ibadat, bahawa menghadap ke kuburnya yang suci ketika berziarah dan berdoa lebih utama daripada menghadap kiblat. Berkata seorang ulama', Kamal bin Al-Hummam Radiallahu'anhu : *'Menghadap ke kuburnya yang suci lebih utama daripada menghadap ke arah kiblat.'*

Daripada Ibn Umar Radiallahu'anhu, katanya : *'Termasuk di dalam Sunnah ialah menghadap ke maqam Baginda yang suci dan menghadap punggung ke arah kiblat.'*

Ibn Jama'ah juga telah menyentuh perkara ini, dengan mengutip dari Abu Hanifah, tentang saranannya menghadap kubur yang mulia.

Pengarang kitab **Jauharah Al-Mu'azzam** pernah berkata: *'Dalil menghadap ke arah maqam berdasarkan kesepakatan kita bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam hidup di maqamnya dan boleh mengetahui siapa sahaja yang mengunjungi maqamnya. Apabila Baginda masih hidup, para pengunjung tidak boleh berbuat sesuka hati melainkan hanya menghadap ke maqamnya dan membelakangi kiblat. Meskipun begitu ini*

menjadi pertikaian ketika orang-orang berziarah ke maqamnya yang mulia.'

Imam Malik Radiallahu'anhu telah mendahului dengan kata-katanya : *'Jangan memalingkan wajah anda darinya, sebab Baginda adalah wasilah anda dan wasilah ayah anda, Adam 'alaihissalam kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Maka menghadaplah kearahnya dan mintalah syafaat dengan perantaraannya.'*

Adapun Imam Az-Zarqani telah menulis di dalam **Syarhul Mawahib** bahawa kitab-kitab mazhab Maliki penuh dengan kutipan doa kubur yang dibaca dengan menghadap kearahnya dan membelakangkan kiblat.

Demikian juga apa yang dikutip oleh mazhab Imam Abu Hanifah, Asy-Syafi'i dan jumhur seperti itu. Sedangkan di dalam mazhab Imam Ahmad terjadi perbezaan pendapat di antara para ulama'nya. Namun para ulama' yang lebih tua berpendapat yang sama dengan mazhab-mazhab yang lainnya, bahawa seseorang itu harus menghadap ke arah kubur Rasul apabila berziarah ke sana. Demikian juga dengan soal tawassul. Golongan ulama' yang lebih tua memperbolehkannya, bahkan mengakui kesahihan hadis-hadis yang mengemukakan hal tersebut. Kalangan mazhab Al-Hanabilah menyetujui hal itu kerana ketiga mazhab yang lain juga menyetujuinya.

Demikianlah keterangan tentang ziarah ke Maqam Sayyidil Mursalin dari awal hingga ke akhirnya. Semoga selawat dan kesejahteraan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala terlimpah ke atas diri Baginda s.a.w., serta semua yang termasuk ke dalam haknya. Kaum Muslimin silih berganti merendahkan diri di hadapan Baginda, sebab Baginda sememangnya penolong yang tidak akan ditolak pertolongannya, dan tidak pernah mensia-siakan sesiapa sahaja yang datang kepadanya.

Oleh itu si penziarah haruslah menghayati bahawa dia berdiri di hadapan Rasul sebagaimana Baginda masih hidup. Sebab Rasul sememangnya tetap dapat melihat gelagat umatnya, baik semasa hidup mahupun sesudah wafat. Baginda tetap mengetahui keadaan mereka, niat mereka, dan tujuan hati

mereka. Semuanya terlihat dengan jelas, tiada suatu yang tersembunyi dari Baginda Rasul.

Justeru, di sisi para Nabi dan Rasul itu, sayugialah si pengunjung datang kepada Baginda dan menyatakan tujuan kedatangannya dari tempat yang jauh. Mereka mestilah meluahkan segala kesah, hajat serta keperluan mereka. Hati mereka penuh kekhusyukan agar benar-benar hadir di antara para Nabi dan Rasul itu dan melihat mereka dengan penglihatan batinnya. Lebih lanjut lagi, hendaklah ia mengucapkan puja puji dan rasa syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, sebab dia adalah hambanya. Kemudian berselawat kepada para Nabi itu, memohon redha bagi sahabat-sahabatnya, dan memohon rahmat bagi para tabi'in dengan baik sehingga ke hari kiamat. Berikutnya dia bertawassul kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan perantaraan kedudukan mereka agar tercapai kedudukannya, agar mendapat keampunan atas dosa-dosanya. Dia meminta pertolongan dengan perantaraan mereka disertai rasa yakin bahawa permohonannya akan dikabulkan oleh Allah dengan berkat mereka. Dia harus berbaik sangka dalam hal itu, sebab mereka adalah laksana 'pintu' Allah yang sentiasa terbuka.

Telah berlaku sunnah Rasul dalam memenuhi permohonan-permohonan yang diajukan melalui mereka. Jadi, barangsiapa yang tidak mampu datang sendiri untuk menziarahi mereka, hendaklah ia mengirimkan salam atas diri mereka dan menyebutkan keperluannya terhadap keampunan dari dosa-dosa serta keperluan yang lain. Mereka adalah pemimpin-pemimpin yang mulia, sedangkan orang-orang yang mulia tidaklah ditolak permintaannya oleh Allah, termasuk yang bertawassul dengan perantaraan mereka, atau yang datang kepada mereka, atau yang mengutarakan permintaan pertolongannya dari mereka.

Demikianlah penjelasan tentang ziarah kepada Nabi dan Mursalin semuanya.

Dengan adanya penjelasan seperti itu, sewajarnya setiap orang tidak membiarkan diri terus kosong dari menziarahi para wali dan orang-orang yang soleh. Dengan mengunjungi mereka, hati yang beku boleh menjadi cair dan segala kesulitan menjadi mudah, sebab mereka berdiri di ambang kedermawanan dan

pertolongan. Permohonan yang diajukan oleh mereka tidak tertolak, sehingga menjadikan kita duduk di sisi mereka tidak sia-sia, berkenalan dengan mereka dan mencintai mereka.

Mereka ibarat 'pintu-pintu' Allah yang sentiasa terbuka bagi hamba-hambanya yang bersegera untuk mengunjungi mereka dan meraih kesempatan mendapatkan berkat mereka. Dengan mengunjungi sebahagian mereka, dia akan mampu memahami dan mengingati hal-hal yang tidak dapat dilukiskan dengan kata-kata, sebab dengan berziarah bererti dia dapat melihat pelbagai keadaan – lebih banyak dari yang mampu kita gambarkan. Tersedia untuknya berkat yang besar dari ilmu dan keadaan. Oleh kerana itu, janganlah melepaskan diri dari kebajikan besar ini, dengan syarat kita melakukan semua ini hanya kerana hendak memelihara dan mengikuti sunnah.

Sheikh Abdullah bin An-Nukman berkata : *'Orang-orang yang cermat dan berpengalaman suka menziarahi kubur orang-orang yang soleh kerana di dalamnya terkandung berkat dan pengajaran. Berkat orang-orang yang soleh itu kita dapat perolehi ketika mereka masih hidup mahupun mati, demikian juga berdoa di kubur orang-orang soleh boleh diletakkan harapan, sepertimana berdoa di kubur para ulama' dan pemimpin agama kita.'*

Imam Fakhruddn Ar-Razi menulis di dalam kitabnya : **Al-Muthalab**, pada fasal yang menyatakan tentang tatacara mengambil manfaat dari menziarahi kubur-kubur dan orang-orang mati : *'Apabila seseorang menuju ke kubur seorang yang teguh jiwanya dan sempurna keperibadiannya, sekalipun satu jam sahaja, ini sudah mampu mempengaruhi dirinya. Si pengunjung memberi kesan kepada tanah kubur yang dilawatinya, dan di waktu yang sama si ahli kubur juga memberi kesan kepada tanah kuburnya. Justeru, di saat itu terjalinlah hubungan dan ikatan antara si penziarah dan ahli kubur yang dikunjunginya, sebabkan pengaruh tanah kuburnya. Lantas dua jiwa berpadulah dua jiwa – yang hidup dan yang mati – dan dua pandangan. Cahaya dari pihak masing-masing memancar mengenai orang lain, sehingga si pengunjung mendapat semua makrifat, burhan, ilmu-ilmu kasbiyah, dan akhlak yang mulia*

dari kekhushyukan dan ketawadhuan si ahli kubur itu kepada Allah. CahayaNya memantul kepada ruh si ahli kubur, kemudian seluruh ilmu dan kesan-kesan yang kuat dan sempurna di dalam dirinya bersinar mengenai ruh si pengunjung. Dengan cara ini, maka ziarah kubur boleh menghasilkan manfaat yang besar. Kebahagiaan yang agung memenuhi hati si penziarah. Inilah sebab dan asal dari pensyariatan menziarahi kubur. Oleh sebab itu, janganlah menjauhkan diri darinya agar anda memperoleh rahsia-rahsia lain yang tersembunyi dari apa yang saya sebutkan. Kesempurnaan hakikat bukan hanya di sisi Allah.' Demikianlah kata-kata Ar-Razi.

Seseorang itu perlu juga memerhatikan bagaimana keadaan orang yang diziarahi, sebab hal itu ada kesannya; demikian juga apa yang diminta, dengan apa dia akan menjawab, dan bagaimana keadaannya. Kemudian si ahli kubur akan memintakan rahmat Allah untuknya. Permohonan itu menarik rahmat baginya dan meninggikan darjatnya di akhirat. Dia juga akan merasakan sesuatu ketika dia juga akan ke sana kelak, sebab maut itu pasti datang, ajal itu terbatas, yang hidup akan mati dan yang mati akan lenyap. Saat ini ia merasakan dia sedang ditanya dan dia memikirkan bagaimana dia akan menjawabnya. Dia berada di dalam kubur seorang diri tanpa keluarga, saudara, teman mahupun anak-anak. Seluruh hartanya habis dan amalannya terputus. Dengan itu, dia mendapat pengajaran yang berharga. Inilah yang dikehendaki oleh Rasul tatkala bersabda: *'Maka berziarahlah kerana sesungguhnya ia dapat mengingatkan kamu kepada kematian.'*

Bentuk salam yang diucapkan kepada ahli kubur adalah sebagai berikut :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، رَحِمَ اللَّهُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَّا وَالْمُسْتَخِرِينَ، وَإِنَّا إِن شَاءَ
اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ، أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ

'Kesejahteraan ke atas kamu wahai penghuni kubur, dari kalangan Mukminin dan Mukminat, Muslimin dan Muslimat. Allah memberi rahmat kepada orang yang

terdahulu dan kemudian. Insyallah kami akan menyusuli kamu. Aku mendoakan kesejahteraan untuk kami dan kamu.’ Selanjutnya, ‘Ya Allah, ampunilah kami dan mereka.’

Demikianlah lebih kurang, kerana doa ini ada bermacam-macam. Apa yang penting, maksudnya ialah mendoakan mereka dan memohon rahmat untuk mereka. Kita bebas untuk duduk dari arah kaki sehingga ke kepala si mayat, atau bahagian hadapan wajahnya. Berikutnya kita memuji dengan doa puji-pujian yang ada dan berselawat kepada Nabi, sebab selawat merupakan sebahagian dari syariat. Kemudian baharulah kita mendoakan untuk ahli kubur dengan apa sahaja doa yang kita mampu. Berdoa di perkuburan ini juga boleh dilakukan ketika berlakunya musibah ke atas diri kita atau ke atas diri kaum Muslimin. Kita bermohon kepada Allah agar melenyap atau menjauhkan musibah tersebut dari diri kita dan kaum Muslimin.

Demikianlah bentuk menziarahi kubur secara umum.

Apabila ahli kubur yang kita ziarahi itu, dipohon dan kita mengharapkan berkatnya – sebagaimana kata Ibn Al-Haj di dalam kitabnya, **Al-Madkhal**, maka kita boleh bertawassul kepada Allah dengan perantaraannya, dan juga bertawassul kepada Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam*, dengan apa atau siapa sahaja yang kita boleh mengharapkan berkatnya, atau memulainya dengan bertawassul kepada Allah dengan perantaraan Nabi *Sallallahu ‘alaihi wasallam*, sebab Bagindalah asal dan sandaran dalam bertawassul dan yang mensyariatkan untuknya. Setelah itu, bertawassul dengan perantaraan orang-orang yang mengikuti sunnah Rasul dengan baik, sehingga ke hari kiamat.

Saya akhiri fasal ini dengan petikan dari kitab **Nafh At-Thib**, kerana di dalamnya terdapat kata-kata bernilai, sebagaimana berikut : *‘Kerana kurnia Allah ke atas diri kita, kerana dihalalkannya apa yang nampak, yang dengannya agama kita tertegak, dan sekutu-sekutu yang menampakkan dan menyebarkan kebenaran didalamnya, serta tempat-tempat di mana Allah Subhanahu wa Ta‘ala menghancurkan dan menundukkan pasukan syaitan, kemudian memenangkan dan membela Nubuwwah, mencantas kekuatan kekufuran, mengukuh*

sendi-sendi tauhid, menyejukkan pandangan dan melunaskan semua hutang, maka lidah pun melontarkan syair-syairnya :

‘Wahai yang dengan kebaikan, semerbaknya kecantikan dan kemuliaan,

Dan siapa yang dengan kemuliaannya telah memuliakan bangsa Arab,

Wahai Ahmad Al-Mustafa, telah kau bawa dari negeri bergerak mengikuti keabadian, mengukur hasrat,

Aku ditakluki dosa-dosa, ku katakan bahawa kesombongan hanyalah bagi Allah, dan ‘Thaha’ diharapkan sebagai pelarian,

Aku lupa melihat arah di mana kita berada, dan didahului oleh air mata,

Yang tidak menentang dan tidak pula menolak kebahagiaan,

Wahai yang asyik makhsyuk dengan keindahan,

Tidak ditemui oleh nikmatnya perjumpaan,

Katakan kepada kedua matamu: lupakan saja bahagia,

Saat dihibur pada hari perpisahan,

Menghimpun kerinduan, kesenangan dan kebahagiaan,

Mengumpulkan semua lara dan kerinduan,

Perintahkan matamu untuk mengalirkan air mata nan deras,

Berulang-ulang, berkali-kali,

Ini rumah mereka, sedang engkau mencintainya,

Apalah ertinya sisa air mata diufuk-ufuk,

Ini dari gubuk-gubuk, membosankan orang yang mengetahui keperkasaan dan kekuatan, meninggi di atas kita cahaya-cahaya, mengosongkan kita dari berita, dan menghiasi kita dengan manisnya kata. Bagaimana tidak, sedangkan tabiatnya adalah sarang dusta.

Berhentilah, ini Yathrib, Alhamdulillah.

Beritakan khabar gembira, telah kau dapati apa yang kau pinta,

Taburi tanah wajahmu, sesungguhnya engkau lebih berhak atas segala kewangian nan harum,

Ciumilah tanah di sekelilingnya yang telah menyajikan, yang kau dekati dan disukai sesuatu dengan sesuatu,

Ketenangan kalbu masih bersama insan yang dirindukan,

Kepadanya bara api pemanggang berbalikan,

Dan titik-titik air mata telah dihapus,

Dengan hati yang dingin dan kata yang menyala-nyala,

Demikianlah kita mengucapkan salam kepada Sayyidul Anam.

Dari Allah, Baginda mendapatkan selawat dan salam yang paling mulia. Lalu dengan penuh malu dan rasa segan, sebab saya memang melakukan perbuatan yang memalukan. Namun kerana bertawassul dengan jah Al-Mustafa Sallallahu 'alaihi wasallam, saya menjadi orang yang berwajah cerah berseri-seri kerana maaf. Inilah Raudhah Rasul, maka biarkan aku mengalirkan air mata di lembah kebahagiaan.

Jangan cela aku kerana derasny airmata,

Hanya ku curahkan bagi lembah ini,

Kita berdiri di ambang pintu harapan dan cita-cita,

Berbekal ketekunan dan kesantunan,

Bertawassul kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan maqam kemuliaan, dikelilingi oleh kaum-kaum yang tinggal di sana, dan menyimpannya,

Bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala rindu telah melewati batasnya,

Lebih baik daripada kesabaran yang besar lalu diremukkan,

Wahai penggemar kekufuran, janganlah kau hitung-hitung untung,

Bagi yang rindu menaburi pipinya,

Di Raudhatul Hadi yang menunjukinya.

CLICK HERE TO CONTINUE

